

# TILAWAH AL-QURAN AYAT KEFAHAMAN / HAFAZAN

## PEL. 1: MEMOHON KEAMPUNAN DAN RAHMAT ALLAH

### Latar Belakang Ayat

Allah mencipta nabi Adam daripada tanah dan Hawa daripada tulang rusuk Nabi Adam, kemudian Allah memasukkan kedua-duanya ke dalam syurga. Di dalam syurga Allah melarang Nabi Adam dan isterinya Hawa mendekati sepon pohon pokok. Iblis mengambil peluang ini untuk memperdaya Nabi Adam dan Hawa memakan buah daripada pokok tersebut dengan memberi alasan bahawa sesiapa yang memakannya akan bertukar menjadi malaikat dan dapat tinggal selama-lamanya di dalam syurga. Akhirnya Nabi Adam dan Hawa terpedaya dengan tipu helah iblis. Sebaik sahaja mereka memakan buah daripada pokok tersebut, pakaian mereka terungai daripada badan. Allah menghukum Nabi Adam dan Hawa keluar dari syurga dan turun ke dunia. Nabi Adam menyesal atas perbuatan tersebut lalu memohon ampun kepada Allah dengan lafaz seperti yang disebutkan di dalam ayat 23 surah al-a'raf.

### Jenis dan contoh-contoh kezaliman

1. **Zalim terhadap Allah:** seperti tidak solat, tidak berpuasa pada bulan Ramadan.
2. **Zalim terhadap diri sendiri:** seperti menghisap dadah dan membunuh diri.
3. **Zalim terhadap sesama manusia:** seperti membuli kawan, mencaci dan merosakkan harta benda awam.
4. **Zalim terhadap alam sekitar:** seperti membuang sampah di merata-rata tempat.

### Maksud menzalimi diri sendiri

Orang yang melakukan dosa terhadap Allah seperti mencuri, minum arak, meninggalkan solat, tidak berpuasa pada bulan Ramadan atau merosakkan harta benda awam dianggap menzalimi diri sendiri kerana melanggar hukum

syarak dan mendedahkan diri mereka kepada kemurkaan dan azab Allah.

### Maksud keampunan Allah

Penghapusan dosa oleh Allah kepada hambaNya yang berdosa dan memohon taubat kepadaNya.

### Langkah-langkah untuk mendapat keampunan Allah

1. Mengaku kesalahan.
2. Menyesal atas kesalahan yang dilakukan.
3. Menempelak diri.
4. Bertaubat.
5. Tidak berputus asa.

### Maksud rahmat Allah

Kasih belas yang dilimpahkan oleh Allah kepada orang yang dikehendakiNya.

### Cara-cara untuk mendapat rahmat Allah

1. Berlaku adil terhadap orang lain.
2. Bertaubat dengan ikhlas dan berazam tidak akan mengulangi dosa yang dilakukan.
3. Melaksanakan ibadat dengan ikhlas dan sempurna.
4. Berkasih sayang bersama anggota keluarga dan masyarakat.
5. Membelanjakan harta pada jalan Allah ketika senang atau susah.


### Pengajaran Ayat

1. Mengaku kesalahan dan menyesali dosa yang dilakukan ialah sifat terpuji.
2. Orang yang beriman wajib mencontohi taubat yang dilakukan oleh Nabi Adam a.s.
3. Orang yang beriman hendaklah berwaspada dengan godaan syaitan.
4. Keampunan suatu rahmat Allah kepada hambanya.

### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian menzalimi diri sendiri. (2m)
2. Jelaskan maksud keampunan dan rahmat Allah. (4m)
3. Terangkan empat langkah untuk mendapat keampunan Allah. (4m)
4. Huraikan cara-cara untuk mendapatkan rahmat Allah.

5. Orang yang tidak mendapat rahmat dan keampunan Allah ialah orang yang rugi. Huraikan tiga ciri kehidupan orang yang tidak mendapat rahmat Allah dan keampunan Allah. (6m)



## PEL. 2: MEYAKINI HARI KEBANGKITAN

**Bukti Allah berkuasa membangkitkan manusia selepas mati**

1. Semua hidupan memerlukan udara untuk hidup terutamanya manusia. Pencipta udara atau angin ialah Allah. Keadaan ini menunjukkan bahawa Allah yang mentadbir urusan hidup atau matinya manusia. Oleh itu kita hendaklah meyakini bahawa Allah berkuasa menghidupkan semula manusia.

2. Kejadian awan dan penurunan hujan berlaku melalui proses kitar air semulajadi. Proses kitar air semulajadi merupakan sunnatullah. Kehidupan dan kematian juga merupakan sunnatullah. Allah telah menetapkan satu kitaran hidup untuk manusia yang dijadikan daripada benih yang mati, kemudian dihidupkan, setelah itu dimatikan, dan akhirnya dihidupkan semula.

3. Tanah yang asalnya kering kontang dan hangus terbakar, apabila dibasahi hujan menjadi subur sehingga menumbuhkan tumbuh-tumbuhan yang menghidupkan dan buah-buahan yang lazat dimakan. Perumpamaan ini menunjukkan bahawa Allah amat berkuasa menghidupkan semula manusia walaupun mereka telah mati. Allah telah mencipta kita daripada tiada kepada ada, sudah tentulah amat mudah bagi Allah untuk menghidupkan semula diri kita yang telah sedia ada.

### Perbezaan Orang Yang Bersyukur Dan Tidak Bersyukur

Orang Yang Bersyukur	Orang Yang Tidak Bersyukur
Rajin dan ikhlas melakukan ibadat.	Malas dan berpura-pura beribadat
Berusaha memajukan diri, masyarakat dan Negara.	Kurang berusaha memajukan diri, masyarakat dan Negara.
Sabar menghadapi musibah	Tidak sabar dan mengeluh apabila ditimpa musibah
Redha walaupun	Tamak walaupun

menerima nikmat yang sedikit.	menerima nikmat yang banyak.
-------------------------------	------------------------------

### Cara-cara Bersyukur.

#### 1. Dengan Hati

- Redha dan qanaah dengan segala pemberian Allah.
- Bertambah cinta akan Allah apabila menerima nikmat.

#### 2. Dengan Lisan / lidah

- Membanyakkan zikir seperti mengucapkan Alhamdulillah.
- Menyampaikan dakwah dan memberi nasihat secara hikmah.

#### 3. Dengan Amalan


- Memelihara ibadat wajib dan meningkatkan ibadat sunat.
- Memanfaatkan nikmat ke arah kebaikan diri, masyarakat dan negara..

### Pengajaran Ayat

1. Meyakini bahawa Allah berkuasa mematikan dan menghidupkan semula manusia.
2. Kejadian angin yang membawa awan, hujan yang menyuburkan tanah yang gersang dan menghasilkan tumbuhan adalah bukti kekuasaan Allah yang mutlak.
3. Bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah dan menggunakannya untuk faedah kehidupan manusia sejagat.
4. Membudayakan sikap suka mengkaji dan menyelidik untuk manusia membangunkan negara serta membina tamadun umat.


### PENILAIAN

1. Nyatakan dua bukti Allah berkuasa menghidupkan semula manusia. (4m)
2. Terangkan proses berlakunya kitar air semulajadi. (4m)
3. Senaraikan tiga perbandingan antara orang yang bersyukur dan orang yang tidak bersyukur. (6m)



## PEL. 3: MEMANFAATKAN ANUGERAH ALLAH

□□□□□□□□ □□□□□□□□□□  
□□□□□□□□□□



(Surah al-A'raf: ayat 179)

**Maksud Ayat:**

▪ □□□□□□ □□□□□□□□□□  
 □□□□□□□□□□

Dan sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk neraka jahannam

□□□□□□□□ □□□□□□  
 □□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□

Sebilangan besar daripada jin dan manusia

□□□□□□□ □□□□□□□□  
 mereka yang mempunyai hati

□□□ □□□□□□□□□□□□ □□□□□□  
 tetapi mereka tidak menggunakannya untuk berfikir

□□□□□□□□ □□□□□□□□□□  
 mereka mempunyai mata

□□□ □□□□□□□□□□□□ □□□□□□  
 tetapi tidak menggunakannya untuk melihat

□□□□□□□□ □□□□□□□□□□  
 mereka mempunyai telinga

□□□ □□□□□□□□□□□□ □□□□□□  
 □□□□□□□□  
 tetapi tidak menggunakannya untuk mendengar.

□□□□□□□□□□□□□□ □□□□□□  
 □□□□□□□□□□□□□□

Mereka sama seperti binatang ternakan

□ □□□□ □□□□ □□□□□□□  
 bahkan lebih sesat lagi

□ □□□□□□□□□□□□□ □□□□□  
 □□□□□□□□□□□□□□□□  
 Mereka itulah golongan yang lalai.

**Fungsi Mata, Telinga, Hati, dan Akal Supaya Memperoleh Hidayah Allah**

**Mata**

- Membaca al-Quran,
- Melihat tanda-tanda kebesaran Allah

**Telinga**

- Mendengar ayat-ayat suci al-Quran
- Mendengar ceramah dan nasihat yang baik.

**Akal**

- Mengkaji tanda-tanda kebesaran Allah
- Berfikir dan mengkaji ilmu kurniaan Allah

**Hati**

- Mengingati Allah.
- Memahami dan menghayati ayat-ayat suci al-Quran.

**Contoh Penyalahgunaan Mata, Telinga, Akal, dan Hati**

**Mata**

- Melihat perkara yang diharamkan seperti melihat gambar lucah dan melihat aurat lelaki atau wanita.

**Telinga**

- Mendengar perkara yang haram didengar seperti umpatan dan fitnah.

**Akal**

- Berfikir ingin melakukan kerosakan dan kemungkaran.

**Hati**

- Lalai mengingati Allah dan tidak suka muhasabah diri.

**Akibat Penyalahgunaan Pancaindera**

1. Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.
2. Hati menjadi keras hingga sukar untuk diinsafkan.
3. Kehidupan tidak berdisiplin.
4. Tidak disukai oleh masyarakat.
5. Susah menerima kebenaran.



□□□□□□□□□□ □□□□□□□□  
 □□□□□□□□□□ □□□□  
 □□□□□□□□□□ □□

Dan rasa takut, dan dengan tidak meninggikan suara

□□□□□□□□□□□□□□  
 □□□□□□□□□□□□

Pada waktu pagi dan petang

□□□□ □□□□□ □□□□□□  
 □□□□□□□□□□□□□□□□

Dan janganlah kamu termasuk golongan yang lalai (205)

□□□□ □□□□□□□□□□ □□□□□□  
 □□□□□□□□

Sesungguhnya malaikat-malaikat yang ada di sisi Tuhanmu

□□ □□□□□□□□□□□□□□□□□□  
 □□□□ □□□□□□□□□□□□□□

Tidak berasa takbur dalam beribadat (enggan menyembah Allah)

□□□□□□□□□□□□□□□□□□  
 Mereka bertasbih kepada-Nya

□□□□□□□□ □□□□□□□□□□□□□□  
 Dan hanya kepada-Nyalah mereka sujud. (206)

**Maksud Zikir**

- *Pada bahasa:* ingat
- *Pada istilah syarak:* Mengingati Allah untuk kita mendekatkan diri kepada-Nya.

**Jenis-Jenis Zikir**

1. Basmalah – بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
2. Tasbih – سُبْحَانَ اللّٰهِ
3. Tahmid – الْحَمْدُ لِلّٰهِ
4. Takbir – اللّٰهُ اَكْبَرُ
5. Tahlil – لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ
6. Istighfar – اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِیْمَ
7. Hauqalah – لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ

**Zikir-Zikir Lain**

1. Berdoa kepada Allah
2. Menunaikan solat.

**Adab-Adab Berzikir**

1. Berzikir dengan ikhlas.
2. Dilakukan dengan khusyuk.

3. Nada suara dan intonasi yang sederhana.
4. Merendah diri kepada Allah.
5. Tidak berzikir dengan lisan di tempat yang kotor seperti tandas.
6. Memahami setiap ungkapan zikir.

**Peranan Zikir**

1. Meningkatkan keimanan dan ketakwaan.
2. Dapat melembutkan hati.
3. Melindungi diri daripada maksiat.
4. Membentuk disiplin diri.

**Faktor Penghalang Manusia Daripada Mengingati Allah s.w.t.**

1. Perasaan sombong dengan kelebihan yang dimiliki.
2. Terlalu mengejar kemewahan hidup.
3. Gejala sosial yang tidak sihat.
4. Leka dengan hiburan.
5. Terpengaruh dengan dugaan dan tipu daya syaitan.
6. Bergaul dengan rakan yang jahil dan sering melakukan maksiat.

**Perbezaan Antara Ibadat Manusia Dengan Malaikat**

Ibadat Manusia	Ibadat Malaikat
Ada kalanya bertambah dan berkurang.	Tidak bertambah dan tidak berkurang.
Konsentrasi manusia beribadat berubah-ubah mengikut tahap keimanan.	Konsentrasi malaikat tetap kepada Allah dan tidak berubah.
Sebagai tanda ketaatan dan ujian.	Sebagai tanda ketaatan dan kebesaran Allah.

**Langkah-Langkah Mendekatkan Diri Kepada Allah s.w.t.**

1. Menyempurnakan ibadat wajib.
2. Memperbanyakkan ibadat sunat.
3. Menghadiri majlis ilmu.
4. Melayari isu-isu agama dalam internet.
5. Mengkaji dan menyelidik untuk mendekatkan diri kepada Allah.
6. Mendampingi orang-orang soleh.
7. Melazimkan diri dengan berzikir kepada Allah.



□□□□□□□ □□□□□□□□  
□□□□□□□□□□□□  
Apabila selesai solat  
□□□□□□□□□□□□□□ □□□  
□□□□□□□□

Maka bertebaranlah kamu di muka bumi,

□□□□□□□□□□□□□□ □□□  
□□□□□□□ □□□□

Dan carilah kurniaan Allah

□□□□□□□□□□□□□□ □□□□  
□□□□□□□□□□

Dan banyakkkanlah mengingati Allah

□□□□□□□□□□□  
□□□□□□□□□□□□

Supaya kamu berjaya. (10)

□□□□□□□ □□□□□□□□  
□□□□□□□□□ □□□□  
□□□□□□□□ □□

Apabila mereka melihat barang dagangan atau  
,sesuatu yang meleakakan

□□□□□□□□□□□□  
□□□□□□□□□□  
□□□□□□□□□□□□  
□□□□□□□□□□ □

Mereka pergi kepadanya dengan meninggalkan  
engkau seorang diri,

□□□□ □□□ □□□□□ □□□□  
Katakanlah: Apa yang ada di sisi Allah

□□□□□□ □□□□□□  
□□□□□□□□□□ □□□□□□  
□□□□□□□□□□□□□□

Lebih baik daripada segala yang meleakakan dan  
juga barang dagangan,

□□□□□□ □□□□□□  
□□□□□□□□□□□□□□

Dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki. (11)

**Perintah Allah Dalam Ayat 9 Hingga 10 Surah Al-Jumuah**

1. Segera menunaikan solat Jumaat.
2. Sentiasa mengingati allah.
3. Meninggalkan urusan jual beli setelah masuk waktu solat Jumaat.
4. Berusaha mencari kurniaan Allah di muka bumi.

**Sebab Dituntut Segera Menunaikan Solat Jumaat**

1. Dapat pahala saf depan.
2. Dapat mendengar nasihat khutbah Jumaat.
3. Dapat beriktikaf dalam masjid.
4. Dapat berzikir dan melakukan amalan sunat.

**Hikmah Tuntutan Bekerja selepas Solat Jumaat**

1. Bukti bahawa Islam tidak mengabaikan urusan dunia.
2. Hari Jumaat bukan hari beribadat semata-mata.
3. Umat Islam lebih bersemangat bekerja selepas selesai menunaikan kewajipan terhadap Allah.
4. Tuntutan seimbangkan antara dunia dan akhirat.

**Kesan Solat Terhadap Urusan Seharian**

1. Mendisiplinkan urusan seharian.
2. Mendidik insan supaya ikhlas dalam setiap tindakan.
3. Mendorong supaya berusaha bersungguh-sungguh.
4. Menghasilkan pekerjaan yang berkualiti.

**Kepentingan Solat Jumaat Dalam Pembangunan Umat**

1. Mendidik umat mencintai masjid.
2. Mementingkan kebersihan dan gaya hidup sihat.
3. Mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan masyarakat.
4. Saluran informasi terkini.
5. Para jemaah mendapat teguran dan nasihat.
6. Membentuk umat yang berakhlak mulia dan berdisiplin.
7. Dapat membanteras gejala sosial dalam masyarakat.

**Pengajaran Ayat**

1. Setiap muslim hendaklah segera menunaikan solat Jumaat dan meninggalkan semua urusan.
2. Rezeki ialah milik Allah dan Dia berhak memberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.
3. Orang Islam yang cemerlang dapat mengimbangi urusan dunia dan akhirat.

- Umat Islam hendaklah sentiasa mengingati Allah dan patuh kepada perintah-Nya.

#### PENILAIAN

- Senaraikan suruhan dan larangan Allah dalam surah al-Jumua. (4m)
- Nyatakan tiga panduan untuk kita berjaya di dunia dan di akhirat. (6m)
- Nyatakan tiga sebab kita dituntut mengingati Allah walaupun ketika sedang bekerja. (6m)
- Jelaskan implikasi kepada seseorang murid yang tidak menunaikan solat Jumaat. (4m)
- Terdapat segelintir umat Islam mengabaikan solat Jumaat.

Berikan pandangan anda tentang langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. (4m)

والصلاة نور  
Solat itu cahaya

والصدقة برهان  
Sedekah itu bukti

والصبر ضياء  
Dan sabar itu sinaran


والقرآن حجة لك  
Al-Quran itu hujah untuk engkau

أو عليك  
Atau terhadap engkau

كل الناس يغدو فبائع نفسه  
semua orang mempertaruhkan dirinya

فمعتقها أو موبقها  
sama ada memerdekakannya atau membinasakannya.

## HADIS



### HADIS 1: AMALAN MUKMIN CEMERLANG

عن أبي مالك الحارث بن عاصم الأشعري قال : قال رسول الله : الطهور شطر الإيمان والحمد لله تملأ الميزان والارض والسماء والأرض والصبر ضياء والقرآن حجة لك أو عليك كل الناس يغدو فبائع نفسه فمعتقها أو موبقها. [رواه مسلم]

#### Maksud Ayat

عن أبي مالك الحارث بن عاصم الأشعري قال  
Daripada Abu Malik Al-Harith b. 'Asim Al-Asy'ari berkata

قال رسول الله  
Sabda Rasulullah s.a.w. :

الطهور شطر الإيمان  
Bersuci itu sebahagian daripada iman

والحمد لله تملأ الميزان  
Alhamdulillah memenuhi timbangan

وسبحان الله والحمد لله تملأن أو تملأ ما بين السماء والأرض  
Subhanaullah dan alhamdulillah memenuhi ruang antara langit dan bumi

#### Amalan Yang Terdapat Dalam Hadis

- Bersuci
- Bertahmid (alhamdulillah)
- Bertasbih (subhanaullah)
- Menunaikan solat
- Bersedekah
- Bersabar
- Membaca al-Quran

#### Kelebihan Amalan Mukmin Cemerlang

##### 1. Bersuci (wuduk)

- Menyucikan hati mukmin daripada dosa.
- Membersihkan anggota zahir daripada najis dan kekotoran.
- Dapat mengawal perasaan marah.
- Anggota wuduk akan bercahaya pada hari kiamat.
- Diangkat darjatnya oleh Allah.

##### 2. Bertahmid (alhamdulillah)

- Mendapat pahala yang memberatkan timbangan amalan di akhirat.
- Menguatkan ingatan.

##### 3. Bertasbih (subhanaullah)

- Melatih diri mukmin supaya sentiasa bersyukur.
- Bersih pemikiran daripada fahaman karut.



- Mendapat ketenangan hati dan ketenteraman jiwa.
- Mendapat ganjaran pahala yang memenuhi antara langit dan bumi.
- Membersihkan diri daripada syirik.
- Menyamai amalan para malaikat dan seluruh makhluk lain yang sentiasa bertasbih kepada Allah.

#### 4. *Menunaikan solat*

- Mendapat kesihatan fizikal.
- Mukanya berseri-seri.
- Suci hati daripada sifat-sifat keji.
- Orang yang menunaikan solat sunat pada waktu malam akan diterangi kuburnya.
- Mendapat cahaya di dunia dan di akhirat.

#### 5. *Bersedekah*

- Dihormati dan dikasihi masyarakat (fakir miskin)
- Mendapat kesihatan yang baik atau disembuhkan penyakit
- Rezeki diberkati dan digandakan nikmat.
- Mendapat naungan arasy Allah pada hari akhirat.
- Menggugurkan dosa dan bukti keimanan.

#### 6. *Bersabar*

- Mendapat keampunan dan rahmat Allah.
- Sentiasa mendapat petunjuk ke arah kebaikan.
- Diperkenankan doanya oleh Allah.
- Menjadi sumber kekuatan dan kemenangan mukmin.
- Dapat menyelesaikan sebarang masalah.
- Menjadi motivasi ke arah kecemerlangan hidup.

#### 7. *Membaca al-Quran*

- Penawar dan rahmat terhadap kehidupan manusia.
- Petunjuk dan pembeza antara kebenaran dan kebatilan.
- Memberi ketenangan kepada pembaca dan pendengar.
- Beramal dengan ajarannya akan mendapat syafaat di akhirat.

- Panduan hidup yang sempurna dan kekal abadi.

#### **Maksud لك حجة القرآن**

Al-Quran menjadi pembela di akhirat nanti kerana melaksanakan amalan yang bersesuaian dengan tuntutananya.

#### **Amalan Yang Mendapat Pembelaan Al-Quran**

1. Meyakini al-Quran panduan hidup yang sempurna.
2. Membaca al-Quran dengan bertajwid dan beradab.
3. Memuliakan al-Quran.
4. Beramal dengan tuntutan al-Quran.
5. Memahami maksud dan pengertian ayat yang dibaca.

#### **Maksud عليك حجة القرآن**

Al-Quran akan mendakwa orang yang tidak melaksanakan tanggungjawab terhadapnya pada hari akhirat.

#### **Amalan Yang Menyebabkan Pendakwaan Al-Quran**

1. Tidak menjadikan ajaran al-Quran sebagai panduan hidup.
2. Tidak berusaha untuk meyakini al-Quran.
3. Tidak mahu memahami dan menerima maksudnya.
4. Menghina al-Quran sebagai sebuah kitab suci.
5. Mengingkari hukum yang terdapat di dalam al-Quran.


#### **Pengajaran Hadis**

1. Setiap mukmin hendaklah melakukan amalan fardu dan sunat.
2. Islam menggalakkan amalan berkualiti dengan memberi ganjaran pahala yang banyak.
3. Umat Islam wajib menjaga akhlak dengan Allah dan manusia.
4. Al-Quran akan menjadi pembela atau pendakwa kepada manusia pada hari akhirat.

#### **PENILAIAN**

1. Senaraikan amalan kebajikan yang dinyatakan di dalam hadis. (6m)
2. Jelaskan kepentingan beramal dengan amalan fardu dan sunat dalam kehidupan muslim. (4m)

3. Terangkan kelebihan bertasbih, bertahmid dan bersabar. (6m)
4. Terangkan maksud berakhlak mulia terhadap Allah dan manusia berserta contoh. (4m)
5. Al-Quran akan menjadi pembela atau pendakwa kepada manusia pada hari kiamat.  
Huraikan tiga ciri orang yang akan mendapat pembelaan al-Quran pada hari akhirat. (6m)



## HADIS 2: IHSAN TERHADAP BINATANG

عن أبي يعلى شداد بن أوس □ أن رسول الله □ قال : إن الله كتب الإحسان على كل شيء فإذا قتلتم فأحسنوا القتلة وإذا ذبحتم فأحسنوا الذبحة وليحد أحدكم شفرته وليرح ذبيحته. [رواه مسلم]

### Maksud Hadis:

عن أبي يعلى شداد بن أوس  
Daripada Abi Yakla Shaddad bin Aus R.A

أن رسول الله □ قال  
Bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

إن الله كتب الإحسان  
Sesungguhnya Allah mewajibkan berlaku ihsan

على كل شيء  
atas semua perkara.

فإذا قتلتم  
Jika kamu membunuh

فاحسنوا القتلة  
berlaku ihsanlah ketika membunuh,

وإذا ذبحتم  
dan jika kamu menyembelih

فاحسنوا الذبحة  
berlaku ihsanlah ketika menyembelih.

وليحد أحدكم شفرته  
Kamu hendaklah menajamkan pisau

وليرح ذبيحته  
dan menyenangkan haiwan sembelihan.

### Maksud Ihsan Terhadap Binatang

Membuat kebaikan seperti bertimbang rasa dan tidak menganiayainya ketika menyembelih.

### Kepentingan Ihsan Terhadap Binatang

1. Mendapat ganjaran dan rahmat Allah.
2. Menunjukkan rasa hormat dan simpati terhadap binatang.
3. Melahirkan masyarakat yang penyayang dan penyantun.
4. Memelihara habitat binatang daripada kerosakan dan kemusnahan.
5. Membentuk individu muslim yang cinta akan kebaikan dan benci akan keburukan.

### Sabda Rasulullah s.a.w:

“Sesiapa yang membunuh cicak dengan satu pukulan, dia akan mendapat pahala seratus kebaikan, sesiapa yang membunuh cicak dengan dua pukulan, dia akan mendapat pahala kurang daripada seratus, dan sesiapa yang membunuh cicak dengan tiga pukulan, dia akan mendapat pahala kurang daripada pukulan kedua.”

Hadis riwayat At-Tarmizi

### Perlakuan Ihsan Ketika Menyembelih

1. Memberi minum kepada binatang sembelihan sebelum disembelih.
2. Membaringkan di tempat yang rata.
3. Menggunakan pisau yang tajam.
4. Melakukan sembelihan secara cepat dengan sebaik- baiknya.
5. Tidak mengheretnya dengan kasar atau menyiksa badannya ketika dibawa ke tempat sembelihan.
6. Elakkan menyembelih haiwan di hadapan haiwan yang lain.
7. Tidak menyembelih binatang yang sedang bunting atau yang sedang menyusukan anak.
8. Tidak tergesa-gesa melapah binatang sembelihan sebelum benar-benar mati.

### Perlakuan Ihsan Ketika Membunuh

1. Tidak membunuh dengan cara yang kejam seperti membakar
2. Tidak menyiksa sebelum dibunuh
3. Memastikan alat yang digunakan sesuai untuk membunuh.
4. Menggunakan alat dan cara yang mempercepatkan mati.

menimpa masyarakat yang tidak berlaku ihsan terhadap binatang.

**Bentuk-Bentuk Penganiayaan Terhadap Binatang**

1. Memelihara binatang di dalam sangkar.
2. Memusnahkan habitat binatang.
3. Memukul dan menyiksa binatang.
4. Melontar atau menghumban binatang.
5. Merendam di dalam air sehingga lemas.
6. Menyabung atau melaga binatang.
7. Mengurung binatang tanpa memberi makan.
8. Menjadikannya sasaran latihan memanah.

**Binatang Yang Harus Dibunuh**

1. Binatang buas dan ganas: seperti singa, harimau, dan serigala.
2. Binatang berbahaya, beracun dan berbisa: seperti ular, lipan, dan kala jengking.
3. Burung yang menyambar mangsa dengan kuku: seperti burung helang.
4. Binatang perosak, kotor dan boleh memudaratkan: seperti gagak, tikus, lalat, dan cicak.

**Implikasi Penganiayaan Terhadap Binatang**

1. Mendapat dosa dan azab Allah.
2. Hati menjadi keras dan sukar menerima teguran.
3. Bersikap bengis, kasar dan tidak bertolak ansur.
4. Dibenci dan tidak dihormati oleh anggota masyarakat.

*Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kisah seorang wanita yang dimasukkan ke dalam api neraka kerana perbuatannya mengurung seekor kucing sampai mati. Wanita itu tidak memberi makanan dan minuman kepada kucing yang dikurung dan tidak juga melepaskannya untuk bebas memakan binatang-binatang kecil yang melata di bumi.*

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud ihsan terhadap binatang. (2m)
2. Tuliskan tiga sebab perlunya berlaku ihsan terhadap binatang. (6m)
3. Terangkan tiga cara ihsan ketika menyembelih dan membunuh. (6m)
4. Jelaskan tiga contoh bentuk penganiayaan terhadap binatang yang berlaku sekarang. (6m)
5. Huraikan tiga akibat yang akan

**AKIDAH:**



**BERIMAN KEPADA RASUL**

**UNIT 1: KETAATAN KEPADA RASUL**

**Perbezaan Antara Nabi Dan Rasul**

	<b>Perkara</b>	<b>Nabi</b>	<b>Rasul</b>
<b>Pengertian</b>	Pengertian dari segi <b>bahasa</b>	Orang yang membawa berita ghaib	Utusan kepada sesuatu tempat
<b>Pengertian</b>	Pengertian dari segi <b>istilah</b>	Lelaki pilihan Allah, dikurniakan wahyu kepadanya untuk amalan dirinya sendiri, tetapi tidak diperintah menyampaikan risalah kepada orang lain.	Lelaki pilihan Allah yang dikurniakan wahyu kepadanya untuk amalan dirinya sendiri, dan diperintah menyampaikan risalah kepada umatnya. (PMR 2004)
<b>Bilangan</b>		Ramai, tetapi tidak dapat dipastikan jumlahnya.	Yang wajib diketahui 25 orang
<b>Kitab</b>	<b>suhuf</b>	Sebahagian menerima suhuf sahaja	Sebahagian menerima suhuf dan kitab
<b>Tugas</b>		- Tidak ditugaskan menyampaikan wahyu Allah.  - Tidak ditentukan umat pimpinannya.	- Ditugaskan menyampaikan wahyu Allah.  - Mempunyai umat yang dipimpin.

**Tugas-Tugas Rasul**

1. Menyampaikan wahyu Allah.
2. Membimbing manusia mengenal Allah dan membersihkan hati daripada perkara-perkara syirik.
3. Mengajar manusia cara beribadat dan menjalani kehidupan berlandaskan syariat.
4. Menjadi teladan kepada umat manusia dalam segenap lapangan hidup.


## RASUL SEBAGAI PEMIMPIN

- **Dalam Rumah Tangga**
  1. Suami yang bertanggungjawab.
  2. Bapa yang pengasih.
  3. Anak yang mengenang jasa ibu bapa.
  4. Menjadi contoh terbaik dalam pendidikan anak-anak.
- **Dalam Masyarakat**
  1. Memimpin dan menyatukan kabilah-kabilah yang bertelagah.
  2. Menjalin hubungan baik dengan jiran dan menjaga hak-hak mereka.
  3. Bersama-sama para sahabat membina Masjid Nabawi.
- **Dalam Sesebuah Negara**
  1. Memimpin negara Madinah dengan adil dan saksama.
  2. Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar.
  3. Mewujudkan kestabilan politik.

## Ketaatan Kepada Rasul

1. Setiap orang beriman wajib mentaati segala perintah rasul kerana ketaatan kepada rasul adalah ketaatan kepada Allah, sebaliknya orang yang mengingkari perintah rasul bererti mengingkari perintah Allah.
2. Umat Islam hendaklah merujuk semua perkara dalam urusan kehidupan mereka kepada al-Quran dan as-sunnah. Kita juga hendaklah mencintai Rasulullah melebihi segala-galanya.
3. Umat Islam juga hendaklah menghayati sirah Rasulullah dan rasul-rasul sebelum junjungan dengan menjadikannya sebagai contoh teladan yang terbaik dalam semua aspek kehidupan.

*Rasulullah s.a.w. tidak meninggalkan wang ringgit kepada kita, tetapi junjungan meninggalkan dua panduan hidup iaitu **al-Quran dan as-sunnah**.*



## UNIT 2:

## RASUL-RASUL YANG WAJIB DIKETAHUI

**1. Nabi Adam a.s:** Nabi dan manusia pertama di bumi. Dicipta daripada tanah. Asal keturunan semua manusia. Isterinya Hawa dicipta daripada tulang rusuk baginda. Pada mulanya mereka berdua tinggal di syurga, kemudian Allah menurunkan mereka ke dunia.

**2. Nabi Idris a.s:** Diutuskan Allah kepada penduduk negeri Babil (Iraq). Menerima 30 suhuf untuk disampaikan kepada umatnya iaitu keturunan Qabil yang derhaka kepada Allah. Baginda ialah manusia pertama pandai menulis, membaca, mengetahui ilmu falak, dan mahir jahit menjahit.

**3. Nabi Nuh a.s:** Keturunan ke-10 daripada Nabi Adam. Diutuskan ke Negeri Armenia. Baginda berdakwah siang dan malam, tetapi kebanyakan umat baginda ingkar termasuklah seorang isteri dan anak lelaki baginda. Allah telah membinasakan mereka dengan banjir besar. Hanya orang beriman yang menaiki bahtera Nabi Nuh sahaja yang selamat. Gelaran baginda: Najiyullah.

**4. Nabi Hud a.s:** Berketurunan Sam bin Nuh. Diutuskan kepada kaum Ad yang tinggal di utara Hadramaut di Yaman. Kaum ini terkenal dengan tubuh badan yang besar, tenaga yang sangat kuat, kaya raya serta mahir membina benteng kukuh. Kaum Ad adalah penyembah berhala dan mempersendakan ajakan menyembah Allah. Allah membinasakan mereka dengan angin kencang yang sangat sejuk sehingga meresap ke tulang sum-sum selama 8 hari 7 malam terus menerus.

**5. Nabi Soleh a.s:** Berketurunan Sam bin Nuh daripada generasi ke-6. Kaumnya Tsamud, yang mendiami tempat yang terletak di antara Hijaz (Arab Saudi) dan Syam (Syria) di sebelah tenggara negeri Madyan di Jordan. Mereka kufur kepada Allah dengan menyembah berhala dan bersikap takbur. Allah memusnahkan mereka dengan pekikan suara yang sangat kuat dari langit dan gempa bumi yang amat dahsyat.

**6. Nabi Ibrahim a.s:** Juga berketurunan Sam bin Nuh. Dilahirkan di negeri Mosul (Iraq) semasa pemerintahan Raja Namrud yang kufur dan zalim. Sebahagian besar kaumnya menyembah berhala dan menentang dakwahnya. Baginda

ialah seorang yang bijak berfikir. Gelarannya Khalilullah.

**7. Nabi Lut a.s:** Anak saudara Nabi Ibrahim. Allah mengutuskan baginda kepada penduduk negeri Sadum yang kini dikenali sebagai Laut Mati, Jordan. Penduduknya amat derhaka kepada Allah dan sangat buruk budi pekertinya. Mereka merompak, menganiayai, dan mengamalkan liwat (homoseksual). Akhirnya Allah menterbalikkan negeri mereka dan menurunkan hujan batu yang membinasakan mereka.

**8. Nabi Ismail a.s:** Putera Nabi Ibrahim dan Hajar. Nabi Ismail dan ibunya adalah orang terawal mendiami Mekah. Allah telah menganugerahkannya keturunan terdiri daripada kabilah-kabilah Arab. Daripada keturunan inilah lahirnya Nabi kita Muhammad. Nabi Ismail telah membantu ayahnya Nabi Ibrahim membina Kaabah. Gelaran baginda ialah ‘Zabihullah’.

**9. Nabi Ishak a.s:** Baginda ialah putera Nabi Ibrahim dan isterinya Sarah. Baginda adik sebapa Nabi Ismail. Daripada keturunan baginda lahirnya para nabi dalam kalangan Bani Israil. Baginda dimakamkan di Hebron, Palestin.

**10. Nabi Ya’kub a.s:** Baginda ialah putera Nabi Ishak. Baginda juga dikenali dengan nama Israil yang bermaksud hamba Allah. Allah mengutuskannya kepada penduduk negeri Kan’an (Palestin). Baginda dikurniakan 12 orang anak lelaki, antaranya ialah Nabi Yusuf. Daripada mereka lahirnya keturunan Bani Israil. Baginda dimakamkan di Hebron bersebelahan makam bapanya Nabi Ishak.

**11. Nabi Yusuf a.s:** Baginda ialah putera Nabi Ya’kub yang amat disayangi ayahandanya kerana berakhlak mulia. Nabi Yusuf seorang yang amat sabar menghadapi dugaan hidup. Bersikap pemaaf, penyayang, dan sangat menghormati kedua-dua ibu bapanya. Keistimewaan baginda ialah sangat kakak, pandai mentadbir mimpi, dan bijaksana sehingga baginda dilantik sebagai menteri yang menjaga perbendaharaan di Mesir.

**12. Nabi Ayub a.s:** Keturunan Nabi Ishak. Allah mengurniakan baginda harta yang banyak dan anak yang ramai. Sangat bertakwa dan suka membantu fakir miskin dan anak yatim. Allah menguji baginda dengan kemusnahan harta,

kematian anak dan mengidap penyakit yang berat bertahun-tahun. Baginda menempuh musibah dengan sabar dan iman yang teguh. Akhirnya Allah menyembuhkan penyakit baginda dan mengembalikan nikmat kehidupan seperti sebelumnya.

**13. Nabi Zulkifli a.s:** Putera Nabi Ayub. Seorang nabi dan raja yang telah diutuskan Allah kepada penduduk Damsyik dan sekitarnya. Asal nama baginda ialah Bassyar dan dinamakan Zulkifli ertinya yang berkesanggupan kerana banyak berpuasa pada siang hari dan beribadat pada waktu malam. Seorang yang amat penyabar dan bijak mengatur waktu ketika menjadi raja.

**14. Nabi Syuib a.s:** Berketurunan Nabi Lut. Diutuskan ke negeri Madyan di Jordan. Kaumnya telah menyimpang daripada ajaran-ajaran nabi terdahulu dengan mengamalkan sikap mengurangkan timbangan dan sukatan dalam urusan jual beli. Nabi Syuib melarang mereka, tetapi tidak dihiraukan. Akhirnya Allah membinasakan mereka dengan gempa bumi dan petir yang sangat dahsyat.

**15. Nabi Musa a.s:** Baginda berketurunan Nabi Ya’kub, putera Imran dan bersaudara dengan Nabi Harun. Baginda dilahirkan di Mesir semasa pemerintahan Firaun yang zalim dan mendakwa dirinya tuhan. Firaun telah memerintahkan tenteranya membunuh semua bayi lelaki daripada keturunan Bani Israil. Walau bagaimanapun Nabi Musa terselamat daripada tindakan itu. Baginda telah dipelihara di istana oleh Asiah, isteri Firaun. Setelah menjadi rasul, Nabi Musa telah diperintahkan Allah untuk mendakwah Firaun tetapi Firaun menentang dakwah baginda, akibatnya Firaun dan tenteranya telah mati lemas tenggelam di dalam Laut Merah. Gelaran baginda ialah ‘Kalimullah’ kerana dapat bercakap dengan Allah di Bukit Tursina. Baginda diberikan kitab Taurat.

**16. Nabi Harun a.s:** Baginda ialah saudara Nabi Musa. Baginda sangat fasih berbicara. Menjadi teman berdakwah yang sentiasa bersama-sama Nabi Musa dan membantunya dalam menyampaikan risalah tauhid kepada bani Israil dan penduduk Mesir.

**17. Nabi Daud a.s :** Berketurunan Nabi Ishak. Keistimewaan baginda ialah memiliki suara yang merdu, boleh melembutkan besi dengan tangan untuk baginda membuat baju perang. Walaupun seorang raja, baginda bekerja sendiri untuk

memenuhi keperluan hidupnya. Baginda juga kuat beribadat seperti berpuasa berselang hari sepanjang tahun. Baginda ialah seorang raja yang adil lagi bijaksana dan telah membina Kota Baitul Maqdis bersama-sama puteranya Nabi Sulaiman dan wafat di situ.

**18. Nabi Sulaiman a.s. :** Putera Nabi Daud. Seorang rasul dan raja yang bijaksana. Allah telah mengurniakan banyak keistimewaan kepada baginda seperti memahami bahasa binatang dan boleh memerintah jin dan angin. Baginda telah berjaya mengislamkan Ratu Balqis, kemudian berkahwin dengannya.

**19. Nabi Ilyas a.s.:** Berketurunan Nabi Harun. Allah mengutuskannya kepada bani Israil yang ketika itu menyembah berhala bernama Ba'lun. Baginda menyeru mereka menyembah Allah, tetapi mereka bukan sahaja menolak dakwahnya, malah berusaha untuk membunuh Nabi Ilyas. Akhirnya Allah menurunkan bala kepada kaumnya dengan kemarau selama 3 tahun.

**20. Nabi Ilyasa' a.s.:** Baginda anak angkat Nabi Ilyas dan diutuskan kepada bani Israil. Baginda berjaya menyeru umatnya kembali menyembah Allah. Kaumnya hidup dalam keadaan aman dan damai, tetapi setelah Nabi Ilyas wafat, mereka kembali kufur. Allah menimpakan bala dengan melenyapkan segala kesenangan yang dinikmati.

**21. Nabi Yunus a.s.:** Diutuskan kepada kaum yang menyembah berhala di Ninawa, Iraq. Apabila mereka enggan menerima dakwah, Nabi Yunus meninggalkan mereka dan menumpang sebuah kapal. Ketika dalam perjalanan, kapal ini menghadapi masalah ombak besar dan ribut taufan yang boleh menenggelamkannya. Setelah dilakukan undian sebanyak 3 kali, baginda telah terpilih untuk dibuang ke laut bagi mengatasi masalah itu. Setelah dicampakkan ke laut, baginda telah ditelan oleh ikan nun (paus). Ketika berada di dalam perut ikan, baginda sentiasa bertasbih dan beristighfar sehinggalah Allah mengeluarkannya daripada perut ikan itu. Kemudian baginda pulang menemui kaumnya yang telah beriman kerana insaf dan takut akan azab Allah.

**22. Nabi Zakaria a.s.:** Berketurunan Nabi Sulaiman yang diutuskan kepada bani Israil di Palestin. Baginda sentiasa berdoa kepada Allah agar dikurniakan zuriat. Walaupun usianya menjangkau 100 tahun dan isterinya pula

mandul, baginda tidak berputus asa. Akhirnya Allah mengurniakan anak lelaki yang dinamakan Yahya ertinya 'Hidup'. Di samping itu baginda juga telah membesarkan Maryam, bonda Nabi Isa.

**23. Nabi Yahya a.s.:** Baginda ialah putera Nabi Zakaria. Allah mengurniakan kepada baginda ilmu yang luas sejak kecil lagi dan memeliharanya daripada maksiat. Baginda seorang nabi yang bertakwa, berbudi bahasa, rajin berbakti terhadap ibu bapa, dan tidak sombong. Nabi Yahya dan ayahnya telah mati syahid demi mempertahankan hukum Allah. Baginda berdua dibunuh oleh raja yang zalim kerana menghalang raja tersebut mengahwini anak tirinya sendiri.

**24. Nabi Isa a.s. :** Baginda ialah putera Maryam binti Imran. Dengan kekuasaan Allah, malaikat Jibril telah meniupkan roh suci ke dalam rahim Maryam. Maka lahirlah Nabi Isa tanpa bapa. Antara keistimewaan baginda ialah boleh bercakap ketika masih bayi. Baginda diutuskan kepada bani Israil dan diberikan kitab Injil. Hanya segelintir sahaja daripada kaumnya yang beriman dan dikenali dengan gelaran 'Al-Hawariyyun' , sedangkan ramai lagi yang menentang seruan baginda. Mereka berusaha menangkap dan membunuh baginda. Tetapi Allah telah menyelamatkan baginda dengan diangkat ke langit dan akan diturunkan kembali ke bumi untuk menegakkan kebenaran Islam ketika hampir kiamat.

**25. Nabi Muhammad s.a.w.:** Junjungan ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib daripada keturunan Nabi Ismail. Baginda dilahirkan di Kota Mekah. Ketika remaja lagi nabi kita Muhammad terkenal sebagai seorang yang jujur sehingga digelar 'Al-Amin'. Ketika berusia 40 tahun Allah telah melantik junjungan sebagai rasul kepada seluruh alam dan diwahyukan kitab al-Quran. Junjungan merupakan penghulu sekalian rasul (sayyidul mursalin) dan nabi terakhir (khatamul anbiya'). Ketika berdakwah, junjungan telah menanggung pelbagai ujian dan cubaan daripada kaum musyrikin Quraisy. Junjungan berjaya melakukan perubahan besar yang menakjubkan dalam sejarah bangsa Arab dan umat manusia seluruhnya. Junjungan wafat di Kota Madinah al-Munawwarah.

Demikianlah secara ringkas kisah kehidupan rasul-rasul yang wajib diketahui. Semua rasul

memiliki sifat-sifat mulia, bertakwa, kuat beribadat, dan gigih berjuang menyebarkan agama Islam. Oleh itu, kita hendaklah berusaha mencontohi mereka dengan mengamalkan akhlak mulia seperti sabar, sanggup berkorban, gigih berjuang, dan bertawakal kepada Allah.

## **RASUL-RASUL ULUL AZMI**

### **Maksud Rasul Ulul Azmi (PMR 2007)**

- Mereka yang cekal hati, kuat keazaman dan amat sabar menempuh pelbagai rintangan serta kesusahan dalam menegakkan agama Allah.

### **Contoh Kecekan Hati Dan Kesabaran Rasul-Rasul Ulul Azmi (PMR 2007)**

#### **1. Nabi Ibrahim**

- Baginda diuji oleh Allah dengan perintah menyembelih putera kesayangannya Nabi Ismail.
- Baginda tabah menghadapi tentangan kaumnya sehingga diuji dengan dicampak ke dalam api.

#### **2. Nabi Nuh**

- Baginda sabar menyeru kaumnya agar beriman selama 950 tahun.
- Hanya beberapa orang sahaja yang beriman dan selebihnya menolak seruan baginda.

#### **3. Nabi Musa**

- Baginda telah bertemu Firaun dan para pembesarnya dengan hati yang cekal dan tabah.
- Baginda menyeru mereka beriman walaupun menyedari risiko kemungkinan dibunuh.

#### **4. Nabi Isa**

- Baginda tabah menghadapi tentangan dan ancaman bunuh daripada kaumnya.
- Baginda juga telah dikhianati oleh sahabat karibnya iaitu Yahuza Al-Askharyuti.

#### **5. Nabi Muhammad s.a.w.**

- Baginda sabar menghadapi tentangan kaumnya yang mengancam untuk membunuhnya.
- Junjungan juga tabah menghadapi pelbagai ujian ketika berhijrah ke Madinah.

### **Ciri-Ciri Rasul Ulul Azmi**

1. Memiliki sifat yang cekal dan tabah.
2. Paling banyak menanggung ujian dalam perjuangan.
3. Sabar dan mempunyai keazaman yang kuat ketika berdepan dengan musuh.
4. Mempunyai sifat kecekan dalam perjuangan menegakkan agama Allah.

### **Penghayatan**

1. Tekun, cekal, dan memiliki keazaman yang kuat dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
2. Sabar dan tabah apabila menghadapi ujian dalam kehidupan.
3. Sanggup berkorban dan sentiasa memberi bantuan kepada rakan-rakan dan guru-guru.


### **TAMADUN**

Sesungguhnya para rasul merupakan kumpulan manusia yang terpilih dan amat istimewa. Mereka merupakan pemimpin perubahan yang gigih berjuang membetulkan akidah demi menyelamatkan umat daripada kesesatan. Mereka juga telah mimimpin umatnya mencapai kemajuan dan kemakmuran hidup dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial.

Oleh itu, kita hendaklah berusaha membudayakan ciri-ciri kecemerlangan seperti sanggup berkorban dan bersusah payah demi memajukan negara yang bertamadun.

### **PENILAIAN**

1. Ceritakan sejarah ringkas nabi-nabi berikut:
  - i. Nabi Idris a.s.
  - ii. Nabi Sulaiman a.s.
  - iii. Nabi Ya'kub a.s. (6m)
2. Senaraikan nabi-nabi yang bergelar ulul azmi. (5m)
3. Mengapakah mereka digelar sedemikian? (2m)
4. Terangkan tiga contoh kesabaran dan kecekan hati yang ditunjukkan oleh rasul-rasul ulul azmi. (6m)
5. Nabi Muhammad s.a.w. telah melakukan perubahan besar terhadap tamadun dan peradaban manusia. Kemukakan contoh perubahan yang telah dilakukan oleh baginda. (2m)



## UNIT 3: SIFAT-SIFAT RASUL

### Sifat Wajib Bagi Rasul (PMR 2007)

Ada 4;

#### 1. **Sidqun** maksudnya benar - صدق

Para rasul mempunyai sifat benar dalam segala perkataan dan perbuatan kerana mereka sendiri diutuskan untuk menyampaikan kebenaran.

#### 2. **Amanah** maksudnya jujur - امانة

Semua rasul bersifat jujur dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dakwah agar manusia memperhambakan diri kepada Allah s.w.t.

#### 3. **Tabligh** maksudnya menyampaikan - تبليغ

Para rasul bertugas menyampaikan segala perintah Allah dan risalah Islam kepada semua lapisan masyarakat.

#### 4. **Fatonah** maksudnya bijaksana - فطنة

Sifat bijaksana yang dimiliki oleh para rasul membolehkan mereka menyusun strategi dakwah dengan berkesan di samping dapat mematahkan hujah orang musyrik.

### Kepentingan Mencontohi Sifat Rasul

#### Sidqun

1. Menjadi seorang yang sentiasa bercakap benar dan tidak berdusta.
2. Mendapat kepercayaan orang ramai.

#### Amanah

1. Menjadi seorang yang jujur dalam setiap tindakan.
2. Dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

#### Tabligh

1. Nasihat menasihati ke arah kebaikan.
2. Saling bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
3. Maksiat dan kemungkaran dapat dicegah dengan berkesan.

#### Fatonah

1. Menjadi seorang yang rajin berusaha.
2. Berfikir secara kreatif dan kritis.

### Sifat Mustahil Bagi Rasul

Ada 4;

#### 1. **Kazibun** maksudnya dusta - كذب

Para rasul tidak berdusta. Semua perkara yang disampaikan kepada mereka adalah benar. Sekiranya para rasul itu melakukan pendustaan,

nescaya Allah tidak melantik mereka menjadi rasul dan umat Islam tidak akan mengetahui kebenaran Islam.

#### 2. **Khianatun** maksudnya

pecah amanah - خيانة

Para rasul tidak khianat terhadap amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah kepada mereka. Sehubungan dengan itu Islam dapat berkembang pesat ke seluruh dunia. Sekiranya mereka pecah amanah dan khianat, sudah tentu Allah tidak menyuruh hamba-hambanya mempercayai mereka.

#### 3. **Kitmanun** maksudnya

menyembunyikan - كتمان

Para rasul tidak menyembunyikan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Semuanya disampaikan dengan penuh ikhlas. Dengan itu, kita dapat mengetahui semua isi kandungan al-Quran dan syaria Islam.

#### 4. **Baladatun** maksudnya bodoh - بلادة

Para rasul tidak bodoh. Sekiranya mereka bodoh, sudah tentu mereka tidak dapat melaksanakan amanah yang berat itu dengan cemerlang.

### Sifat Harus Bagi Rasul

Ada 1;

#### 1. **Basyariyyah** maksudnya sifat yang ada pada manusia - بشرية

Para rasul ialah manusia biasa. Mereka mempunyai sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia seperti makan, minum, tidur, berjalan, beristeri, penat, sakit yang tidak menjejaskan martabat nubuwah نبوة (kenabian), menanggung kesusahan dan lain-lain lagi, tetapi tidak ada sifat-sifat yang boleh menjatuhkan darjat kerasulan seperti gila.

#### Penghayatan

1. Amanah dalam tindakan.
2. Menjauhkan sifat mazmumah.
3. Memelihara kewarasan mental, kesihatan fizikal dan kesopanan pertuturan dalam kehidupan.

### TAMADUN

Seseorang yang mencontohi rasul, sudah tentu akan memiliki sifat-sifat terbaik yang akan memberikan kelebihan kepadanya dalam melakukan aktiviti seharian seperti




bertanggungjawab, tabah, kuat berusaha, inovatif, dan bijak mengurus masa berdasarkan konsep tauhid. Sebagai murid, anda amat berpotensi untuk mencapai kejayaan yang diidamkan, seterusnya anda akan membina kehidupan yang harmoni di dunia dan di akhirat pula anda tergolong manusia yang mendapat keredhaan dan rahmat Allah.

Oleh itu kita hendaklah membudayakan ciri-ciri kecemerlangan seperti bersikap sanggup berkorban dan bersusah payah demi memajukan negara yang bertamadun.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan empat sifat wajib bagi rasul. (4m)
2. Nyatakan perbezaan antara sifat harus bagi rasul dengan manusia biasa. (2m)
3. Jelaskan empat kepentingan bersifat dengan sifat-sifat wajib bagi rasul. (8m)
4. Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mencontohi sifat-sifat terpuji para rasul? (4m)



## **UNIT 4: KESAN BERIMAN KEPADA RASUL**

### **Sebab Perlu Mencontohi Para Rasul**

1. Para rasul adalah manusia pilihan Allah.
2. Mereka membawa perkara-perkara kebenaran.
3. Mereka menjadi model dan contoh terbaik.
4. Mereka menjelaskan yang hak dan batil.
5. Bukti keyakinan kita kepada Allah.
6. Dapat melaksanakan syariat Allah.

### **Kesan Beriman Kepada Rasul**

#### **A. Kepada Individu**

1. Mendapat hidayah untuk kembali ke jalan Allah.
2. Meningkatkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah.
3. Mengetahui perkara ghaib yang di luar jangkauan pemikiran.
4. Mencintai rasul melebihi kecintaan kepada diri sendiri.
5. Memiliki akhlak mulia yang boleh dicontohi oleh orang lain.
6. Mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

#### **B. Kepada Keluarga**

1. Membina keluarga bahagia yang menjamin keharmonian rumah tangga.
2. Mengambil berat pendidikan fardu ain dan fardu kifayah.
3. Melahirkan anggota keluarga yang kuat beribadat seperti menunaikan solat berjemaah.
4. Memelihara setiap anggota keluarga daripada dosa dan azab siksa neraka.
5. Ibu bapa membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang dan tidak mengabaikan mereka.
6. Melahirkan anak-anak yang soleh, taat kepada ibu bapa dan tidak menderhakai mereka.

#### **C. Kepada Masyarakat**

1. Patuh dan taat kepada Allah, rasul dan para pemimpin.
2. Mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam.
3. Menggalakkan aktiviti keilmuan dalam kalangan anggota masyarakat.
4. Mengamalkan budaya bekerjasama dan tolong menolong dalam perkara kebajikan.
5. Melaksanakan tanggungjawab dakwah.
6. Berusaha membanteras masalah gejala sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

#### **D. Kepada Negara**

1. Dipimpin oleh para pemimpin yang cekap, bersih, amanah, adil dan bertanggungjawab.
2. Menegakkan hukum dan perundangan Islam.
3. Memastikan sistem ekonomi bebas daripada sumber- sumber haram seperti riba dan judi.
4. Membina kestabilan politik untuk memajukan dan membangunkan negara.
5. Membina tamadun Islam yang berasaskan wahyu.
6. Berjihad mempertahankan maruah Islam dan membela umat Islam yang ditindas.

### **Akibat Menolak Sunnah Rasul**

#### **Maksud Sunnah Rasul:**

Sunnah Rasul ialah segala perkataan, perbuatan, dan pengakuan rasul yang berkaitan dengan agama Islam.

Menolak sunnah rasul adalah satu kesalahan besar dalam agama. Allah telah menyediakan neraka kepada orang yang menolak sunnah.

**Antara akibat menolak sunnah rasul :**

**A. Kepada Individu**

1. Hidup dalam kesesatan.
2. Jauh daripada hidayah dan rahmat Allah.
3. Mendapat balasan siksa api neraka.

**B. Kepada Keluarga dan masyarakat**

1. Kehidupan keluarga dan masyarakat porak peranda.
2. Berlaku perpecahan dan perbalahan.
3. Kemungkaran berleluasa.

**C. Kepada Negara**

1. Negara huru hara kerana perebutan kuasa.
2. Negara tidak membangun.
3. Perkembangan ilmu tidak berlaku.


**Galeri Ilmu:**

- Sunnah merupakan sumber kedua syariat Islam selepas Al- Quran.
- Orang yang menolak sunnah rasul dihukumkan murtad (keluar daripada agama Islam)

Sabda Rasulullah s.a.w. ” *Tidak sempurna iman seseorang itu sehinggalah aku lebih dicintai daripada anaknya, bapanya, dan semua manusia.* ” (Riwayat Al-Bukhari)

**PENILAIAN**

1. Nyatakan tiga kepentingan mencontohi para rasul. (6m)
2. Kemukakan dua kesan beriman kepada rasul terhadap individu dan keluarga. (4m)
3. Huraikan tiga kesan beriman kepada rasul terhadap masyarakat. (6m)
4. Golongan yang menolak sunnah rasul adalah golongan yang sesat.
  - i. Nyatakan maksud sunnah rasul. (2m)
  - ii. Kemukakan dua contoh kesesatan golongan ini seperti yang berlaku dalam masyarakat kini. (4m)



**UNIT 5: ISMATUR RASUL**

**Maksud Ismatul Rasul**

Bermaksud para rasul terpelihara daripada melakukan sebarang maksiat, dosa dan perkara yang mencemarkan kemuliaan dan kemampuan mereka dalam menyampaikan wahyu Allah.

**Hikmah /Kelebihan Rasul Bersifat Maksud.**

1. Menjamin kewibawaan para nabi dan rasul.
2. Menjadi contoh teladan kepada manusia dalam semua aspek kehidupan.
3. Meyakinkan manusia tentang kebenaran risalah yang dibawa.
4. Memelihara kemuliaan dan keaslian wahyu daripada perubahan dan penyelewengan.
5. Menolak hujah orang yang mengingkari ajaran rasul.

**Sebab Rasul Dilantik Daripada Kalangan Manusia**

1. Memudahkan manusia menerima ajaran rasul.
2. Menjadi contoh dalam melaksanakan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya.
3. Bersesuaian dengan manusia yang mempunyai sifat cecak, sabar dan gigih.
4. Sebagai ujian Allah kepada manusia sama ada membenarkan para rasul atau mendustakan mereka.

**MUKJIZAT**

**Maksud Mukjizat**

Iaitu perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada para nabi dan rasul.

**Jenis-Jenis Mukjizat**

Ada 2 jenis;

**1. Mukjizat Maknawi ((معجزة معنوی))**

Iaitu mukjizat yang akan diketahui keluarbiasaannya dengan menggunakan kekuatan akal fikiran. Contohnya *al-Quran* hanya boleh dirasakan hebatannya setelah dipelajari dan dikaji secara mendalam.

**2. Mukjizat Hissi ((معجزة حسي))**

Iaitu mukjizat yang dapat dilihat dan dirasa oleh pancaindera. Contohnya *mukjizat Nabi*

*Muhammad dapat membanyakkan makanan yang sedikit.*

#### **Contoh Mukjizat Para Rasul (Hissi)**

1. Nabi Ibrahim tidak hangus dibakar api.
2. Unta Nabi Soleh keluar daripada batu.
3. Tongkat Nabi Musa bertukar menjadi ular.
4. Nabi Sulaiman boleh memerintah angin.
5. Nabi Yunus terselamat daripada perut ikan nun.
6. Nabi Isa boleh menyembuhkan penyakit sopak dan buta.
7. Nabi Muhammad naik ke langit dalam peristiwa Israk dan Mikraj.

#### **Tujuan Allah Mengurniakan Mukjizat**

1. Menunjukkan kekuasaan Allah.
2. Melemahkan musuh-musuh Allah.
3. Membuktikan kebenaran risalah yang dibawa.
4. Membenarkan para rasul dan menolong mereka.
5. Meyakinkan orang kafir kebenaran Islam dan mendorong mereka agar memeluk Islam.
6. Menjawab soalan dan menyahut cabaran.
7. Meyakinkan umat Islam kebenaran Islam.

Mukjizat tidak berlaku kepada manusia biasa. Ia tidak boleh dipelajari atau ditandingi.

#### **Perkara Luar Biasa Yang Boleh Berlaku Kepada Manusia Biasa, antaranya:**

**1. Karamah / keramat (كرامة):** Iaitu perkara luar biasa dikurniakan oleh Allah kepada hamba-Nya yang soleh.

*Contoh:* Karamah yang berlaku kepada Ashabul-Kahfi.

**2. Irhas (ارهاس):** Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada seseorang yang bakal dilantik menjadi rasul untuk menarik perhatian orang ramai kepada mereka.

(PMR 2004)

*Contoh:* Nabi Isa boleh bercakap ketika masih bayi.

**3. Ma'unah (معونة):** Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada orang biasa yang beriman sebagai pertolongan Allah kepada mereka.

*Contoh:* Seseorang yang terselamat daripada bahaya maut.

**4. Istidraj (استدراج):** Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang mengingkari Allah seperti orang fasik dan kafir.

*Contoh:* Seseorang yang diberikan nikmat yang melimpah ruah dan ditangguhkan pembalasan oleh Allah. Keadaan ini menyebabkan mereka lupa daratan, sombong dan menyangka berada di pihak yang benar.

**5. Sihir (سحير):** Perkara luar biasa yang berlaku kepada sesiapa sahaja yang mempelajarinya kerana didorong hawa nafsu untuk melakukan kejahatan. Sihir berlaku dengan bantuan jin dan syaitan. Ia boleh ditandingi dan dikalahkan oleh orang yang mengetahui cara-caranya.

(PMR 2004)


*Contoh:* Sihir pukau atau santau yang diamalkan oleh sesetengah dukun.

#### **Penghayatan**

1. Menjauhkan diri daripada melakukan amalan-amalan yang boleh mengakibatkan dosa.
2. Sentiasa menjaga kebersihan rohani dan jasmani.
3. Bersopan santun dan berdisiplin setiap masa.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud ismatul rasul. (2m)
2. Terangkan tiga hikmah rasul bersifat maksum. (6m)
3. Jelaskan tiga sebab Allah melantik rasul daripada kalangan manusia. (6m)
4. Al-Quran merupakan mukjizat teragung Nabi Muhammad.  
Huraikan kenyataan berserta contoh bagi membuktikan kebenarannya. (4m)



## **BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT**

### **UNIT 1: KEMATIAN DAN ALAM BARZAKH SATU KEPASTIAN**

### **Maksud Kematian:**

- Mati ialah perpisahan ruh daripada jasad.
- Mati ialah proses perpindahan daripada kehidupan di alam dunia ke alam barzakh.

### **Maksud Barzakh**

- Dari segi bahasa bermaksud pemisah.
- Dari segi istilah syarak: Suatu kehidupan di antara kehidupan di dunia dan di akhirat. Alam barzakh merupakan alam bagi orang yang telah meninggal dunia sementara menunggu hari kebangkitan semula pada hari kiamat.

### **Laman Nurani**

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya kubur itu satu taman daripada taman-taman syurga, atau satu lubang daripada lubang-lubang api neraka”.

### **Hukum Beriman Kepada Alam Barzakh**

Setiap muslim **wajib** beriman kepada alam barzakh.

### **Saat-saat kematian**

Rasulullah ketika menghadapi sakaratul maut, baginda telah memasukkan tangannya ke dalam mangkuk yang berisi air, lalu baginda menyapu muka dengan air tersebut seraya berdoa:” Ya Allah, berikanlah pertolongan kepadaku menghadapi kepedihan mati dan sakaratul maut”.

### **Amalan Dan Persediaan Menghadapi Mati**

1. Bertaubat dan beristighfar kepada Allah.
2. Melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi larangannya.
3. Berbuat kebaikan dan berkasih sayang sesama manusia.
4. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar dalam masyarakat.
5. Memberikan sumbangan ke arah kemajuan negara Islam.

### **Adab Menziarahi Orang Sakit**

1. Berdoa agar pesakit cepat sembuh.
2. Tidak membuat bising.
3. Memberi motivasi kepada pesakit agar redha dan sabar menghadapi kesakitan.

### **Kehidupan Di Alam Barzakh**

- **Mendapat Nikmat dan Ketenangan**

### **(Bagi Orang Mukmin)**

1. Dilapangkan kubur mereka seluas 70 hasta.
2. Dilayan dengan baik oleh para malaikat.
3. Kehidupan mereka seumpama berada di taman syurga.
4. Diberitahu dengan ganjaran syurga yang akan diterima di akhirat.

- **Mendapat Azab dan Sengsara**

### **(Bagi Orang Fasik Dan Kafir)**

1. Dihimpit oleh kubur sehingga tulang rusuk kanan bertemu tulang rusuk kiri.
2. Datang binatang berbisa seperti ular dan kala jengking yang akan mematuk dan menyengat tubuh badan mereka sehingga hari kiamat.

### **Sebab Perlu Bersedia Menghadapi Kematian Dan Alam Barzakh**

1. Manusia tidak boleh kembali lagi ke dunia.
2. Supaya nyawa keluar dengan mudah dan tenang ketika Malaikat Maut mengambilnya.
3. Mudah menjawab soalan malaikat Munkar dan Nakir.
4. Selamat daripada azab kubur.
5. Selamat daripada azab neraka.

### **Hikmat Mengingati Mati Dan Alam Barzakh**

- **Individu**

1. Istiqamah dalam ibadat.
2. Bersifat zuhud.
3. Mendorong diri melakukan amal soleh.

- **Masyarakat**

1. Mencegah kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat.
2. Ziarah menziarahi serta membantu meringankan beban kematian.

- **Negara**

1. Bebas daripada penyalahgunaan kuasa.
2. Negara bertambah stabil dan maju.

### **1. Sabda Rasulullah s.a.w.:**

*“Tiga perkara yang akan mengiringi mayat, iaitu keluarga, harta dan amalannya. Dua perkara akan pulang iaitu keluarga dan harta kekayaan, manakala yang satu lagi akan tetap bersama mayat iaitu amal perbuatannya.”*

*Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi.*


## 2. Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Sesungguhnya kubur ialah persinggahan pertama daripada beberapa tempat persinggahan pada hari akhirat, sesiapa yang terselamat daripada azab kubur, maka selepas itu semuanya akan menjadi lebih mudah. Sekiranya tidak selamat daripadanya, maka selepas itu semuanya menjadi lebih susah.”

Hadis riwayat Tarmizi.

### PENILAIAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan alam barzakh? (2m)
2. Nyatakan tiga persiapan dan bekalan yang perlu disediakan untuk menghadapi alam barzakh. (6m)
3. Huraikan tiga hikmah mengingati mati terhadap masyarakat dan negara. (6m)



## UNIT 2: HARI KIAMAT SATU KEBENARAN

### Maksud Kiamat:

- Dari segi bahasa: kebangkitan.
- Dari segi istilah syarak: Hari berlakunya kehancuran seluruh alam dan diikuti dengan manusia dibangkitkan semula.

### Bahagian Kiamat

Kiamat terbahagi kepada dua iaitu:

1. Kiamat Kubra (besar): Hari kehancuran alam.
2. Kiamat sughra (kecil): Kematian.

### Nama-Nama Lain Bagi Kiamat

Nama-Nama Kiamat	Maksud
Yaumul Hisab	Hari perhitungan
Yaumul Jaza'	Hari pembalasan
Yaumul Tanad	Hari panggil memanggil
Yaumul Fasl	Hari keputusan
Yaumul Din	Hari pembalasan
Yaumun Nusyur	Hari kembali
Al-Waqiah	Peristiwa yang mesti berlaku
Ar-Rajifah	Gempa
At-Tommah	Bencana
Al-Hasr	Perhimpunan
Al-Ghasyah	Pengsan
As-Saah	Masa yang ditetapkan
Al-Wa'id	Ancaman
Al-Haqqah	Peristiwa yang sebenar

Al-Qa riah	Hari yang menggemparkan
Al-Zalzalah	Goncangan / gegaran

### TANDA-TANDA KIAMAT

#### • Tanda-Tanda Kecil

1. Segala urusan agama ditadbir oleh orang yang bukan ahlinya.
2. Anak derhaka kepada ibu bapa.
3. Banyak berlaku pergaduhan dan peperangan.
4. Manusia berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi.
5. Banyak berlaku gempa bumi dan bencana alam.
6. Wanita berkelakuan dan berpakaian menyerupai lelaki dan sebaliknya.

#### • Tanda-Tanda Besar

1. Munculnya Imam Mahadi untuk menegakkan syariat Islam.
2. Keluar Dajjal yang akan menyesatkan manusia.
3. Turunnya Nabi Isa a.s.
4. Keluarnya Yakjuj dan makjuj.
5. Keluarnya dabbatul-ardh (binatang bumi).
6. Matahari terbit dari ufuk barat.

### Gambaran Ketika Berlakunya Kiamat

Ketika berlakunya kiamat, suasananya sungguh dahsyat. Bumi akan bergegar dengan kuat, gunung-ganang akan hancur, dan bintang-bintang akan gugur bertaburan. Keadaan yang amat dahsyat itu menyebabkan manusia berada dalam keadaan huru- hara, kebingungan, dan tidak tahu apa yang hendak dibuat.

### Gambaran Kiamat Yang Disebut Di Dalam Al-Quran

1. Apabila langit terbelah, dan bumi diratakan.
2. Apabila bintang-bintang jatuh berserakan, lautan dijadikan meluap, dan kuburan dibongkar.
3. Apabila matahari digulung, gunung-ganang dihancurkan, unta-unta yang bunting ditinggalkan, binatang-binatang dikumpulkan, dan lautan dipanaskan

### Hikmah Allah Mengadakan Hari Kiamat

Diberi pengadilan terhadap perbuatan baik atau jahat.

1. Manusia menghitung diri sebelum mereka dihitung pada hari akhirat.

2. Kehidupan manusia mempunyai matlamat untuk kebahagiaan yang abadi.
3. Beriltizam dalam melaksanakan ketaatan.
4. Segera bertaubat kepada Allah.
5. Melahirkan masyarakat yang beriman dan negara yang berpandukan syariat Islam.

### **GALERI ILMU**

Ahli-ahli sains melalui kajian yang telah dijalankan oleh mereka mengakui bahawa bumi yang kita diami ini akan berakhir dengan kemusnahan dan kehancuran. Terdapat pula ahli astronomi yang mengatakan bahawa bulan yang mengelilingi bumi akan jatuh menimpa bumi apabila pusingannya mengelilingi bumi menjadi lemah, dan pada masa itu akan berlakulah kehancuran kepada bumi. Jelasnya kejadian hari kiamat dapat diterima oleh akal kerana setiap yang ada permulaan pasti ada kemusnahan.

### **TAMADUN**

Keyakinan yang mantap terhadap hari kiamat mampu membina keutuhan rohani dan jasmani setiap individu muslim. Di samping itu, dapat membentuk seseorang mempunyai motivasi yang tinggi ke arah kecemerlangan kehidupan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.


Sebagai murid, sikap membuat persediaan daripada awal dan tidak bertangguh dalam melaksanakan usaha merupakan kunci ke arah kejayaan.

### **Penghayatan**

1. Menimbulkan rasa gerun kepada Allah.
2. Sentiasa bersedia menghadapi ujian Allah.
3. Menanamkan keinsafan dalam diri.

### **PENILAIAN**

1. Nyatakan empat tanda kecil hari kiamat.
2. Apakah perbezaan antara kiamat kubra dengan kiamat sughra. (2m)
3. Huraikan dua hikmah Allah mengadakan hari kiamat. (4m)
4. Bagaimanakah anda dapat mempamerkan sikap sebagai seorang murid yang yakin dengan hari kiamat. (2m)



## **PAHALA                      PENDORONG AMALAN                    KEBAIKAN**

### **Maksud Pahala**

Pahala ialah ganjaran baik yang disediakan Allah untuk hamba-hamba yang mematuhi perintahnya.

### **GALERI ILMU**

Tahukah anda kebaikan yang kita lakukan bukan sahaja mendapat pahala berlipat ganda, tetapi mempunyai banyak kelebihan. Antaranya:

1. Nur pada wajah.
2. Nur di dalam hati.
3. Kekuatan pada badan.
4. Keluasan rezeki.
5. Kasih sayang manusia.

### **Ganjaran pahala**

Pahala yang diberikan atas setiap kebaikan yang kita lakukan amat banyak. Contohnya satu kebaikan diganjar 10 hingga 700 pahala malah ada yang lebih lagi.


### **Hikmah Ganjaran Pahala**

1. Pendorong kepada rahmat dan kasih sayang Allah.
2. Sebagai dorongan dan motivasi untuk sentiasa melakukan kebaikan.
3. Melahirkan individu yang baik, berfikiran positif dan boleh memberi sumbangan untuk kemajuan hidup.
4. Melahirkan masyarakat yang bertakwa kepada Allah.
5. Menjamin keharmonian dan kesejahteraan individu, masyarakat dan negara.

### **Langkah-langkah Meningkatkan Pahala**

1. Melakukan amalan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Taala.
2. Bersungguh-sungguh mendalami ilmu syariah untuk kita mengetahui suruhan dan larangan Allah s.w.t.
3. Beriltizam dalam melakukan kebaikan secara bersungguh-sungguh bukannya sambil lewa.
4. Berusaha memastikan setiap kebaikan yang dilakukan paling berkualiti.
5. Menghadiri majlis-majlis ilmu secara berterusan.
6. Berdamping dengan teman-teman yang suka melakukan kebaikan.
7. Berjihad menegakkan syariah Islam bagi mengangkat tamadun manusia.

## **UNIT 3:**



## UNIT 4: DOSA JAMBATAN KE NERAKA

### Maksud Dosa

Dosa ialah balasan buruk yang dijanjikan oleh Allah s.w.t kepada hamba-Nya yang tidak mematuhi perintah atau melanggar larangan-Nya.

### Pembahagian Dosa

#### 1. Dosa Besar

Perbuatan maksiat yang ditentukan hukuman di dunia oleh al-Quran atau hadis, dan diberi ancaman azab di akhirat. *Contohnya:* Berzina, memberi atau menerima rasuah, dan minum arak.

#### 2. Dosa Kecil

Perbuatan maksiat yang tidak ditentukan hukuman di dunia oleh al-Quran atau hadis, dan tidak diberi ancaman azab di akhirat. *Contohnya* tidak mengurus diri, membuang sampah di tempat awam, dan melakukan perkara yang tidak berfaedah.

### Cara-Cara Menghapuskan Dosa Besar

1. Bertaubat kepada Allah dengan taubat nasuha.
2. Relu menjalani hukuman apabila dihadapkan ke mahkamah dengan hukuman yang setimpal berdasarkan syariat.
3. Memperbanyak istighfar kepada Allah s.w.t.

### Cara-Cara Menghapuskan Dosa Kecil

1. Melakukan kebajikan.
2. Menunaikan ibadat fardu.
3. Melakukan amalan-amalan sunat.
4. Memperbanyak istighfar kepada Allah s.w.t.

### Langkah-langkah Menjauhi Dosa

1. Memperbanyak amalan sunat bagi mendekatkan diri kepada Allah.
2. Menginsafi azab yang akan ditempuh di akhirat.
3. Meninggalkan kemungkaran serta menunjukkan sikap tidak menyukainya.
4. Mengelakkan diri daripada bergaul dengan orang yang melakukan kejahatan.

5. Menjauhi tempat-tempat maksiat.
6. Menambah ilmu agama dengan menghadiri majlis ilmu.

### Hikmah Pembalasan Dosa

1. Sebagai balasan atas perbuatan maksiat yang dilakukan.
2. Membuktikan keadilan Allah kepada manusia.
3. Supaya takut melakukan kejahatan.
4. Membersihkan orang yang beriman daripada dosa sebelum dimasukkan ke syurga.

### Perbezaan Antara Pahala Dan Dosa


PAHALA	DOSA
Ganjaran kebaikan	Balasan kejahatan
Pelakunya mendapat nikmat syurga	Pelakunya mendapat azab neraka
Tidak terhad banyaknya	Hukuman setimpal dengan dosa yang dilakukan
Mendapat pahala apabila berniat melakukan sesuatu kebaikan walaupun belum melakukannya.	Tidak mendapat dosa apabila berniat melakukan kejahatan sehinggalah melakukannya.
Tanda rahmat Allah kepada manusia.	Tanda keadilan Allah kepada manusia.

### Penghayatan

1. Menimbulkan rasa gerun kepada Allah s.w.t.
2. Sentiasa bersedia menghadapi ujian Allah.
3. Menanamkan keinsafan dalam diri.

### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian pahala. (2m)
2. Kemukakan tiga hikmah ganjaran pahala disediakan Allah kepada orang yang berbuat baik. (6m)
3. Terangkan tiga langkah meningkatkan pahala. (6m)
4. Nyatakan pengertian dosa menurut syarak. (2m)
5. Terangkan perbezaan antara dosa besar dengan dosa kecil. (2m)
6. Nyatakan tiga perbezaan antara dosa dengan pahala. (6m)



## UNIT 5: PERHIMPUNAN DI MAHSYAR

Maksud Mahsyar (PMR 2005)

- Dari segi bahasa: Tempat berhimpun.
- Menurut Syarak: Tempat perhimpunan agung bagi seluruh makhluk di akhirat setelah dibangkitkan semula.

## **GALERI ILMU**

Setiap amalan yang dilakukan oleh manusia di dunia ini akan dihisab oleh Allah di akhirat kelak. Maka mahsyar diadakan untuk pengadilan bagi menghisab amalan manusia.

### **Keadaan Di Mahsyar**

#### **Golongan Anbia', Aulia' dan Solihin**

Golongan ini tidak mengalami sebarang kesusahan dan kesengsaraan di mahsyar. Mereka berada dalam keadaan selesa dan tenang.

#### **Golongan Kafir, Munafik, Fasik, dan 'Asi.**

Mereka berada dalam keadaan cemas, gelisah, dan menanggung pelbagai penderitaan sementara menunggu perbicaraan. Ada yang berasa panas seolah-olah matahari berada sejengkal di atas kepala atau lebih dahsyat daripada itu.

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan suasana di mahsyar melalui hadis berikut yang bermaksud:

*"Daripada Saidatina Aisyah bahawa dia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Manusia dihimpun pada hari kiamat dalam keadaan berkaki ayam, berbogel, dan tidak berkhatan. Aku bertanya: Wahai Rasulullah! Adakah mereka memandang antara satu sama lain? Rasulullah bersabda: "Wahai Aisyah, keadaan pada waktu itu amat dahsyat sehingga mereka tidak memandang antara satu sama lain."*

### **Syafaat Di Mahsyar**

#### **Maksud Syafaat**

- Dari segi bahasa: Permohonan meminta sesuatu kebaikan untuk orang lain.
- Menurut syarak: Permohonan kepada Allah oleh para nabi dan orang-orang soleh untuk umat dan orang yang diizinkan mendapat syafaat.

### **Syafaat Yang Paling Besar Di Akhirat (Syafaat Uzma / Syafaat Kubra)**

Syafaat yang paling besar di akhirat ialah **syafaat Nabi Muhammad s.a.w untuk mempercepatkan hisab amalan manusia**. Nabi akan memohon kepada Allah dipercepatkan hisab berikutan permintaan daripada manusia yang tidak sanggup lagi menanggung keperitan dan kesengsaraan di mahsyar. Permohonan Nabi s.a.w. dimakbulkan oleh Allah s.w.t.

### **Jenis-Jenis Syafaat Yang Lain**

Selain daripada syafaat uzma, Rasulullah juga dikurniakan oleh Allah memberikan syafaat-syafaat yang lain kepada orang yang beriman. Antaranya:

1. Memasukkan orang soleh ke dalam syurga tanpa hisab.
2. Meningkatkan darjah seseorang di dalam syurga.
3. Membebaskan orang yang beriman daripada api neraka.
4. Mengeluarkan orang beriman yang melakukan maksiat dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.

### **Golongan Yang Layak Menerima Syafaat**

1. Orang yang melazimkan diri membaca al-Quran.
2. Orang yang sentiasa berselawat kepada nabi.
3. Orang yang menziarahi Rasulullah semasa baginda masih hidup atau menziarahi makam baginda setelah baginda wafat.
4. Orang yang berdamping dengan para ulamak.
5. Orang yang mati syahid.

### **Hikmah Mahsyar**

1. Mendorong seseorang itu menunaikan tanggungjawab seperti yang diperintahkan oleh Allah.
2. Yakin terhadap keadilan Allah.
3. Sentiasa muhasabah diri dan memperbaiki kelemahan yang ada.
4. Yakin bahawa amalan soleh boleh menyelamatkan seseorang daripada kesengsaraan di mahsyar.

### **Hikmah Syafaat**

1. Mendorong kasih dan cinta akan Rasulullah dengan membanyakkan selawat serta mencontohi akhlak baginda.
2. Memuliakan para ulamak dan orang soleh.




3. Membuktikan kasih sayang nabi dan rahmat Allah kepada manusia.
4. Membuktikan manusia memerlukan pertolongan.

#### **Penghayatan**

1. Sabar menghadapi ujian dan pasrah dengan ketentuan Allah.
2. Sentiasa meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah dan ilmuwan Islam.
3. Yakin dengan rahmat Allah.

#### **PENILAIAN**

1. Apakah maksud mahsyar dari sudut syarak? (2m)
2. Terangkan keadaan orang-orang fasik ketika berada di padang mahsyar. (2m)
3. Huraikan dua hikmah Allah mengadakan syafaat. (4m)
4. Nyatakan tiga golongan yang layak menerima syafaat. (6m)
5. Terangkan tiga jenis syafaat yang dianugerahkan kepada Rasulullah **selain** syafaat uzma. (6m)



## **UNIT 6: AL-HISAB PERHITUNGAN YANG ADIL**

### **Pengertian Al-Hisab**

Perhitungan amalan manusia di dunia sama ada baik atau jahat.

Al-Hisab dilaksanakan di mahsyar sebelum ditentukan hukuman sama ada masuk ke syurga atau neraka.

### **Laman Nurani**

Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Tidak berganjak kedua-dua kaki seseorang dari tempat berdirinya pada hari kiamat sehingga disoal tentang umurnya ke mana dihabiskan, tentang ilmunya bagaimana digunakan, tentang harta bendanya bagaimana diperolehi dan dibelanjakan, dan tentang anggota badan bagaimana dia menggunakannya"

### **Proses Pelaksanaan Al-Hisab**

1. Allah akan menghitung semua amalan yang dilakukan oleh manusia sama ada kecil atau

besar, dan tidak ada sesuatupun yang dapat disembunyikan daripada perhitungan Allah.

2. Semua amalan yang dilakukan akan ditayangkan semula pada hari akhirat kecuali dosa yang telah diampunkan oleh Allah s.w.t.
3. Setiap manusia akan diberi buku catatan amalan yang ditulis oleh malaikat Raqib dan Atid sebagai bukti terhadap amalan baik atau jahat.
4. Terdapat orang yang dihisab dengan cara yang mudah dan terdapat orang yang dihisab dengan cara yang susah.
5. Orang mukmin yang menyembunyikan keaiban saudaranya di dunia, Allah akan menyembunyikan keaibannya di akhirat.

### **Laman Nurani 2**

Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Perkara pertama yang akan dihisab terhadap amalan seseorang pada hari kiamat ialah **solat**".

### **Galeri Ilmu**

Selain daripada buku catatan, anggota badan manusia sendiri menjadi saksi dalam perbicaraan di akhirat. Sekiranya lidah ingin berbohong, Allah akan menjadikannya kelu, dan seluruh anggota badan yang lain akan bercakap".

### **Hikmah Al-Hisab**

1. Takut melakukan dosa kerana semua perbuatan akan dihisab.
2. Menunjukkan keagungan dan kekuasaan Allah.
3. Mendorong manusia supaya menegakkan keadilan dan menjauhi kezaliman.
4. Menggalakkan manusia melakukan kebaikan untuk mendapat ganjaran daripada Allah di dunia dan di akhirat.


### **Kepentingan Beriman Dengan Al-Hisab Dalam Kehidupan Manusia**

1. Mendorong manusia supaya tidak melakukan kezaliman.
2. Supaya manusia tidak menyimpang daripada matlamat hidup.
3. Memberi motivasi ke arah melakukan amalan soleh.
4. Membentuk masyarakat yang sanggup berjihad mempertahankan kesucian Islam.
5. Melahirkan pemimpin yang menjalankan tugas dengan jujur, amanah, dan bersungguh-sungguh.

- Melahirkan masyarakat yang sentiasa bersaing untuk melakukan kebajikan.

#### PENILAIAN

- Nyatakan pengertian beriman kepada al-hisab. (2m)
- Terangkan dua proses al-hisab pada hari akhirat. (4m)
- Huraikan tiga kepentingan beriman kepada al-hisab terhadap kehidupan manusia. (6m)
- Terangkan tiga hikmah Allah mengadakan al-hisab pada hari akhirat. (6m)



## UNIT 7: AL-MIZAN NERACA KEADILAN

### Pengertian Al-Mizan

Al-Mizan bermaksud neraca atau penimbang.

Pada hari kiamat, semua amalan manusia akan dijelmakan dalam bentuk jirim dan diletakkan di atas al-Mizan. Timbangannya menyeluruh, tepat dan adil.

### LAMAN NURANI

Sabda Rasulullah yang bermaksud: “Dua perkataan yang disukai oleh Allah Yang Maha Pengasih, ringan pada lidah, tetapi berat pada timbangan amalan (al-mizan) iaitu (*Subhanaullah wa bihamdihi*) dan (*Subhanaullahil azim*)

سبحان الله وبحمده

العظيم الله سبحانه

### Galeri Ilmu

Tahukah anda bahawa amalan seseorang itu akan ditimbang bersama-sama tuannya. Sabda Nabi yang bermaksud: Pada hari kiamat, apabila seseorang anak Adam diadili, dia akan disuruh berdiri di antara 2 timbangan. Terdapat malaikat yang akan menguruskannya. Jika berat timbangan kebajikannya, malaikat tersebut akan menyeru sehingga boleh didengari semua makhluk: “Bahagialah manusia ini dan dia tidak akan celaka selama-lamanya”. Sebaliknya jika ringan timbangan kebajikannya, malaikat itu akan

berkata:” Celakalah manusia ini dan dia tidak akan bahagia”.

### Hubungan Al-Mizan Dengan Al-Hisab

- Al-mizan berlaku selepas selesai al-hisab.
- Al-Mizan ialah proses penentuan keputusan menyatakan balasan syurga atau neraka kepada manusia selepas berakhirnya al-hisab.
- Al- Hisab ialah proses mensabitkan amalan manusia sama ada baik atau jahat.

### Hikmah Beriman Kepada Al-Mizan


- Membuktikan keadilan Allah yang mutlak.
- Mendorong manusia melakukan amalan soleh.
- Mencegah manusia daripada melakukan kejahatan.
- Melahirkan manusia yang bersifat adil.
- Membentuk sifat takut terhadap balasan buruk pada hari kiamat.

### Perbezaan Konsep Al-Mizan Di Akhirat Dengan Pertimbangan Di Dunia

Al-Mizan Di Akhirat	Pertimbangan Di Dunia
Menyeluruh, adil dan telus.	Terbatas dan tidak terjamin ketepatannya.
Dilaksanakan tanpa dipengaruhi emosi atau diskriminasi.	Terdedah kepada pengaruh emosi dan diskriminasi.
Tetap dan tegas.	Boleh berubah-ubah.
Berdasarkan zahir dan batin.	Berdasarkan zahir sahaja.

#### PENILAIAN

- Nyatakan pengertian al-mizan. (2m)
- Terangkan tiga hikmah beriman kepada al-mizan. (6m)
- Jelaskan tiga perbezaan antara al-mizan di akhirat dengan pertimbangan di dunia. (6m)
- Keimanan terhadap al-mizan boleh menjana sifat adil dan tegas pendirian dalam diri seseorang murid. Terangkan dua cara mengamalkan sifat adil dan tegas pendirian di sekolah. (4m)



## UNIT 8: TITIAN AS-SIRAT

### Pengertian As-Sirat

- Dari segi bahasa: bermaksud jalan.
- Menurut Syarak: Titian yang merentang di atas neraka menuju ke syurga.

Semua manusia akan melalui titian as-Sirat, namun kepantasan menyeberangi titian as-sirat tersebut berdasarkan amalan soleh masing-masing di dunia. Orang kafir pula akan jatuh ke dalam api neraka ketika melalui titian as-Sirat.

### GALERI ILMU

Sabda Rasulullah yang bermaksud:” Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan semua manusia akan melaluinya (neraka), iaitu satu perkara yang mesti berlaku yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu”.

### Kepentingan Beriman Kepada As-Sirat

1. Melengkapkan kepercayaan kepada rukun iman.
2. Melahirkan individu muslim yang baik.
3. Amalan yang dilakukan bertepatan dengan syariat Islam.
4. Membanyakkan amalan agar mudah melalui titian as-sirat.

### Keadaan Manusia Ketika Melalui As- Sirat

- Kepantasan pergerakan orang yang beriman semasa melalui titian as-sirat bergantung kepada amalan soleh masing-masing ketika hidup di dunia.
- Orang yang kufur kepada Allah s.w.t. akan tergelincir ke dalam neraka semasa melalui titian as-sirat.

### *Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:*

*“Semua manusia akan melalui titian di atas neraka. Ada yang bergerak pantas seperti kilat, ada yang bergerak seperti angin, ada pula yang bergerak seperti kuda yang berlari, dan ada yang berjalan kaki, merangkak, dan mengesot...”*

### Hikmah Beriman Kepada As-Sirat

1. Meningkatkan ketakwaan kepada Allah.
2. Memberi kesedaran beramal soleh semasa di dunia.


3. Memberi keinsafan kepada manusia agar menjauhi larangan Allah.
4. Memberi motivasi kepada manusia berlumba-lumba ke arah kebajikan.
5. Membuktikan kekuasaan dan keadilan Allah.

### Amalan Supaya Berjaya Melintasi As-Sirat

1. Beristiqamah melakukan kebaikan seperti taat kepada ibu bapa dan mematuhi peraturan sekolah.
2. Mematuhi hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah seperti solat, tidak minum arak dan tidak berzina.
3. Memelihara diri supaya tidak tergelincir daripada landasan Allah seperti percaya kepada rukun iman dan melaksanakan rukun Islam .

### PENILAIAN

1. Nyatakan takrif as-sirat dari sudut syarak. (2m)
2. Jelaskan keadaan manusia ketika melintasi titian as- sirat.(4m)
3. Huraikan dua hikmah Allah mengadakan as-sirat. (4m)
4. Bincangkan amalan yang mesti dilakukan di dunia supaya berjaya melintasi titian as-sirat. (4m)



## UNIT 9: SYURGA GANJARAN KEBAIKAN

### Maksud Syurga

- Dari segi bahasa: Sebuah taman yang indah dipenuhi dengan pelbagai nikmat dan keselesaan.
- Suatu tempat yang dipenuhi dengan nikmat yang disediakan oleh Allah untuk hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh selepas mereka dibangkitkan semula pada hari akhirat.

### Kepentingan Beriman Kepada Syurga

1. Melengkapkan rukun iman dan memastikan kesahihan akidah.
2. Menggalakkan manusia melakukan kebaikan.
3. Meyakinkan bahawa kebaikan akan diberikan ganjaran baik pada hari akhirat.

## Nama-Nama Syurga

Nama Syurga	Maksudnya
Jannatu Adnin	Tempat kediaman
Jannatun Naim	Tempat dipenuhi nikmat
Jannatul Makwa	Tempat berteduh
Jannatul Firdaus	Tempat kediaman
Maqamum Amin	Tempat yang aman
Darul Khulud	Tempat yang kekal
Darus Salam	Tempat yang selamat

## Bukti Kewujudan Syurga

1. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menerangkan tentang syurga.
2. Rasulullah s.a.w. telah melihat syurga dan keadaan penghuninya dalam peristiwa Israk dan Mikraj.
3. Nabi Adam dan Hawa pernah tinggal di dalam syurga sebelum diturunkan ke dunia.
4. Terdapat para sahabat yang dijanjikan dengan syurga pada hari akhirat.

## Nikmat-Nikmat Syurga

1. Kata alu-aluan dan ucapan lunak yang diucapkan kepada penghuni syurga.
2. Pakaian dan persalinan yang terdiri daripada sutera dan perhiasan daripada emas serta perak
3. Bidadari jelita sentiasa menemani dan melayan penghuni syurga.
4. Pelayan-pelayan yang dipanggil 'wildan' yang terdiri daripada remaja-remaja lelaki sentiasa melayan penghuni syurga.
5. Mahligai yang indah daripada emas dan perak.
6. Buminya daripada perak dan air sungainya daripada susu, madu, arak, dan air yang lazat.
7. Taman yang indah dan terbentang luas dipenuhi pohon dan alunan suara dengan irama yang sangat merdu.
8. Dapat melihat wajah Allah. Inilah nikmat paling besar yang dikurniakan kepada penghuni syurga.

## Hikmah Allah Mengadakan Syurga

1. Menjadi motivasi kepada manusia untuk patuh kepada Allah dan melakukan amalan soleh.


2. Mengingatkan manusia bahawa setiap pengorbanan di dunia akan diberi ganjaran yang istimewa di akhirat.
3. Menjadi bukti kebesaran dan rahmat Allah terhadap hamba yang beriman dan beramal soleh.
4. Memberi kesedaran kepada manusia bahawa nikmat di dunia adalah amat sedikit, terlalu rendah nilainya dan tidak kekal jika dibandingkan dengan nikmat syurga.

## Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Apabila kamu ingin memohon syurga pohonlah syurga al- Firdaus. Ia adalah syurga yang tertinggi dan dikelilingi oleh syurga-syurga lain. Di atasnya ialah Arsyur-Rahman. Sungai-sungai syurga yang lain mengalir dari syurga Firdaus."*

## PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian syurga menurut bahasa dan syarak. (3m)
2. Terangkan dua jenis nikmat di dalam syurga. (4m)
3. Huraikan tiga hikmah Allah menciptakan syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertakwa. (6m)
4. Keyakinan kepada syurga boleh melahirkan umat yang cemerlang. Huraikan kesan pernyataan di atas. (2m)
5. Terangkan dua bukti kewujudan syurga. (4m)



## UNIT 10: NERAKA BALASAN KEJAHATAN

### Maksud Neraka

- Tempat balasan siksa yang disediakan Allah kepada orang kafir dan orang Islam yang melakukan dosa.

### Laman Nurani

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Seringan-ringan siksaan penghuni neraka pada hari kiamat ialah orang yang diletakkan bara api di bawah kedua-dua telapak kakinya sehingga mendidih otaknya. Dia tidak menyangka bahawa ada orang lain yang lebih dahsyat siksaan daripadanya. Padahal dialah orang yang paling ringan siksaan.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### **Keperluan Beriman Kepada Neraka**

1. Melengkapkan rukun iman dan memastikan kebenaran akidah.
2. Menghalang manusia melakukan maksiat.
3. Menambahkan keyakinan bahawa setiap kejahatan akan diberikan balasan kejahatan.

### **Nama-Nama Neraka**

Nama Neraka	Maksudnya
Jahannam	Tempat balasan siksa yang abadi selepas mati.
Sair	Api yang menyala-nyala
Lazho	Api yang bergejolak
Saqar	Api yang membakar kulit
Jahim	Api yang menyala-nyala
Hawiah	Api yang sangat panas
Hutamah	Api yang dinyalakan

### **Bukti Kewujudan Neraka**

1. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menceritakan tentang neraka dan sifat-sifatnya.
2. Rasulullah telah melihat neraka dan keadaan penghuninya dalam peristiwa Israk dan Mikraj.
3. Tentera bergajah yang dipimpin oleh Abrahah telah dimusnahkan dengan batu 'sijil' yang didatangkan dari neraka.
4. Api yang digunakan pada hari ini membuktikan kewujudan api neraka yang panas melebihi 70 kali ganda.
5. Di dunia manusia membuat penjara untuk menghukum penjenayah. Sudah tentu di akhirat pula Allah Yang Maha Adil menyediakan neraka untuk menghukum orang yang mengingkari-Nya.

### **Keperitan Azab Neraka**

1. Api neraka sangat panas dan boleh meleburkan segala yang dihamburkan ke dalamnya. Kepanasannya semakin bertambah setiap hari. Warna api neraka adalah hitam pekat kerana terlampau panas dan terlalu lama dinyalakan.
2. Wajah penghuni neraka cacat dan hodoh kerana dibakar api.. Kulit mereka pula akan digantikan dengan kulit baru apabila disambar api. Tubuh badan mereka dijadikan besar supaya bertambah azab yang dialami.

3. Penghuni neraka sentiasa dalam kesengsaraan selama mereka berada di dalam neraka. Mereka juga tiada peluang bertaubat. Mereka meraung kesakitan, mengherdik dan menyalahkan sesama sendiri, menyesal dan menangis sehingga mengalir air mata darah, dan berputus asa serta berharap agar mereka kembali menjadi tanah.

4. Makanan penghuni neraka ialah buah zakum daripada pohon berduri yang keluar dari dasar neraka jahim. Apabila dimakan menjadi kotoran minyak yang mendidih di dalam perut. Jika setitik daripadanya jatuh ke bumi, akan membinasakan seluruh kehidupan di dunia.

5. Minuman penghuni neraka ialah air danur, kotoran darah, dan nanah penghuni neraka. Juga air panas yang menggelegak yang menghancurkan isi perut.

6. Penghuni neraka diazabkan dengan pelbagai bentuk siksaan. Contohnya tangan mereka dibelenggu ke leher, dibelit dengan rantai yang panjangnya 70 hasta, dan dipatuk oleh binatang-binatang yang amat berbisa seperti ular serta kala jengking.

### **Kesan Beriman Kepada Neraka**

1. Menambahkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah.
2. Menginsafkan orang yang berdosa agar segera bertaubat.
3. Menimbulkan kesedaran meninggalkan kemungkaran.
4. Mendorong meningkatkan ketakwaan dan amalan soleh.
5. Melahirkan perasaan takut akan azab Allah dan mengharapkan rahmat-Nya.

### **Hikmah Allah Mengadakan Neraka**


1. Balasan untuk orang yang mengingkari kewujudan Allah.
2. Menepati janji Allah yang disebut di dalam kitab suci.
3. Setiap dosa dan kesalahan yang terlepas hukuman di dunia tidak terlepas menerima hukuman Allah.
4. Menunjukkan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya.
5. Membuktikan keadilan mutlak Allah pada hari kiamat.

### **Langkah-langkah Menghindari Amalan Yang Menjerus Kepada Dosa**

1. Menginsafi keperitan azab di dalam neraka.
2. Berdoa supaya Allah memberikan kekuatan menghindari maksiat dan godaan syaitan.
3. Melaksanakan hukum-hukum berdasarkan syariat Islam.
4. Segera beristighfar dan bertaubat apabila terlanjur melakukan dosa.
5. Mendampingi orang alim.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan pengertian neraka. (2m)
2. Terangkan tiga hikmah kewujudan neraka. (6m)
3. Huraikan tiga langkah mengatasi amalan yang menjurus kepada dosa. (6m)
4. Azab neraka amat dahsyat dan menggerunkan. Jelaskan tiga perbezaan di antara keperitan azab neraka dengan kesengsaraan hidup di dunia. (4m)



## **UNIT 11: PERSEDIAAN MENGHADAPI HARI AKHIRAT**

### **Maksud Hari Akhirat**

Hari akhirat ialah alam yang kekal abadi sesudah hari kiamat. Ia merupakan alam baru yang diwujudkan oleh Allah selepas kebangkitan semula manusia.

### **Kepentingan Persediaan Menghadapi Hari Akhirat**

1. Supaya manusia mencukupkan bekalan untuk hari akhirat.
2. Supaya manusia tidak tergolong dalam kalangan orang yang rugi.
3. Agar umat Islam mendapat ganjaran yang baik daripada Allah.
4. Sebagai ingatan kepada manusia bahawa segala amalannya di dunia akan mendapat pembalasan di akhirat.

### **Faktor Mencapai Kejayaan Di dunia Dan Di Akhirat**

- **Faktor Kejayaan Di Dunia**

1. Istiqamah dalam setiap pekerjaan yang baik.

2. Bersungguh-sungguh dan rajin berusaha.
3. Suka membantu orang lain.
4. Berakhlak dan berperibadi mulia

- **Faktor Kejayaan Di Akhirat**

1. Berpegang kepada akidah ahli sunnah wal jamaah.
2. Menyempurnakan ibadat-ibadat wajib dengan sebaik-baiknya.
3. Memperbanyak amalan sunat.
4. Melaksanakan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.

### **Amalan Soleh Sebagai Bekalan**

1. Menuntut ilmu.
2. Berakhlak mulia.
3. Berjihad.
4. Bersedekah.
5. Menjaga hubungan dengan Allah dan manusia.

### **Amar Makruf Nahi Mungkar Di Sekolah**

Kita mestilah membudayakan amar makruf nahi mungkar di sekolah demi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Antaranya:

- **Amar Makruf di Sekolah**

1. Menjaga harta sekolah.
2. Mematuhi disiplin sekolah yang telah ditetapkan.
3. Menjaga kebersihan sekolah dan persekitarannya.
4. Membantu guru dan rakan yang memerlukan bantuan.


- **Nahi Mungkar di Sekolah**

1. Menasihati rakan yang ponteng sekolah.
2. Melaporkan kepada guru sekiranya berlaku pergaduhan dan peras ugut.
3. Mencegah perbuatan meniru dalam peperiksaan.
4. Menghindarkan diri daripada merokok dan melepak.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud hari akhirat. (2m)
2. Terangkan tiga kepentingan membuat persediaan menghadapi hari akhirat. (6m)
3. Tuliskan dua langkah untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. (8m)
4. Huraikan maksud amar makruf dan nahi mungkar. (4m)

5. Jelaskan tiga amalan soleh yang telah anda lakukan di sekolah. (6m)



## UNIT 12: KESAN BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

### • Kesan Kepada Individu

1. Menunaikan ibadat dengan khusyuk dan mengharapkan keredhaan Allah.
2. Bercakap dengan percakapan yang baik dan bermanfaat.
3. Bersikap adil terhadap diri sendiri.
4. Melakukan amalan kebajikan.

### • Kesan Kepada Keluarga

1. Berkasih sayang dan hormat menghormati antara anggota keluarga.
2. Menunaikan hak sebagai anak, ibu bapa, dan sanak-saudara.
3. Mewujudkan suasana ibadat dalam rumahtangga.
4. Menampilkan rumahtangga yang bersih, harmoni dan ceria kerana mengamalkan sunnah Rasulullah s.a.w.
5. Membentuk institusi keluarga yang menjadi contoh dalam masyarakat.

### • Kesan Kepada Masyarakat

1. Masyarakat hidup dalam keadaan aman dan tenteram.
2. Mewujudkan masyarakat yang menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.
3. Bekerjasama dalam meningkatkan kualiti hidup.
4. Bersikap mengutamakan orang lain.
5. Melahirkan masyarakat yang tidak bersikap iri hati terhadap kejayaan orang lain.

### Ciri-Ciri Orang Yang Beriman Kepada Hari Akhirat

1. **Ibadat:** Melakukan perkara yang bermanfaat dan menggunakan masa lapang, kekayaan, dan kesihatan untuk menambahkan amal ibadat dan kebajikan.


2. **Pakaian:** Memakai pakaian yang menutup aurat, kemas, bersih, dan sopan.
3. **Akhlak:** Mesra dan bersopan santun dengan ibu bapa, guru, rakan-rakan, dan orang yang lebih tua.
4. **Ilmu:** Tekun belajar dan memberi sumbangan ilmu serta mengajak orang lain melakukan kebajikan.
5. **Perkhidmatan:** Membuat perancangan teliti untuk melaksanakan sesuatu tugas atau kerja.

### Langkah-langkah Meningkatkan Iman Kepada Hari akhirat

1. Menuntut ilmu supaya dapat mengenal Allah dan meyakini kebenaran janji Allah kepada orang yang beriman.
2. Berzikir dan bertahlil sama ada secara bersendirian atau dalam majlis zikir.
3. Berfikir dan mengambil iktibar daripada bencana alam.
4. Menziarahi dan menunaikan solat jenazah serta mengiringi jenazah ke kubur.
5. Menyelidik dan mengkaji ayat al-Quran yang menerangkan peristiwa hari akhirat.
6. Mengadakan program berunsur dakwah seperti forum, ceramah dan bengkel bertemakan hari akhirat.

### PENILAIAN

1. Jelaskan tiga kesan beriman kepada hari akhirat terhadap individu dan masyarakat Islam. (12m)
2. Terangkan tiga ciri orang yang beriman kepada hari akhirat. (6m)
3. Terangkan empat cara meningkatkan keimanan kepada hari akhirat. (4m)
4. Masyarakat yang bertakwa adalah masyarakat yang diberkati. Huraikan bagaimana masyarakat yang bertakwa mendapat limpahan keberkatan Allah. (2m)



## BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR

### Maksud Qada'

- Dari segi bahasa: Hukum, ketentuan dan penyempurnaan sesuatu perkara.

- Dari segi syarak: Ketentuan Allah yang azali terhadap semua makhluk.
- Contohnya: Ketentuan Allah sejak azali bahawa manusia akan diciptakan untuk mendiami bumi.

#### Maksud Qadar:

- Dari segi bahasa: Menentukan qadar sesuatu perkara mengikut qadar yang tertentu.
- Dari segi syarak: Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah yang azali.
- Contohnya: Allah mencipta manusia yang telah mendiami bumi.

#### Perbezaan antara kedua-duanya:

Qada' berkait dengan sifat kehendak (iradat) dan ilmu Allah, manakala Qadar berkait dengan sifat kekuasaan (kudrat) dan perbuatan Allah.

Kesimpulannya: Beriman kepada qada' dan qadar bermaksud mempercayai dan meyakini bahawa Allah mengetahui segala perkara yang akan berlaku kepada semua makhluk.

#### Kewajipan Beriman Kepada Qada' Dan Qadar

Beriman kepada qada' dan qadar ialah rukun Islam ke-6. Sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar RA, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Iman ialah bahawa kamu percaya kepada Allah, Malaikat, Kitab-kitab, Rasul-rasul, hari kiamat, dan kamu percaya kepada qadar baik dan buruk."

Selain daripada dalil di atas, kita juga boleh berfikir bahawa Allah s.w.t. bersifat iradat (berkehendak), kudrat (berkuasa), dan al-alim (Maha Mengetahui). Beriman kepada qada' dan qadar bererti kita telah meyakini sifat-sifat kesempurnaan Allah. Oleh itu, setiap muslim **wajib** beriman kepada qada' dan qadar. Orang yang mengingkari qada' dan qadar adalah **kafir**.

#### Jenis-Jenis Qada'

##### 1. Qada' Mubram

- Maksudnya sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah dan tidak berubah.
- Contohnya: Kelahiran, kematian dan kejadian siang dan malam.

##### 2. Qada' Muallaq

- Maksudnya ketentuan Allah terhadap sesuatu sesuai dengan usaha dan ikhtiar manusia.
- Contohnya: Kejayaan manusia bergantung kepada usaha dan ketekunan namun hasilnya tidak dapat diketahui sebelum ia berlaku.

\*\*\* Doa boleh mengubah qada' muallaq, tetapi tidak mengubah qada' mubram. Oleh itu, setiap muslim digalakkan berdoa kerana faedahnya ialah mendapat kasih sayang dan kelembutan Allah kepada orang berdoa apabila berlakunya qada'.

#### Konsep Ikhtiar, Tawakal, Dan Af'alul Ibad

**1. Ikhtiar:** Ialah usaha manusia untuk melakukan sesuatu mengikut kehendakNya bagi mencapai matlamat.

Allah telah mengurniakan manusia sebab-sebab yang boleh membawa kejayaan dan kebahagiaan hidup. Contohnya akal untuk berfikir dan tenaga untuk bekerja. Oleh yang demikian, manusia mestilah berikhtiar dalam kehidupan.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan katakanlah (Wahai Muhammad!) : Beramallah kamu, maka Allah dan rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat perkara-perkara yang kamu kerjakan...."

Ayat di atas menjelaskan kepentingan bekerja dan berusaha supaya kita tidak berserah kepada nasib semata-mata. Kita mesti berusaha bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Namun begitu kita juga tidak boleh bergantung kepada usaha dan ikhtiar sahaja tanpa berdoa dan bertawakal.

**2. Tawakal:** Tawakal ialah berserah kepada Allah s.w.t. setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh.

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: "...maka apabila kamu telah berazam, bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya."

Oleh itu, sebagai murid kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh dan keputusannya kita serahkan kepada Allah s.w.t.

#### GALERI ILMU



Pada suatu hari Saidina Umar bin Al-Khattab bertemu dengan satu rombongan jemaah haji dari Yaman yang datang tanpa bekalan. Umar bertanya kepada mereka: Siapakah kamu? Mereka menjawab: Kami ialah orang yang bertawakal (al-mutawakkilun), lalu Umar menjawab: Tidak. Kamu ialah orang yang tidak berusaha.

### Hikmah Tawakal

1. Memantapkan keyakinan dan keimanan bahawa Allah berkuasa melakukan apa-apa sahaja yang dikehendaki-Nya.
2. Berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
3. Tidak kecewa atau putus asa apabila mengalami kegagalan.
4. Memiliki jiwa yang tenang dan berani menghadapi pelbagai dugaan hidup.
5. Bersikap positif dan optimis dalam hidup.
6. Tidak sombong, takbur, dan bangga diri.

3. **Af 'alul- Ibad ( العباد افعال )**: Af'alul ibad bermaksud perbuatan-perbuatan manusia. Perbuatan manusia terbahagi kepada dua jenis iaitu:

a) Af 'alul ikhtiariyyah ( اختياريه افعال ) – maksudnya perbuatan-perbuatan yang lahir daripada kehendak dan usaha manusia sendiri. *Contohnya* menunaikan solat atau belajar.

b) Af 'alul idtiroriyyah ( اضطراريه افعال ) – maksudnya perbuatan-perbuatan yang lahir bukan daripada kehendak dan usaha manusia. *Contohnya* menggigil kerana demam.

Sebagai manusia, kita bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatan-perbuatan ikhtiariyyah. Allah akan mempersoalkan kita atas perbuatan-perbuatan ini. Oleh itu, kita mestilah melakukan perbuatan-perbuatan baik yang mendatangkan pahala.

Af 'alul ibad berkait rapat dengan ikhtiar seseorang manusia. Usaha hendaklah disertai tawakal. Beriman kepada qada' dan qadar Allah pula menjadi pendorong untuk kita berusaha kerana manusia tidak mengetahui ketentuan Allah s.w.t.

### Hikmah Beriman Kepada Qada' Dan Qadar

1. Memantapkan akidah seseorang.

2. Melahirkan sifat berani dan tetap pendirian.
3. Menghindarkan diri daripada perkara-perkara haram.
4. Tidak sombong apabila berjaya.
5. Sabar dan redha dengan segala takdir Allah.
6. Berusaha melakukan setiap pekerjaan dengan bersungguh-sungguh.
7. Sentiasa berdoa kepada Allah.
8. Tidak putus asa apabila gagal.

### Salah Faham Kepada Qada' Dan Qadar

☉ Fahaman bahawa **segala perkara telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Oleh sebab itu, manusia tidak perlu berusaha.** Mereka berhujah: “Kalau Allah sudah menentukan kegagalan maka usaha yang bersungguh-sungguh tidak bermakna lagi.” Pepatah Melayu juga berkata: “Rezeki secupak tidak akan jadi segantang.”

☉ Fahaman yang **meletakkan kesalahan kepada takdir apabila mengalami kesusahan hidup.** Mereka berkata:” Apa boleh buat, sudah takdir saya jadi begini.”

☉ Fahaman bahawa **beriman kepada qada' dan qadar menyebabkan kemunduran dan menghalang kemajuan.** Mereka berkata: “ Disebabkan beriman kepada qada' dan qadar umat Islam menjadi mundur.”

### Hujah Menolak Salah Faham Terhadap Qada' Dan Qadar

Salah faham dan kekeliruan di atas boleh ditolak dengan mengemukakan hujah-hujah seperti yang berikut:

- ☉ Beriman kepada qada' dan qadar tidak menghalang manusia berusaha. Sebaliknya ia menjadi pendorong supaya berusaha gigih dan bersungguh-sungguh kerana manusia tidak mengetahui ketentuan Allah s.w.t.
- ☉ Beriman kepada qada' dan qadar akan menjana sifat-sifat positif ke arah kecemerlangan hidup seperti rajin bekerja, tabah menghadapi ujian hidup, tidak mudah kecewa atau putus asa, dan berani menegakkan kebenaran.
- ☉ Beriman kepada qada' dan qadar akan mengeratkan hubungan manusia dengan Allah s.w.t. Manusia sentiasa berdoa dan bertawakal kepada Allah. Oleh itu, Allah akan membantu

dan menolong hamba-hamba yang hampir dengan-Nya.

### **Tamadun**

Beriman kepada qada' dan qadar memberikan kekuatan kepada seseorang menempuh cabaran hidup. Keimanan ini juga mendorong manusia bekerja kuat kerana qada' dan qadar yang akan berlaku tidak diketahui.

### **GALERI ILMU**

#### **Menurut Imam An-Nawawi:**

Ramai orang beranggapan bahawa qada' dan qadar bermaksud Allah telah menentukan sesuatu dan memaksa kehendak-Nya ke atas manusia tanpa usaha dan ikhtiar mereka. Sebenarnya tanggapan itu adalah salah. Qada' dan qadar bermaksud pemberitahuan Allah akan perkara yang berlaku terhadap manusia.


#### **Penghayatan**

1. Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya.
2. Berdisiplin dan berdaya saing.
3. Berwawasan dalam merancang kehidupan.

### **PENILAIAN**

1. Nyatakan pengertian beriman kepada qada' dan qadar. (4m)
2. Nyatakan jenis-jenis qada' berserta contoh. (4m)
3. Jelaskan pengertian tawakal, ikhtiar, dan af'alul ibad. (6m)
4. Terangkan tiga peranan tawakal dalam kehidupan. (6m)
5. Seseengah orang berpendapat kemunduran umat Islam berpunca daripada kepercayaan kepada qada' dan qadar.  
Berikan hujah anda untuk menolak pernyataan di atas. (2m)

# **IBADAT**



## **IBADAT 1 : RUKHSAH SOLAT**

### **SOLAT KETIKA SAKIT**

*Maksud rukhsah:* Kemudahan yang diberikan oleh Islam kepada umatnya untuk melakukan ibadat dalam keadaan tertentu.

I.

#### **Maksud Solat Ketika Sakit**

Menunaikan ibadat solat mengikut keupayaan disebabkan kesakitan yang menghalang daripada menunaikannya secara biasa.

#### **KAIFIAT / CARA SOLAT KETIKA SAKIT**

Ada 5 cara:

##### **1. Secara Duduk**

Caranya

- Duduk dalam keadaan iftirasy iaitu seperti duduk antara dua sujud.
- Rukuk hendaklah ditundukkan kepala iaitu dahi berada setentang dengan tempat sujud.
- Sujud dilakukan seperti biasa.

##### **2. Secara Mengiring**

Caranya:

- Baring dalam keadaan mengiring di atas rusuk sebelah kanan.
- Muka dan dada hendaklah mengadap kiblat.
- Rukuk dan sujud hanya dilakukan menerusi isyarat kepala.

##### **3. Secara Menelentang**

Caranya:

- Berada dalam keadaan berbaring sambil menelentang.
- Kaki menghala ke kiblat.
- Kedudukan kepala ditinggikan sedikit agar muka dapat mengadap kiblat.
- Rukuk dan sujud hanya dilakukan melalui isyarat kepala.

##### **4. Secara Isyarat Kelopak Mata**

Caranya:

- Berada dalam keadaan berbaring sambil menelentang.
- Kaki menghala ke arah kiblat.
- Rukuk dilakukan dengan menggerakkan kelopak mata.
- Sujud diisyaratkan dengan memejamkan mata.

##### **5. Secara Ingat Di Dalam Hati.**

Caranya:

- Solat dilakukan dengan membayangkan di dalam hati pergerakan mengikut tertib rukun.

## Laman Nurani

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi bermaksud: “Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikannya beerti dia mendirikan agama, dan sesiapa yang meninggalkannya, beerti dia telah meruntuhkan agama.”

### Hikmah Rukhsah Solat Ketika Sakit

1. Menunjukkan bahawa Islam ialah agama yang mudah.
2. Supaya umat Islam dapat menunaikan kewajipan mereka dalam sebarang keadaan.
3. Membuktikan bahawa Allah sayangkan hambaNya.

### Sebab Diwajibkan Solat Walaupun Ketika Sakit

1. Solat merupakan ibadat terpenting dalam Islam.
2. Solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran.
3. Solat sebagai penawar kepada sakit.
4. Mengharapkan pertolongan Allah ketika senang dan susah.
5. Supaya hidup dan mati dalam iman.

### PERBEZAAN RUKHSAH SOLAT KETIKA SAKIT DAN MUSAFIR

Cara Solat	Rukhsah ketika Sakit	Rukhsah Ketika Musafir
Kedaaan Solat	Dilakukan mengikut keupayaan pesakit sama ada secara duduk, berbaring mengiring, menelentang, isyarat mata atau isyarat hati.	Boleh dilakukan secara jamak, qasar atau kedua-duanya sekali. Harus juga dilakukan secara sempurna.
Tempoh pelaksanaan	Sepanjang berada dalam keadaan sakit.	Semasa berada dalam musafir.


### GALERI ILMU

Renungkan kata-kata Saidina Umar Al-Khattab yang bermaksud: “Hitunglah diri kamu sebelum

diri kamu dihitung dan dihisab, dan timbanglah amalan kamu sebelum amalan kamu ditimbang.”

### PENILAIAN

1. Nyatakan tiga hikmah disyariatkan rukhsah solat ketika sakit. (6m)
2. Jelaskan maksud solat ketika sakit. (2m)
3. Terdapat orang yang sengaja meringan-ringankan kefarduan solat. Bincangkan sebab terjadinya perkara ini. (4m)



## IBADAT 2: SOLAT AIDIL FITRI DAN AIDIL ADHA

### Maksud Solat Aidil Fitri Dan Aidil Adha

**Solat Aidil Fitri:** Iaitu solat sunat 2 rekaat yang dilakukan oleh umat Islam pada pagi 1 Syawal.

**Solat Aidil Adha:** Iaitu solat sunat 2 rekaat yang ditunaikan pada pagi 10 Zulhijjah.

### Amalan Sebelum Solat Aidil Fitri Dan Aidil Adha

1. Menghidupkan malam raya dengan ibadat seperti takbir, zikir, solat sunat tahajjud dan membaca al-Quran.
2. Mandi sunat pada pagi hari.
3. Memakai pakaian yang baru dan bersih.
4. Memakai wangi-wangian bagi lelaki.
5. Bermaaf-maafan dengan ibu bapa dan keluarga.
6. Pada hari raya Aidil Fitri bersarapan sebelum solat, manakala pada hari raya Aidil adha bersarapan selepas solat.
7. Pergi awal ke masjid sebaik-baiknya dengan berjalan kaki.
8. Berwajah ceria dan senyum kepada setiap orang Islam yang ditemui
9. Membayar zakat fitrah (pada hari raya Aidil Fitri) dan banyak bersedekah.

### Cara Solat Aidil Fitri Dan Aidil Adha

1. **Waktu:** selepas setengah jam terbit matahari hingga matahari tergelincir. Disunatkan melambatkan solat Aidil Fitri dan menyegerakan solat Aidil Adha.
2. **Bilangan rekaat:** 2 rekaat.

3. **Bilangan takbir:** 7 kali pada rekaat pertama dan 5 kali pada rekaat kedua tidak termasuk takbiratulihram.
4. **Bilangan tasbih:** 6 kali pada rekaat pertama dan 4 kali pada rekaat kedua.

**Kaifiatnya adalah seperti berikut:**

1. Takbiratul ihram serta niat.

Lafaz niat solat Aidil Fitri:

اصلي سنة عيد الفطر ركعتين ماموما اماما لله تعالى

Maksudnya: Sahaja aku solat sunat Aidil Fitri dua rekaat mengikut imam / imam kerana Allah Taala.

Lafaz niat solat Aidil Adha:

اصلي سنة عيد الاضحى ركعتين ماموما اماما لله تعالى

Maksudnya: Sahaja aku solat sunat Aidil Adha dua rekaat mengikut imam / imam kerana Allah Taala.

2. Pada rekaat pertama selepas takbiratul ihram bacalah doa iftitah.
3. Kemudian hendaklah bertakbir dengan mengangkat tangan sebanyak 7 kali dan membaca tasbih sebanyak 6 kali : Dimulakan dengan takbir kemudian disusuli dengan tasbih secara berselang-seli.
4. Lafaz tasbih ialah:

سبحان الله والحمد لله ولا اله الا الله والله اكبر ولا حولا

ولا قوة الا بالله العلي العظيم

5. Selepas itu bacalah al-Fatihah dan surah al-A'la atau mana-mana surah.
6. Rukuk, iktidal dan sujud.
7. Apabila berdiri pada rekaat kedua hendaklah terus bertakbir sebanyak 5 kali dan membaca tasbih 4 kali berselang seli.
8. Kemudian bacalah al-Fatihah diikuti mana-mana surah.
9. Rukuk, iktidal, sujud, tahiyat akhir dan memberi salam.
10. Selepas itu khatib akan membaca khutbah. Berilah tumpuan serta jangan bercakap-cakap.

**Khutbah Aidil Fitri Dan Adha**

Hukum	Sunat
Waktu	Diadakan selepas solat.
Rukun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memuji Allah</li> <li>• Berselawat ke atas nabi</li> <li>• Memberi ingatan</li> </ul>

	kepada manusia supaya bertakwa <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca mana-mana ayat al-Quran sama ada pada rekaat pertama atau kedua.</li> <li>• Memohon keampunan untuk setiap orang beriman dalam khutbah kedua.</li> </ul>
Syarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyampaikan rukun-rukun khutbah dalam bahasa Arab.</li> <li>• Khatib mestilah lelaki.</li> </ul>
Sunat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dimulakan dengan Allhuakbar.</li> <li>• Khatib berdiri.</li> <li>• Suci daripada hadas.</li> <li>• Duduk antara dua khutbah.</li> </ul>

**Perbezaan Antara Solat Hari Raya Dengan Solat Jumaat**

Perkara	Solat hari raya	Solat Jumaat
Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan.	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.
Waktu	Pada waktu pagi (dhuha) setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.	Pada waktu Zohor setiap hari Jumaat.
Khutbah	Selepas solat.	Sebelum solat.
Tempat	Masjid, surau atau padang.	Masjid atau surau.
Bilangan Jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangannya.	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.
Takbir	Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca al-Fatihah.	Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al-Fatihah.

**GALERI ILMU**

Tahukah anda bahawa eid ialah perkataan Arab yang bermaksud pulang atau kembali. Ertinya ialah hari yang mengembalikan kegembiraan kepada umat Islam pada setiap tahun dengan segala bentuk ihsan dan nikmat

Allah. Buktinya kita dibenarkan makan dan minum pada siang hari setelah sebulan berpuasa pada Aidil Fitri dan menikmati daging-daging korban pada Aidil Adha.

#### **Hikmah Solat Aidil Fitri Dan Aidil Adha Kepada Individu**

- Menzahirkan kesyukuran dan meningkatkan keimanan.
- Boleh mendengar nasihat dan peringatan.

#### **2. Kepada Keluarga**

- Mengukuhkan perasaan kasih sayang.
- Mengeratkan hubungan silaturrahim.

#### **3. Kepada Masyarakat dan Negara**

- Melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan bertanggungjawab.
- Menzahirkan syiar agama Islam.

#### **Kepentingan Takbir Hari Raya**

1. Melahirkan kesyukuran kepada Allah.
2. Meninggikan syiar Islam.
3. Mengingatkan kita tentang kebesaran Allah.
4. Memantapkan semangat perjuangan umat Islam.

#### **TAMADUN**


Islam menetapkan tarikh awal Ramadan, awal Zulhijah, dan awal Syawal dengan cara melihat anak bulan (Rukyah). Melihat anak bulan memerlukan peralatan canggih seperti teleskop berkuasa tinggi yang boleh melihat anak bulan walaupun dalam keadaan cuaca buruk. Bagi memenuhi keperluan ini umat Islam hendaklah menguasai ilmu astronomi dan teknologi moden. Di samping itu, solat sunat hari raya mengajar kita keperluan bersatu padu dengan mengeratkan ukhwah islamiah dan saling bekerjasama. Dengan cara ini kita dapat menjana kemajuan dan membangunkan negara ke arah kecemerlangan.

#### **Penghayatan**

1. Berusaha mengeratkan hubungan silaturrahim.
2. Bersyukur terhadap nikmat Allah dengan bertakbir sempena hari raya.
3. Prihatin terhadap keperluan bersatu padu.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan hukum solat aidil fitri dan aidil adha. (2m)
2. Jelaskan tiga amalan yang perlu anda lakukan sebelum menunaikan solat aidil fitri dan aidil adha. (6m)
3. Senaraikan tiga perbezaan antara solat hari raya dengan solat Jumaat. (6m)
4. Nyatakan tiga hikmah solat aidil fitri dan aidil adha. (6m)
5. Terangkan tiga kepentingan takbir hari raya. (6m)



## **IBADAT 3 : SOLAT SUNAT HAJAT**

### **Maksud Solat Sunat Hajat**

Ialah solat yang ditunaikan untuk kita memohon sesuatu hajat kepada Allah sama ada ingin mendapat sesuatu kebaikan atau menolak sesuatu keburukan.

### **Tujuan Solat Sunat Hajat**

1. Mendekatkan diri kepada Allah.
2. Melatih diri sentiasa berharap kepada pertolongan Allah sama ada ketika senang atau susah.
3. Memohon hajat untuk diri sendiri atau orang lain.
4. Mengakui kelemahan diri serta memohon hajat hanya kepada Allah.
5. Mengimbangi jiwa supaya reda menempuh sebarang ketentuan Allah.

### **Cara Solat Sunat Hajat**

#### **1. Lafaz niat:**

اصلي سنة الحاجة ركعتين لله تعالى

Maksudnya: Sahaja aku menunaikan solat sunat hajat dua rekaat kerana Allah Taala.

**2. Bilangan rekaat:** Sekurang-kurangnya 2 rekaat satu salam, tetapi boleh dilakukan 4 atau 12 rekaat.

#### **3. Bacaan:**

i. Pada rekaat pertama dibaca doa iftitah, surah al-Fatihah dan surah al-Kafirun.

ii. Pada rekaat kedua dibaca surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlâs.

4. **Doa :** Selepas memberi salam hendaklah berdoa dengan mana-mana doa atau doa yang ma'thur.

#### Hajat Yang Sesuai Dipohon

1. **Mendapat sesuatu kebaikan duniawi.**  
*Contohnya:* Cemerlang dalam peperiksaan, dimurahkan rezeki, keharmonian masyarakat, dan keamanan negara.
2. **Mendapat sesuatu kebaikan ukhrawi.**  
*Contohnya:* Menjadi orang yang istiqamah dalam beribadat.
3. **Dijauhkan daripada keburukan duniawi.** *Contohnya:* Dijauhkan daripada gagal dalam peperiksaan, penyakit, kemelesetan ekonomi, dan pencerobohan musuh negara.
4. **Dijauhkan daripada keburukan ukhrawi.** *Contohnya:* Dijauhkan daripada perbuatan maksiat, kemungkaran, dan gejala sosial dalam masyarakat.

#### Perbezaan Antara Solat Sunat Hajat Dengan Solat Sunat Rawatib

Perkara	Solat Hajat	Solat Rawatib
Masa	Boleh dilakukan bila-bila masa kecuali waktu yang diharamkan. Afdal dilakukan pada pertengahan sebelum solat malam.	Dilakukan mengiringi solat fardu iaitu sebelum dan selepas solat fardu (kecuali Subuh dan Asar disunatkan sebelum solat sahaja)
Bilangan Rekaat	Boleh dilakukan 2, 4, atau 12 rekaat.	Dilakukan 2 atau 4 rekaat sahaja.
Doa	Terdapat doa khusus yang ma'sur.	Tidak terdapat doa khusus.
Cara	Boleh dilakukan secara berjemaah.	Hanya dilakukan secara sendirian.

#### Tindakan Yang Perlu Dilaksanakan Apabila Permohonan Dimakbulkan

1. Bersyukur dengan memuji Allah dan mengerjakan sujud syukur.
2. Menggunakan anugerah Allah yang diperolehi untuk kita menambah amalan kebajikan seperti bersedekah, membuat jamuan kesyukuran atau membantu orang yang memerlukan bantuan.
3. Bersikap merendah diri.
4. Istiqamah melakukan solat sunat hajat.

#### Tindakan Yang Perlu Dilaksanakan Apabila Permohonan Tidak Dimakbulkan

1. Tidak berputus asa melakukan solat sunat hajat.
2. Bertawakal kepada Allah dan meyakini bahawa Allah akan memakbulkan permohonan pada masa akan datang.
3. Meyakini bahawa Allah tetap memberi pahala pada hari akhirat atas solat hajat yang dilakukan.
4. Bertaubat kepada Allah kerana mungkin permohonan tidak dimakbulkan akibat dosa yang dilakukan.

#### LAMAN NURANI

*Sabda Rasulullah s.a.w.:*

Masa yang paling dekat antara hamba dengan tuhanNya ialah ketika sujud. Oleh itu, perbanyakkanlah berdoa ketika sujud.


#### TAMADUN

Orang yang sentiasa melaksanakan solat sunat hajat ialah orang yang menjalinkan hubungan rapat dengan Allah s.w.t. Mereka sentiasa optimis terhadap pertolongan Allah, sama ada ketika senang atau susah. Oleh itu, mereka juga sentiasa sanggup berusaha untuk pembangunan ruhani masyarakat Islam.

#### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian solat sunat hajat.
2. Jelaskan tiga tujuan solat sunat hajat ditunaikan. (6m)
3. Terangkan tiga perbezaan antara solat sunat hajat dengan solat sunat rawatib. (6m)
4. Terangkan tiga tindakan yang perlu dilakukan apabila sesuatu hajat dimakbulkan oleh Allah. (6m)
5. Solat sunat hajat dapat membina peribadi muslim yang cemerlang.

Huraikan dua hujah untuk anda menyokong pernyataan di atas. (4m)



## IBADAT 4: SOLAT SUNAT TAHAJJUD

### Maksud Solat Sunat Tahajjud

- Tahajjud dari segi bahasa: Meninggalkan tidur.
- Dari segi istilah: Sembahyang sunat yang dilakukan setelah terjaga daripada tidur pada waktu malam, walaupun tidur hanya sebentar.

### Waktu Menunaikan Solat Tahajjud

- Dilakukan selepas solat Isyak sehingga terbit fajar.
- Sebaik-baiknya dilakukan pada waktu sepertiga malam yang terakhir, kira-kira jam 3.00 pagi hingga terbit fajar.

### Faktor Memudahkan Mengerjakan Solat Sunat Tahajjud

#### a. FAKTOR JASMANI

1. Tidak banyak makan dan minum.
2. Tidak letih pada siang hari.
3. Tidur sekejap sebelum Zohor (qailulah)- قيلولة
4. Tidak melakukan dosa yang boleh mengeraskan hati.

#### b. FAKTOR ROHANI

1. Cintakan sunnah Rasulullah s.a.w.
2. Kasih dan takut kepada Allah s.w.t.
3. Mengetahui kelebihan qiamullail.

### Kaifiat/Cara Menunaikan Solat Tahajjud

1. Lafaz niat: *اصلي سنة التهجد ركعتين لله تعالى*  
Maksudnya: Sahaja aku sembahyang sunat tahajjud dua rekaat kerana Allah Taala.
2. Bilangan rekaat: Sekurang-kurangnya dua rekaat satu salam atau dilakukan seberapa banyak yang termampu secara bersendirian atau berjemaah.
3. Bacaan:
  - a. Pada rekaat **pertama** dibaca doa iftitah, surah al-fatihah dan surah al-kafirun atau mana-mana surah.
  - b. Pada rekaat **kedua** dibaca surah al-fatihah dan surah al-ikhlas atau mana-mana surah.

4. Doa: Selepas memberi salam hendaklah membaca doa khas yang mauthur.

### HIKMAH SOLAT SUNAT TAHAJJUD

1. Sentiasa mendapat pengawasan dan pemeliharaan Allah s.w.t.
2. Doa dimakbulkan dan dimurahkan rezeki.
3. Dipermudahkan hisab dan senang melalui titian as-sirat.
4. Menerima buku catatan amalan dengan tangan kanan.
5. Berwajah bersih bersinar semasa dibangkitkan di padang Mahsyar.
6. Terhindar daripada kebinasaan dan gangguan syaitan.
7. Allah mudahkan urusan hidup.
8. Melahirkan rasa seronok beribadat.
9. Mendidik jiwa bermunajat dan melahirkan rasa takut kepada Allah.
10. Bersemangat, berdisiplin, dan mudah mengingati ilmu.

### PERBEZAAN ANTARA SOLAT SUNAT TAHAJJUD DENGAN SOLAT HAJAT

	Solat Tahajjud	Solat Hajat
Tujuan	Dilakukan sebagai memulakan ibadat pada waktu malam.	Dilakukan kerana memohon bantuan Allah agar menunaikan sesuatu hajat.
Masa	Setelah jaga daripada tidur pada waktu malam.	Boleh dilakukan pada waktu malam atau siang.
Cara	Afdhal (lebih baik) dilakukan secara bersendirian.	Boleh dilakukan bersendirian atau berjemaah, bergantung kepada hajat.

### TAMADUN

- Solat sunat tahajjud merupakan satu bentuk latihan khas yang Allah syariatkan bertujuan melahirkan insan muslim yang cemerlang, sebab itulah para sahabat berjaya membina peradaban Islam yang gilang gemilang sehingga empayar Rom dan Parsi tumbang di tangan mereka.
- Mereka terkenal dengan gelaran "Ahli ibadat pada malam hari dan pahlawan

berkuda pada siang hari”. Oleh itu pembinaan tamadun yang gemilang memerlukan insane yang bersemangat jitu, cecal, sabar, gigih dan cintakan Allah. Tegasnya, untuk menjadi insan yang cemerlang mestilah mengamalkan ibadat malam seperti solat sunat tahajjud.


- Sekiranya kita berjaya mengamalkannya secara iltizam, maka barulah kita mampu membina tamadun yang gilang-gemilang.

#### **PENGHAYATAN**

- Bermuhasabah diri sepanjang waktu.
- Berdisiplin dan mengamalkan sifat ikhlas.
- Khusyuk dan tawaduk kepada Allah.
- Berusaha menjadi umat yang dihormati di peringkat antarabangsa.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud solat sunat tahajjud dari segi istilah. (6m)
2. Senaraikan tiga hikmah mengerjakan solat sunat tahajjud. (6m)
3. Terangkan tiga perbezaan antara solat sunat tahajjud dengan solat hajat. (6m)
4. Ibadat solat sunat tahajjud boleh melahirkan murid yang ikhlas dan berdisiplin dalam kehidupan. Kemukakan pendapat anda tentang pernyataan ini. (2m)



## **IBADAT 5: PENGURUSAN JENAZAH SATU KEFARDUAN**

### **KEWAJIPAN TERHADAP JENAZAH**

1. Memandikan jenazah.
2. Mengafankan jenazah.
3. Menyembahyangkan jenazah.
4. Mengebumikan jenazah.

### **TINDAKAN AWAL KETIKA BERLAKU KEMATIAN**

1. *Menutup mata mayat.* Hendaklah juga ditutup mulut mayat dengan diikatkan

daripada bawah dagu sehingga kepalanya dengan kain yang bersih agar mulutnya tidak terbuka.

2. *Melembutkan sendi-sendi anggota mayat.* Semua sendi seperti jari, siku, lutut dan kaki dilembutkan agar mudah ketika dimandi dan dikafankan.
3. *Meletakkan sesuatu yang sederhana berat di atas perut mayat.* Ini bertujuan menjaga dan mengawasi perut mayat agar tidak menjadi kembung.
4. *Tubuh badan mayat hendaklah ditutup agar auratnya tidak terdedah.* Kemudian mayat diletakkan pada tempat yang sesuai seperti di atas katil dalam keadaan mengadap ke arah kiblat serta meletakkan kedua-dua tangannya di atas dada seperti dalam solat.

### **MEMANDIKAN JENAZAH**

#### **MAKSUD MEMANDIKAN JENAZAH**

- Perbuatan meratakan air ke seluruh anggota tubuh jenazah bertujuan menghilangkan najis serta mengangkat hadas.

#### **TUJUAN MEMANDIKAN JENAZAH**

- Supaya jenazah berada dalam keadaan suci dan bersih.

#### **KAIFIAT / CARA MEMANDIKAN JENAZAH**

1. Letakkan jenazah di tempat yang agak tinggi supaya memudahkan air mengalir.
2. Jenazah dihadapkan ke arah kiblat.
3. Aurat jenazah hendaklah sentiasa ditutup.
4. Muka jenazah ditutup semasa dijirus air ke atasnya.
5. Tekan perutnya perlahan-lahan agar najis dan kotoran keluar.
6. Sugikan gigi dan bersihkan lubang hidung serta telinga jenazah.
7. Bersihkan seluruh tubuh daripada najis dan benda yang menghalang air sampai ke kulit.



8. Siram seluruh tubuh. Gunakan air yang telah dicampurkan dengan daun bidara, kapur barus, dan sabun.
9. Berniat ketika memandikannya.  
(نوت الغسل الواجب لهذا الميت لله تعالى)  
Niatnya: Sahaja aku mandi wajib ke atas mayat ini kerana Allah Taala.
10. Jenazah hendaklah diwudukkan dengan sempurna.

#### HIKMAT MEMANDIKAN JENAZAH

1. Menunjukkan Islam mementingkan kebersihan.
2. Menghormati manusia sebagai makhluk yang dimuliakan oleh Allah.
3. Membolehkan jenazah disolatkan.  
(Solat jenazah tidak sah jika jenazah disolatkan sebelum dimandikan.)
4. Mengadap Allah dalam keadaan bersih dan suci.

#### MENGKAFANKAN JENAZAH

##### CARA-CARA MENGKAFANKAN JENAZAH

1. Kain kafan dihampar sehelai demi sehelai.
2. Setiap lapisan kain ditabur wangian seperti kapur barus kecuali yang meninggal dunia dalam keadaan ihram.
3. Kedua-dua tangan jenazah diletakkan di antara dada dan pusat seperti qiam dalam solat.
4. Kafankan jenazah dengan berhati-hati dan lemah lembut dengan menutup seluruh tubuhnya.

#### HIKMAH MENGKAFANKAN JENAZAH

1. Memelihara kemuliaan jenazah.
2. Menutup aib jenazah.
3. Memberi keinsafan bahawa manusia itu sama di sisi Allah kecuali orang yang bertakwa.

#### SOLAT JENAZAH

##### MAKSUD SOLAT JENAZAH

- Solat yang dilakukan oleh orang yang hidup kepada orang yang mati.

##### TUJUAN SOLAT JENAZAH

1. Memohon keampunan untuk jenazah.

2. Memohon keredaan dan rahmat Allah untuk jenazah.

#### SYARAT SAH SOLAT JENAZAH

1. Jenazah telah dimandikan.
2. Jenazah telah dikafankan.
3. Mengadap kiblat.
4. Jenazah berada di hadapan orang yang solat (kecuali solat ghaib)

#### RUKUN SOLAT JENAZAH

1. Niat
2. Berdiri bagi yang mampu.
3. Empat kali takbir.
4. Membaca surah al-Fatihah selepas takbir pertama.
5. Berselawat ke atas nabi selepas takbir yang kedua.
6. Mendoakan mayat selepas takbir yang ketiga.
7. Memberi salam selepas takbir yang keempat.

#### KAIFIAT / CARA SOLAT JENAZAH

##### 1. Niat semasa takbir pertama.

Lafaz niat jenazah lelaki:

أصلي على هذا الميت أربع تكبيرات

فرض الكفاية إماما / مأموما لله تعالى

Lafaz niat jenazah perempuan:

أصلي على هذه الميتة أربع تكبيرات

فرض الكفاية إماما / مأموما لله تعالى

Maksudnya: Sahaja aku menunaikan solat ke atas mayat ini 4 takbir fardu kifayah menjadi imam / makmum kerana Allah Taala.

2. Membaca surah al-Fatihah selepas takbir pertama.

3. Takbir kedua dan membaca selawat ke atas nabi.

Contoh selawat ialah:

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما

صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم

وبارك على محمد وعلى آل محمد كما

باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم

في العالمين, إنك حميد مجيد.

4. Takbir yang **ketiga** dan berdoa untuk si mati.

Contoh doa ialah:

اللهم اغفر له وارحمه وعافه واعف عنه,  
وأكرم نزله ووسع مدخله, واغسله بالماء  
والتلج والبرد, ونقه من الخطايا كما ينقى  
الثوب الأبيض من الدنس, وأبدل له دارا  
خيرا من داره وأهلا خيرا من أهله وزوجا  
خيرا من زوجته, وأخله الجنة وقه فتنة القبر  
وعذاب النار.

5. Takbir yang **keempat**.

Bacaan selepas takbir yang keempat ialah:

اللهم لا تحرمنا أجره ولا تفتنا بعده  
واغفر لنا وله

6. Memberi salam ke kanan dan ke kiri.

#### HIKMAH SOLAT JENAZAH

- Memberikan penghormatan dan kasih sayang kepada simati.
- Menimbulkan keinsafan bahawa setiap yang hidup pasti akan mati.

- Memohon rahmat Allah untuk si mati.
- Mengeratkan silaturrahim dengan keluarga si mati.

#### MENGEBUMIKAN JENAZAH

##### TUJUAN MENGEBUMIKAN JENAZAH

- Menjaga keselamatan jenazah.
- Menjaga maruah dan kehormatan jenazah.

##### KAIFIAH / CARA MENGEBUMIKAN JENAZAH


1. Menggali kubur dengan kedalaman yang sesuai supaya tidak berbau dan tidak boleh dikorek oleh binatang buas.
2. Jenazah dimasukkan ke dalam liang lahad.
3. Jenazah diletakkan dalam mengiring di atas rusuk kanan mengadap ke arah kiblat.
4. Meninggikan tanah kubur sekadar sejengkal.

##### HIKMAH MENGEBUMIKAN JENAZAH

1. Agar tidak dimakan oleh binatang buas.
2. Supaya tidak berbau.
3. Memuliakan jenazah.

##### PENILAIAN

1. Nyatakan hukum menguruskan jenazah. (2m)
2. Terangkan cara mengafankan jenazah. (4m)
3. Jelaskan tiga hikmah memandikan jenazah. (6m)
4. Jelaskan kedudukan imam ketika hendak menyembahyangkan jenazah. (4m)
5. Terangkan syarat-syarat sah solat jenazah. (4m)
6. Nyatakan rukun-rukun solat jenazah. (6m)
7. Senaraikan dua hikmah solat jenazah. (4m)
8. Jelaskan kaifiat mengkebumikan jenazah. (4m)
9. Terangkan hikmah jenazah dikebumikan. (4m)
10. Nyatakan tindakan anda sekiranya jiran anda meninggal dunia. (4m)



#### IBADAT 6: ZAKAT HARTA

## KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT HARTA

- Kewajipan menunaikan zakat harta merupakan satu peraturan yang menjamin keadilan sosial dalam Islam.
- Islam mewajibkan setiap umatnya yang memiliki harta dan cukup syarat-syaratnya supaya mengeluarkan zakat.
- Orang Islam yang sengaja tidak mengeluarkan zakat adalah berdosa besar.
- Orang Islam yang menolak hukum kefarduan mengeluarkan zakat harta dihukum murtad.

### GALERI ILMU

Tahukah anda bahawa pada zaman Saidina abu Bakar As-Siddik terdapat segolongan umat Islam yang tidak mahu mengeluarkan zakat. Beliau telah bertindak tegas dengan memerangi mereka. Tujuan beliau adalah untuk mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar di samping memelihara kepentingan umat. Ini membuktikan bahawa mengeluarkan zakat adalah tanggungjawab yang amat penting.

### SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT HARTA BENDA

1. Islam: Harta yang dimiliki oleh orang Islam.
2. Merdeka: Golongan hamba tidak wajib mengeluarkan zakat.
3. Cukup Nisab: Cukup sukatan.
4. Genap Haul: Genap tempoh satu tahun hijrah.
5. Sempurna Milik: Berkuasa penuh ke atas harta tersebut.

### JENIS-JENIS HARTA YANG DIWAJIBKAN ZAKAT

1. Binatang ternakan
2. Hasil pertanian.
3. Emas, perak, dan mata wang.
4. Perniagaan
5. Harta rikaz dan galian

#### 1. Binatang Ternakan

► Binatang ternakan yang diwajibkan zakat ialah:

- Kambing dan biri-biri
- Lembu dan kerbau
- Unta

► Syarat khas wajib zakat binatang ternakan ialah;

- Tidak digunakan untk bekerja seperti membajak sawah atau mengangkut barang.
- Dipelihara di padang rumput yang bebas seperti di tanah rizab kerajaan atau di padang rumput yang disewa dengan bayaran yang murah.

► Kadar zakat binatang ternakan adalah seperti berikut:

- Kambing biri-biri (Permulaan Nisab: **40 ekor**)

Nisab (ekor)	Zakatnya	Umur
40 – 120	1 ekor kambing betina	1 tahun +
121 – 200	2 ekor kambing betina	1 tahun +
201- 300	3 ekor kambing betina	1 tahun +
301 – 400	4 ekor kambing betina	1 tahun +
Tambahan 100	Tambah 1 ekor kambing betina	1 tahun +

- Lembu dan Kerbau (Permulaan Nisab: **30 ekor**)

Nisab (ekor)	Zakatnya	Umur
30 - 39	1 ekor lembu jantan	1 tahun +
40 – 59	1 ekor lembu betina	2 tahun +
60 – 69	2 ekor lembu jantan	1 tahun +
70 – 79	1 ekor lembu jantan dan 1 ekor lembu betina	2 tahun +
80 – 89	2 ekor lembu betina	2 tahun +
90- 99	3 ekor lembu jantan	1 tahun +
100 – 109	2 ekor lembu jantan dan 1 ekor lembu betina	2 tahun +
110 – 119	2 ekor lembu betina dan 1 ekor lembu jantan	1 tahun +
120	3 ekor lembu betina atau 4 ekor lembu jantan	2 tahun +
Tambahan 30	1 ekor lembu jantan	1 tahun +
Tambahan 40	1 ekor lembu betina	1 tahun +

- Unta (Permulaan Nisab : **5 ekor**)

Nisab (ekor)	Zakatnya	Umur
--------------	----------	------

5 – 9	1 ekor kambing atau biri-biri	1 tahun +
10 – 14	2 ekor kambing atau biri-biri	1 tahun +
15 – 19	3 ekor kambing atau biri-biri	1 tahun +
20 – 24	4 ekor kambing atau biri-biri	1 tahun +
25 – 35	1 ekor unta betina	1 tahun +
36 – 45	1 ekor unta betina	2 tahun +
46 – 60	1 ekor unta betina	3 tahun +
61 – 75	1 ekor unta betina	4 tahun +
76 – 90	2 ekor unta betina	2 tahun +
91 – 120	2 ekor unta betina	3 tahun +
Tambahan 40	1 ekor unta betina	2 tahun +
Tambahan 50	1 ekor unta betina	3 tahun +

## 2. Hasil Pertanian

► Hasil pertanian yang diwajibkan zakat ialah: Bijirin dan buah-buahan seperti: Padi - Gandum - Barli - Jagung - Kurma - Anggur

► Syarat-syarat khas zakat pertanian ialah:

- Cukup nisab iaitu sebanyak 5 ausuk bersamaan 1000 kg. Bagi padi, nisabnya 363 gantang bersamaan 1300 kg.
- Bijirin dan buah-buahan yang diusahakan oleh manusia bukannya tumbuh sendiri.
- Bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan asasi sesebuah Negara.
- Tahan disimpan lama.

► Zakat pertanian wajib dikeluarkan setelah bijirin tersebut selesai dituai atau dipetik (tidak disyaratkan haul genap setahun)

Kadar zakat pertanian adalah seperti berikut:

- Tanaman yang pengairannya menggunakan tenaga dan perbelanjaan kadar zakatnya 5% atau 1/20.
- Tanaman yang pengairannya tidak menggunakan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan perbelanjaan yang tinggi kadar zakatnya 10 % atau 1/10.

### GALERI ILMU

Ketahui bahawa tanaman pertanian yang diusahakan secara komersial tidak lagi dikira sebagai zakat pertanian, sebaliknya diasaskan kepada zakat perniagaan iaitu hasil ditolak

perbelanjaan. Keuntungan yang diperolehi dikenakan zakat pada kadar 2.5 %. Subsidi dikenakan zakat pendapatan.

## 3. Emas, Perak, Dan Mata Wang

► Emas dan perak dalam sebarang bentuk wajib dikeluarkan zakat apabila memenuhi syarat-syaratnya.

► Syarat-syarat khas wajib zakat emas dan perak ialah:

- Cukup nisab. Nisab emas ialah 20 miskal atau 85 gram. Nisab perak ialah 200 dirham atau 594 gram.
- Tidak dijadikan perhiasan wanita, tetapi jika dijadikan perhiasan dan melebihi uruf (kebiasaan setempat) wajib dikeluarkan zakat.

► Emas dan perak wajib dikeluarkan zakat apabila genap nisab dengan kadar 2.5 % atau 1/40.

► Cara mengeluarkan zakat wang adalah apabila mata wang itu cukup nisab. Nisabnya ialah 20 miskal atau 85 gram. Kadar zakatnya ialah 2.5%.

### GALERI ILMU

Contoh pengiraan zakat emas dalam ringgit adalah seperti berikut:

20 miskal = 85 gram

RM 42.52 = 1 gram (Harga emas pada 5/10/2003)

Nisab: 85 gram x 42.52 = RM 3614.20

Kadar wajib zakat: RM 3614.20 x 2.5 % =

**RM 90.35**

## 4. Perniagaan

► Zakat perniagaan wajib kepada semua peniaga Islam. Perniagaan ialah semua barang yang halal dibeli dengan niat diperniagakan seperti perniagaan runcit, kenderaan, perabot, dan hartanah.

► Syarat-syarat khas wajib zakat perniagaan ialah:

Niat menjalankan perniagaan. Harta yang diperolehi dengan niat diperniagakan ialah harta perniagaan yang wajib zakat.

- Cukup nisab pada tarikh akhir haul (sama ada untung atau rugi) iaitu 20 miskal atau 85 gram dinilai mengikut harga emas semasa. Kadar zakatnya ialah 2.5 %.

► Cara pengiraan mengeluarkan zakat perniagaan adalah seperti contoh berikut:

A. Nilai harta perniagaan di tangan	
Stok (barang siap yang diperniagakan)	RM 20,000
Hutang pelanggan (yang boleh didapati kembali)	RM 3,000
Wang tunai di bank	RM 18,000
Wang tunai di tangan	RM 7,800
<b>JUMLAH HARTA PERNIAGAAN</b>	<b>RM 49,400</b>
B. Nilai hutang perniagaan yang dibenarkan	
Hutang kepada pembekal	RM 900
Hutang-hutang lain (Kos kendalian sahaja)	RM 3000
<b>JUMLAH HUTANG PERNIAGAAN</b>	<b>RM 3,900</b>
C. Harta perniagaan bersih (A – B)	
	RM 45,500
+ ambilan tunai untuk kegunaan sendiri	RM 8,000
D. Harta perniagaan yang dikenakan zakat	
	RM 53,500
E. Jumlah zakat 2.5 % jika D melebihi nisab	
	<b>RM 1337.50</b>

### 5. Harta Rikaz Dan Galian

► Rikaz ialah harta yang dijumpai tertanam di dalam tanah. Jika seseorang menjumpainya, wajib dikeluarkan zakat serta merta sebanyak 20 % atau 1/5 apabila cukup nisab.

► Emas dan perak yang dilombong, zakatnya wajib dikeluarkan ketika itu juga sebanyak 2.5 % apabila cukup nisab.

### **HIKMAH MENGELUARKAN ZAKAT HARTA**

1. Dapat beribadat kepada Allah dengan harta kekayaan.
2. Membuktikan kesyukuran terhadap nikmat anugerah Allah.
3. Menyucikan diri daripada sifat bakhil, hasad dengki, dan terlalu sayang kepada harta.
4. Membentuk sifat pemurah, prihatin dan suka menghulurkan pertolongan.
5. Membersihkan harta dan mengurangkan jurang perbezaan kekayaan dalam masyarakat.
6. Mengurangkan berlakunya jenayah dalam masyarakat seperti mencuri.
7. Mengeratkan hubungan silaturrahim antara orang kaya dengan orang miskin.
8. Dapat melaksanakan usaha-usaha kebajikan seperti dalam bidang pendidikan dan kesihatan.
9. Menyumbang ke arah pembangunan ekonomi umat Islam.

10. Dapat mempergiatkan aktiviti-aktiviti dakwah Islam.

### **ASNAF YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT**

#### 1. FAKIR

- Orang yang tidak mempunyai harta dan pendapatan. Orang yang mempunyai harta dan pendapatan tetapi tidak dapat memenuhi separuh keperluannya yang wajib menurut keadaan yang munasabah walaupun mempunyai rumah kediaman juga dikira fakir. Contohnya seseorang yang memerlukan RM 10 sehari tetapi hanya memperoleh sekitar RM 1 hingga RM 4 sahaja.

#### 2. MISKIN

- Orang yang mempunyai harta dan pendapatan yang mencukupi sekadar separuh daripada keperluannya yang wajib menurut keadaan yang munasabah walaupun mempunyai rumah kediaman. Contohnya seseorang yang memerlukan RM 10 sehari, tetapi memperoleh sekitar RM 5 hingga RM 8 sahaja.

#### 3. AMIL

- Orang yang diberi kuasa untuk mengumpul dan mengagihkan zakat.

#### 4. MUALLAF

- Orang yang dilembutkan hatinya atau orang yang diharapkan kecenderungan hatinya kepada Islam atau yang telah memeluk agama Islam tetapi masih lemah imannya.

#### 5. HAMBAA

- Hamba yang diberi peluang oleh tuannya menebus diri untuk dimerdekakan.

#### 6. AL-GHARIMIN

- Orang yang berhutang untuk keperluan asasi diri dan keluarga di bawah tanggungannya atau untuk kebajikan orang ramadhan tidak mampu membayarnya.

#### 7. FI SABILILLAH

- Orang yang berjuang menegakkan syiar agama Islam dan yang menjalankan kegiatan dakwah Islam.

8. IBNU SABIL
  - Orang musafir yang terputus perbelanjaan.

#### HIKMAH ALLAH MENETAPKAN ASNAF

1. Membantu orang fakir dan miskin meneruskan kehidupan dengan sempurna dan meningkatkan taraf hidup mereka.
2. Menghargai sumbangan tenaga para amil yang bekerja secara sukarela.
3. Untuk menarik orang yang baru memeluk agama Islam supaya berusaha mendalami agama Islam untuk menjadi muslim sejati.
4. Supaya hamba beroleh kemerdekaan dengan segera.
5. Untuk memberi peluang orang berhutang bebas daripada belenggu hutang.
6. Untuk membantu orang yang musafir dalam perjalanan di samping menghindarkan mereka daripada sikap mengemis.

#### PERANAN INSTITUSI PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

- Pengurusan zakat di Malaysia berada di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri.
- Majlis Agama Islam Negeri telah menubuhkan pusat urusan zakat untuk tujuan menguruskan kutipan zakat fitrah dan zakat harta.
- **Antara peranan Pusat Urusan Zakat ini ialah:**
  1. Memungut, mengumpul, dan meningkatkan kutipan zakat negeri.
  2. Memudahkan umat Islam mengeluarkan zakat dengan memperkenalkan cara yang sistematik menerusi operasi berkomputer.
  3. Membuat agihan zakat kepada asnaf yang lapan dengan berkesan dan adil.
  4. Memberi penerangan keutamaan mengeluarkan zakat kepada masyarakat dengan pelbagai kaedah komunikasi dan perhubungan awam.

#### TAMADUN

Kewajipan mengeluarkan zakat harta menunjukkan bahawa Islam menganjurkan umatnya berusaha memantapkan ekonomi.

Apabila ekonomi mantap, maka mereka mampu menunaikan ibadat dengan lebih selesa. Kita hendaklah bersungguh-sungguh berusaha mencari harta secara halal dengan tujuan beribadat kepada Allah s.w.t. bukan semata-mata mengejar kebendaan. Umat yang mantap ekonomi akan dihormati dan dimuliakan.

Di samping itu, pelaksanaan zakat harta akan mewujudkan keadilan sosial. Orang miskin terbelas dan orang kaya terpelihara. Kemantapan ekonomi dan kestabilan sosial ini merupakan asas utama kepada kemajuan sesebuah Negara.

#### PENGHAYATAN

1. Mensyukuri nikmat Allah s.w.t.
2. Melatih diri bersifat pemurah dan penyayang.
3. Sanggup berkorban untuk kepentingan agama dan umat Islam.

#### PERBEZAAN ANTARA ZAKAT, SEDEKAH DAN CUKAI


Perkara	Zakat Harta	Sedekah	Cukai
<b>Pengertian</b>	Dari segi bahasa bermaksud bersih, suci, memperbaiki, subur dan bertambah. Dari segi syarak pula bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada tertentu bertujuan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya.	Bantuan kepada orang fakir dan miskin dalam bentuk harta atau perkhidmatan .	Bayaran yang dikenakan oleh kerajaan kepada individu bekerja, syarikat dan perbadanan untuk perbelanjaan negara.
<b>Hukum</b>	Wajib	Sunat	Tanggungjawab di sisi undang-undang
<b>Masa</b>	Sekali dalam setahun	Bila-bila masa	Sekali dalam tahun masihi
<b>Jenis Harta</b>	Jenis harta yang ditentukan syarak.	Sebarang harta yang halal	Harta atau pendapatan
<b>Kadar</b>	Mengikut kadar yang ditetapkan syarak	Mengikut kemampuan	Mengikut kadar yang ditetapkan kerajaan
<b>Penggunaan</b>	Asnaf	Terbuka	Semua rakyat
<b>Taraf</b>	Kekal	Pilihan	Berubah berdasarkan keperluan sesebuah kerajaan.

#### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian zakat dari segi bahasa dan syarak. (3m)
2. Senaraikan syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat harta.

3. Nyatakan **tiga** jenis harta yang diwajibkan zakat berserta contohnya.
4. Nyatakan permulaan nisab zakat binatang ternakan di bawah:
  - i. Kambing dan biri-biri.
  - ii. Lembu dan kerbau.
  - iii. Unta
5. Terangkan **dua** syarat khas wajib zakat binatang ternakan yang anda tahu.
6. Jelaskan **tiga** golongan yang berhak menerima zakat.
7. Terangkan **dua** hikmah diwajibkan zakat kepada penerimanya.
8. Jelaskan **tiga** peranan Pusat Urusan Zakat di negeri-negeri di Malaysia.

## SIRAH



### UNIT 1: SAIDATINA FATIMAH AZ-ZAHRA' PUTERI RASULULLAH

(PMR 2006)

#### BIODATA SAIDATINA FATIMAH AZ-ZAHRA'

- Nama : Fatimah binti Muhammad Rasulullah (*Puteri bongsu Rasulullah*)
- Keturunan: Quraisy
- Tarikh Lahir: 20 Jamadil Akhir (*5 tahun sebelum Rasulullah menerima wahyu*)
- Tempat Lahir : Mekah al-Mukarramah.
- Gelaran : Az-Zahra' (*Putih berseri*)
- Nama Suami : Ali bin Abi Talib.
- Nama Anak : Hassan, Hussain dan Zainab.
- Tarikh Wafat : 4 Jamadil Awal 11 Hijrah (*6 bulan selepas kewafatan Rasulullah*)
- Umur Ketika Wafat : 28 tahun.
- Tempat Dimakamkan : Al-Baqi' di Madinah al-Munawwarah.

#### SIFAT MULIA SAIDATINA FATIMAH AZ-ZAHRA'

##### 1. Sabar menghadapi musibah kematian keluarga.

1. Bersabar menghadapi kematian ibunya Saidatina Khadijah, kakaknya Ruqayyah, Zainab dan Umi Kalsum.
2. Mengambil tempat ibunya menjaga Rasulullah.
3. Bersabar atas kematian ayahandanya Rasulullah (orang yang paling disayanginya)

##### 2. Mentaati ayahandanya.

1. Menjaga ayahandanya selepas kematian ibunya.
2. Menjaga makan minum dan pakaian ayahandanya seperti ibunya sehingga mendapat panggilan timangan oleh Rasulullah dengan (Ummu Abiha) yang bermaksud (ibu kepada ayahnya).
3. Tidak berkahwin sehingga ayahandanya berkahwin dengan Saidatina Aisyah.
4. Walaupun mas kahwin yang diberikan tidak mahal, beliau mentaati keputusan ayahandanya.

##### 3. Reda menghadapi kesusahan.

2. Walaupun sering kekurangan makanan, beliau tetap menghadapinya dengan reda.

##### 4. Taat kepada suami.

1. Setia kepada suaminya sejak awal perkahwinan walaupun menerima mas kahwin yang rendah.
2. Menjaga maruah sebagai seorang isteri dan tidak pernah keluar rumah tanpa mendapat keizinan suaminya.
3. Membantu suaminya melakukan kerja-kerja harian seperti menumbuk gandum, menguli tepung dan membakar roti.
4. Beliau tidak pernah ingkar suruhan suaminya.
5. Sentiasa menyokong perjuangan suaminya menjalankan dakwah bersama-sama Rasulullah.

##### 5. Berjaya mendidik anak-anaknya.

1. Hassan, Hussain dan Zainab tidak pernah membantah dan menderhaka kepada Saidatina Fatimah dan Saidina Ali.
2. Hassan dan Hussain dipilih oleh Allah menjadi " سيدا شبا اهل الجنة " iaitu ketua pemuda ahli syurga.

- Anak perempuannya iaitu Saidatina Zainab mengadakan majlis pengajian khusus untuk wanita menjadi seorang pejuang bersama Saidatina Hussain di Karbala' dan merupakan ahli sasterawan Islam pada zamannya.
- Ramai keturunan beliau menjadi ulamak dan tokoh ilmuan Islam hingga akhir zaman.

**6. Tidak berbangga walaupun anak Rasulullah.**

- Tidak tamak menggunakan harta baitul-mal untuk kepentingan peribadi.
- Tidak mengambil kesempatan mendesak Rasulullah memberi khadam (orang suruhan) kepadanya walaupun hidupnya susah.
- Sanggup menerima tetamu walaupun dari kalangan anak yatim, orang miskin dan tawanan perang (beliau dan suaminya sanggup menahan lapar kerana menghidangkan makanan kepada tetamu)

**7. Bertanggungjawab semasa ayahandanya sakit.**

- Sentiasa berada di samping Rasulullah ketika baginda sakit.
- Amat mengambil berat dengan merawat dan menjaga makan minum baginda.
- Ketika berumur 10 tahun, beliau membersihkan kepala dan belakang Rasulullah yang berlumuran najis kerana dilontar oleh musyrikin Quraisy ketika baginda sedang sujud berdekatan Kaabah.

**SUMBANGAN SAIDATINA FATIMAH AZ-ZAHRA'**

- Menjadi pendorong dan motivasi kepada Rasulullah ketika baginda menerima tekanan dan tentangan musyrikin Quraisy.
- Sentiasa memberi bantuan semasa Rasulullah menjalankan dakwah.
- Membantu suaminya Saidina Ali bin Abu Talib menyampaikan dakwah dan membuat persiapan untuk memasuki medan perang.
- Bersama-sama dengan wanita Islam memberi rawatan kepada tentera Islam yang cedera dalam peperangan Uhud.

- Menyediakan makanan untuk wanita Islam yang menggali parit dalam peperangan Khandaq.

**FAEDAH MENCONTOHI PERIBADI SAIDATINA FATIMAH (PMR 2006)**

Sifat Peribadi	Faedah Mencontohi
Anak yang solehah	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mendapat keredaan Allah.</li> <li>○ Mendapat restu daripada ibu bapa.</li> <li>○ Kehidupan diberkati Allah.</li> <li>○ Maruah ibu bapa terpelihara.</li> <li>○ Kehidupan ibu bapa semasa tua terjamin.</li> </ul>
Isteri yang taat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Rumah tangga aman dan bahagia.</li> <li>○ Menjadi motivasi dalam kerjaya suami.</li> <li>○ Menjadi contoh kepada masyarakat.</li> <li>○ Mendapat rahmat &amp; kasih sayang Allah.</li> <li>○ Disegani dan dihormati oleh masyarakat.</li> </ul>
Ibu yang penyayang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Anak mendapat kasih sayang sempurna.</li> <li>○ Memberi pendidikan yang lengkap dan sempurna kepada anak-anak.</li> <li>○ Melahirkan anak-anak soleh yang menjadi pemimpin masyarakat &amp; negara.</li> <li>○ Anak akan memberi syafaat pada hari akhirat atas pendidikan yang diberikan</li> </ul>

**TAMADUN**


Wanita Islam bersama-sama dengan kaum lelaki dalam memainkan peranan memartabatkan Negara Islam. Wanita yang berakhlak mulia dapat melahirkan generasi yang berakhlak tinggi dan mempunyai semangat pengorbanan yang hebat. Tangan yang menghayun buaian dapat melahirkan generasi yang menggoncang dunia.

**PENILAIAN**

- Nyatakan biodata Saidatina Fatimah Az-Zahra secara ringkas. (4m)
- Senaraikan empat sifat terpuji Saidatina Fatimah Az-Zahra. (4m)
- Jelaskan bagaimana Saidatina Fatimah Az-Zahra menjalani kehidupan dengan sabar dan reda. (4m)



4. Terangkan peranan Saidatina Fatimah Az-Zahra membantu perjuangan Rasulullah dalam peperangan Uhud dan Khandak. (4m)
5. Huraikan tiga faedah mencontohi peribadi Saidatina Fatimah sebagai seorang anak yang soleh. (6m)



## UNIT 2: SAIDATINA AISYAH ILMUAN WANITA TERUNGGUL

### BIODATA SAIDATINA AISYAH r.a

- Nama Penuh: Aisyah binti Abu Bakar As-Siddik.
- Gelaran : Al-Humaira'  
(Putih kemerah-merahan)
- Nama Bapa: Abu Bakar bin Abu Quhafah bin 'Amir.
- Nama Ibu : Ruman binti Umair bin 'Amir.
- Tarikh Lahir: 8 tahun sebelum hijrah, iaitu pada tahun 614 masihi.
- Tempat Lahir: Mekah al-Mukarramah.
- Nama Suami: Muhammad bin Abdullah (Rasulullah)
- Tarikh Perkahwinan: Bulan Syawal, tahun ke-10 kenabian.
- Tarikh Wafat: 17 Ramadhan tahun 58 hijrah.
- Umur Ketika Wafat: 67 tahun.
- Tempat Wafat: Madinah al-Munawwarah.
- Tempat Dimakamkan: Al-Baqi' di Madinah.

### SIFAT-SIFAT MULIA SAIDATINA AISYAH

#### 1. Bersungguh-sungguh menuntut ilmu.

- Sejak dari kanak-kanak lagi beliau menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan.

#### 2. Sabar, cekal dan tabah.

- Tidak pernah mengeluh walaupun menempuh pelbagai dugaan dan cabaran.

- Amat cekal dan tabah dalam menghadapi fitnah yang dilemparkan kepadanya dalam peristiwa Hadith al-Ifki (حديث الافك).

#### 3. Dermawan.

- Beliau sanggup menjual barang kepunyaannya semata-mata membantu orang lain.

#### 4. Taat dan patuh kepada ibu bapa dan suami.

#### 5. Tegas dan berani menegakkan kebenaran.

### KAMUS

حديث الافك (Hadis al-ifki): iaitu peristiwa Abdullah bin Ubai memfitnah Saidatina Aisyah berkhawat dengan Safwan bin Muattal As-Sulami. Surah an-Nur ayat 11-20 membersihkan nama Saidatina Aisyah daripada tuduhan tersebut.

### FAKTOR KEUNGGULAN JATI DIRI AISYAH

1. Keimanan dan akidah yang kukuh.
2. Mendampingi Rasulullah setelah menjadi isteri baginda.
3. Ilmu pengetahuan yang tinggi dan mendalam.
4. Mempunyai semangat jihad yang tinggi.
5. Memelihara maruah diri.

### SUMBANGAN SAIDATINA AISYAH

#### 1. Dalam bidang tafsir al-Quran

- Memperkaya bidang tafsir al-Quran.
- Sering dijadikan tempat rujukan bagi para sahabat.

#### 2. Dalam bidang hadis.

- Banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah. Beliau telah meriwayatkan tidak kurang daripada 1210 hadis.
- Menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang ramai.

#### 3. Dalam bidang kewanitaan.

- Memberi fatwa tentang agama terutamanya yang berkaitan dengan kewanitaan.
- Seorang pejuang Islam yang bersama-sama Rasulullah dalam beberapa peperangan menentang musuh.

## **GALERI ILMU**

Urwah pernah berkata: "Saya tidak pernah berjumpa seorang yang lebih alim tentang ilmu fekah dan puisi Arab selain daripada Saidatina Aisyah".

## **TAMADUN**

Perkembangan tamadun Islam dapat dihasilkan dengan baik sekiranya wanita kini mencontohi kecemerlangan yang ditunjukkan oleh Saidatina Aisyah sepanjang hayat beliau. Wanita bukan sahaja dapat memainkan peranan sebagai ibu, tetapi mereka juga sewajarnya dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan Negara dengan menceburkan diri dalam bidang-bidang yang sesuai seperti pendidikan dan perubatan.


## **IKTIBAR**

Murid hendaklah mencontohi Saidatina Aisyah dalam perkara-perkara berikut:

1. Keperibadian dan sifat-sifat mulia Saidatina Aisyah.
2. Mengasahi keluarga dan kawan-kawan dengan menjaga maruah diri.

## **PENILAIAN**

1. Tuliskan dengan ringkas riwayat hidup Saidatina Aisyah. (4m)
2. Nyatakan maksud gelaran Al-Humaira' bagi Saidatina Aisyah. (2m)
3. Jelaskan tiga sumbangan Saidatina Aisyah kepada Islam. (6m)
4. Bagaimanakah anda dapat mencontohi Saidatina Aisyah dalam memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran? (4m)
5. Huraikan peranan yang perlu dimainkan oleh wanita masa kini untuk membangunkan negara. (4m)



## **UNIT 3: SAIDINA KHALID BIN AL-WALID**

(PMR 2007)

### **BIODATA SAIDINA KHALID BIN AL-WALID**

Nama Penuh : Khalid bin al-Walid bin Al-Mughirah.

Keturunan : Bani Makhzum.  
Tarikh Lahir : 592 Masihi.  
Nama Bapa : Al- Walid bin Al-Mughirah bin Abdullah bin Umar bin Makhzum.  
Nama Ibu : Lubabah binti Al-Haris.  
Tempat Lahir: Mekah Al-Mukarramah. (PMR 2007)  
Tarikh Memeluk Islam: Bulan Safar tahun 8 Hijrah.  
Kerjaya : Panglima tentera.  
Tarikh Wafat : Tahun 21 Hijrah.  
Umur Ketika Wafat : 60 tahun.  
Tempat Dimakamkan : Hims (Syria)  
Gelaran : Saifullah (Pedang Allah) (PMR 2007)

### **SIFAT-SIFAT MULIA KHALID AL-WALID (PMR 2007)**

Sebelum memeluk Islam, Khalid telah menjadi tunggak kepada tentera-tentera musyrikin dalam menentang umat Islam seperti dalam peperangan Uhud. Namun, setelah memeluk Islam, beliau telah mempamerkan sifat-sifat terpuji yang dikenang sepanjang zaman. Antaranya:

#### **1. Berwawasan**

Saidina Khalid berwawasan dan bercita-cita tinggi ingin syahid di jalan Allah. Oleh itu beliau menyertai setiap peperangan agar mencapai cita-citanya. Walau bagaimanapun, beliau terselamat dalam semua peperangan yang disertainya. Sebelum meninggal dunia, Saidina Khalid berkata: "Aku telah menyertai 100 peperangan, setiap inci tubuhku ini dipenuhi dengan tikaman, namun sekarang aku akan mati di tempat tidur".

#### **2. Tegas**

Dalam peperangan Yarmuk, panglima Rome dengan angkuhnya merendah-rendahkan moral tentera Islam sambil berkata: "Sekiranya kamu mahu berundur akan aku berikan setiap seorang makanan, pakaian, dan wang 10 dinar". Khalid menjawab dengan tegas: "Kami tidak ke sini kerana kelaparan, tetapi kami datang ke sini kerana kami dahagakan darah kamu".

#### **3. Bertanggung jawab**

Dalam peperangan Yarmuk, Saidina Khalid sempat berdialog dengan seorang panglima Rome yang bernama George. Saidina Khalid menjalankan tanggungjawab sebagai muslim dengan mengajak George memeluk Islam. Akhirnya George memeluk Islam dan mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan Khalid. Beliau sempat belajar dengan Khalid cara

menunaikan solat. George gugur syahid selepas sempat menunaikan solat dua rekaat.

#### 4. Berani

Sifat berani yang ditunjukkan oleh Saidina Khalid menyebabkan Saidina Abu Bakar As-Siddik memilihnya memimpin tentera Islam dalam peperangan Yamamah. Beliau juga ditugaskan menghapuskan Musailamatul Kazzab yang mendakwa dirinya sebagai nabi.

### SUMBANGAN SAIDINA KHALID BIN AL-WALID

Sejak memeluk Islam pada tahun 8 hijrah, Saidina Khalid tidak henti-henti memimpin tentera Islam menghadapi musuh-musuh Islam yang ingin menghancurkan Islam. Antara sumbangan dan jasa Saidina Khalid ialah:

- Menjadi panglima tentera Islam menentang tentera Rome dalam peperangan Yarmuk di Jordan.
- Menjadi panglima perang tentera Islam dalam Fathu Makkah (Pembukaan Kota Mekah).
- Memimpin tentera Islam memerangi orang murtad dalam peperangan Yamamah di Yaman.
- Berjaya menggunakan strategi yang berkesan menewaskan tentera musuh yang berjumlah 200 000 orang dalam peperangan Mu'tah di Jordan, walaupun ketika itu tentera Islam hanya berjumlah 3000 orang sahaja.

Umat Islam sewajarnya mengambil iktibar daripada semangat juang, jihad dan patriotik Saidina Khalid bin Al- Walid dengan berusaha bersungguh-sungguh memartabatkan Islam dengan menggunakan ilmu, masa dan tenaga untuk Islam.

#### GALERI ILMU

Maksud ayat 111 surah at-Taubah:

*Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka.*

#### IKTIBAR

Murid-murid hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia Saidina Khalid bin Al-Walid seperti:


1. Bersemangat patriotik.
2. Sedia berjihad demi Islam.
3. Berwawasan dan cemerlang.

#### TAMADUN

Saidatina Khalid berjuang bersungguh-sungguh hasil daripada kecintaannya kepada Islam dan semangat patriotiknya kepada Negara Islam. Hasilnya, Islam telah dapat berkembang dengan pesat. Umat Islam hari ini perlu mencontohi Saidina Khalid bin Al-Walid dengan memiliki sifat-sifat mulia seperti berdaya saing, mempunyai semangat jihad, dan bersemangat patriotik. Untuk mencapai matlamat tersebut, seseorang murid hendaklah menyertai pasukan beruniform di sekolah di samping bersedia menganggotai Program Latihan Khidmat Negara.

#### PENILAIAN

1. Nyatakan biodata Saidina Khalid bin Al-Walid secara ringkas. (4m)
2. Senaraikan tiga sifat terpuji Saidina Khalid. (6m)
3. Huraikan tiga jasa Saidina Khalid dalam mengembangkan dakwah Islam. (6m)
4. Apakah yang akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak mempunyai semangat patriotik. (2m)
5. Bagaimanakah kamu dapat mencontohi Saidina Khalid bin Al-Walid dalam kehidupan? (4m)



## SIRAH : KEPIMPINAN RASULULLAH DI MADINAH UNIT 1 : PIAGAM MADINAH (PMR 2006)

#### MAKSUD PIAGAM MADINAH

- Perlembagaan yang ditulis dan dipersetujui bersama oleh semua golongan yang terdiri daripada orang Islam dan Yahudi yang menjadi warganegara Madinah di bawah pimpinan Rasulullah.
- Juga disebut sebagai Sahifah Al-Madinah yang diiktiraf sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia.
- Rasulullah menjadikan sahifah / piagam ini sebagai asas pembentukan sebuah Negara Islam.

#### PERISTIWA SEBELUM PENGGUBALAN PIAGAM MADINAH

##### 1. Perjanjian Aqabah Pertama

Apabila berita penyebaran Islam sampai ke Yathrib (Madinah), 12 orang delegasi dari Yathrib mengambil kesempatan untuk menemui

Rasulullah pada musim haji. Dalam pertemuan itu, mereka berjanji (berbai'ah) dengan Rasulullah. Mereka berjanji untuk meninggalkan perkara syirik, mencuri, berzina, membunuh anak, dan tidak melakukan penipuan serta akan mentaati perintah Rasulullah s.a.w.

## 2. Penerimaan Masyarakat Yathrib Terhadap Agama Islam

Rasulullah mengutus Mus'ab bin Umair untuk mengajar al-Quran di Yathrib. Mus'ab membaca al-Quran kepada penduduk Yathrib dan memberi penerangan yang jelas mengenai ajaran Islam dengan penuh amanah dan hikmah. Penduduk Arab Madinah yang terdiri daripada kabilah Aus dan Khazraj menerima dakwah yang disampaikan oleh Mus'ab dengan baik.

Faktor lain yang mendorong mereka menerima dakwah tersebut adalah kerana keperluan mereka kepada seorang pemimpin yang dapat menyatupadukan kedua-dua kabilah itu yang telah bersengketa selama 200 tahun. Akhirnya majoriti penduduk Arab Yathrib memeluk Islam.

## 3. Perjanjian Aqabah Kedua

Pada tahun berikutnya, Mus'ab membawa 73 orang lelaki dan 2 orang wanita Madinah. Mereka memberi bai'ah untuk memelihara dan mempertahankan Rasulullah s.a.w, berkrar taat setia pada masa senang dan susah, genting dan tenang, tidak akan berpecah, dan bercakap benar di mana sahaja.

## GALERI ILMU

Masyarakat majmuk Madinah terdiri daripada:

- Orang Islam (Muhajirin dan Ansar)
- Orang musyrikin Arab
- Orang Yahudi; kabilah yang termasyhur ialah
  - Bani Qainuqa'
  - Bani Nadhir
  - Bani Quraizah

## KANDUNGAN PIAGAM MADINAH

1. Mengakui muhajirin dan ansar sebagai satu umat yang bertanggungjawab terhadap Allah, Rasul dan umat Islam.
2. Mengakui kewujudan orang yahudi dalam kelompok masing-masing dan orang musyrikin di Madinah.
3. Setiap kaum mempunyai kebebasan beragama dan mengamalkan cara hidup masing-masing dalam suasana hidup bersama.

4. Orang Islam dan Yahudi mempunyai tanggungjawab terhadap keselamatan penduduk Madinah dan bertanggungjawab mempertahankan negara daripada serangan musuh luar.
5. Orang Yahudi dibenarkan hidup dengan cara mereka sendiri dalam suasana menghormati orang Islam. Namun begitu, mereka tidak dibenarkan melindungi harta dan jiwa musyrikin Quraisy.
6. Setiap individu dan kelompok bertanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan perpaduan di Madinah.
7. Setiap individu tidak boleh menyakiti, menzalimi dan memusuhi individu atau kaum lain. Mereka hendaklah saling tolong menolong untuk pembangunan, ekonomi, dan keselamatan masyarakat.
8. Setiap kelompok hendaklah merujuk kepada Rasulullah sebagai ketua Negara apabila berlaku perselisihan atau perbalahan
9. Mana-mana pihak dilarang mengadakan hubungan dengan pihak luar terutamanya dengan musyrikin Mekah dan sekutu mereka.
10. Piagam ini mempunyai kuasa melindungi semua pihak yang mempersetujuinya dan mempunyai hak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melanggarnya.

## ENAM ASAS PIAGAM MADINAH

1. Wahyu sebagai sumber perundangan Negara.
2. Nabi Muhammad sebagai Ketua Negara.
3. Kebebasan beragama.
4. Menjaga hubungan yang baik sesama anggota.
5. Menegak keadilan.
6. Memberi perlindungan kepada bukan Islam.

## KESAN PIAGAM MADINAH

- **POLITIK** (PMR 2006)
  1. Terbentuk Negara Islam pertama di dunia.
  2. Orang bukan Islam mengakui menjadi warga negara sebuah negara Islam yang membawa kepada kestabilan politik.

3. Semangat patriotik mempertahankan negara menyebabkan pertahanan negara lebih kukuh.

- **PENTADBIRAN**

1. Rasulullah diiktiraf sebagai Ketua Negara Islam pertama di dunia.
2. Penempatan masyarakat yang tersusun memudahkan perhubungan mereka dengan Rasulullah s.a.w.
3. Rasulullah memberi tumpuan mewujudkan hubungan dengan negara luar.

- **SOSIAL**

1. Perpaduan kaum dapat diwujudkan di Madinah Munawwarah di bawah satu pakatan.
2. Wujud kesatuan umat dan menghapuskan semangat kesukuan jahiliah.
3. Kemakmuran negara dapat dirasai bersama dalam suasana harmoni.

- **EKONOMI**

1. Perdagangan berjalan dengan lebih pesat kesan daripada hubungan kaum yang lebih baik.
2. Kemenangan dalam peperangan menambahkan harta rampasan perang dan harta baitul mal bertambah meningkat.
3. Bidang ternakan, pertanian, dan perusahaan semakin meningkat.

### HIKMAH DI SEBALIK PEMBENTUKAN PIAGAM MADINAH

1. Wujud peruntukan yang melindungi hak-hak individu.
2. Pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh.
3. Bukti Islam satu cara hidup yang lengkap.
4. Dakwah Islam berkembang pesat.
5. Keamanan dan keharmonian terjamin.

### GALERI ILMU

Islam adalah agama perpaduan. Ini dibuktikan dengan perpaduan yang berlaku dalam kalangan kabilah Aus dan Khazraj yang bersengketa dan berperang selama 200 tahun akibat diapi-apikan oleh orang Yahudi, akhirnya bersatu dan berkasih sayang atas nama Islam.


### KEPENTINGAN PERATURAN DALAM KEHIDUPAN

Tujuan peraturan dikuatkuasakan adalah untuk:

1. Memastikan wawasan kerajaan tercapai.
2. Menyusun kehidupan social seperti penempatan penduduk dan perancangan bandar supaya wujud kesejahteraan.
3. Melaksanakan setiap perancangan ekonomi.
4. Menjamin pembahagian kekayaan dengan saksama dan adil.
5. Menjalankan program pendidikan yang berkesan.

### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian Piagam Madinah. (2m)
2. Jelaskan latar belakang sebelum pengubalan Piagam Madinah. (6m)
3. Terangkan lima isi kandungan Piagam Madinah. (5m)
4. Huraikan kesan Piagam Madinah terhadap perkembangan Islam dan umatnya. (6m)
5. Apakah pandangan anda sekiranya rakyat tidak mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dalam sesebuah negara? (4m)



## UNIT 2: PERJANJIAN HUDAIBIAH

(PMR 2005)

### MAKSUD PERJANJIAN HUDAIBIAH

- ⊗ Perjanjian Hudaibiah ialah **perjanjian damai** yang membawa kepada **gencatan senjata** antara Rasulullah dengan musyrikin Quraisy.
- ⊗ Peristiwa bersejarah ini berlaku pada bulan Zulkaedah tahun **ke-6 Hijrah** di sebuah tempat bernama **Hudaibiah** yang terletak berdekatan Kota Mekah.
- ⊗ Perjanjian ini dinamakan Perjanjian Hudaibiah sempena nama tempat perjanjian tersebut dimeterai.
- ⊗ Setelah termeterainya perjanjian ini, Rasulullah s.a.w dan umat Islam telah mencapai kemenangan besar seperti yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. (Surah Al-Fath, ayat 27) yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah telah membuktikan kepada RasulNya mengenai kebenaran **mimpinya**, iaitu kamu pasti akan dapat memasuki Masjidil Haram, jika dikehendaki Allah dalam keadaan aman, dengan mencukur rambut kepala dan mengguntingnya, sedang kamu tidak berasa takut, maka Allah mengetahui apa-apa yang kamu tidak ketahui, lalu diberikannya sebelum itu kemenangan yang dekat.”*

Dalam ayat di atas, Allah telah menamakan Perjanjian Hudaibiah sebagai kemenangan yang dekat kerana perjanjian ini merupakan anak kunci kepada kejayaan yang lebih besar iaitu PEMBUKAAN KOTA MEKAH.

### PERISTIWA PERJANJIAN HUDAIBIAH

Sila iikuti **kronologi** (urutan peristiwa) yang berikut:

1. Rasulullah bermimpi menziarahi Kaabah bersama-sama para sahabat.
2. Rasulullah berangkat ke Kota Mekah bersama-sama para sahabat dianggarkan 1400 orang.
3. Apabila kaum kafir Quraisy mengetahui berita ini, mereka telah mengumpulkan tentera untuk memerangi dan menghalang rombongan Rasulullah s.a.w.
4. Rasulullah s.a.w. tetap meneruskan perjalanan sehingga sampai ke Hudaibiah.
5. Rasulullah s.a.w. telah dikunjungi **Budail bin Warqa Al-Khuza’i**. Baginda memaklumkan tujuan kedatangan umat Islam hanyalah untuk menunaikan umrah, bukannya berperang.
6. Budail bertolak ke Kota Mekah dan menyampaikan maklumat kepada kaum musyrikin.
7. Musyrikin Quraisy memilih Urwah bin Mas’ud sebagai wakil mereka untuk berunding dengan Rasulullah s.a.w. Apabila pulang, beliau telah menasihatkan kaum Quraisy agar menerima perdamaian yang ditawarkan.
8. Rasulullah juga telah mengutuskan **Saidina Usman bin Affan** untuk berunding dengan pihak Quraisy, tetapi beliau telah ditahan selama tiga hari sehingga tersebar berita kematiannya.
9. Rasulullah s.a.w. telah mengumpulkan para sahabat dan mengadakan Bai’ah

bagi menuntut bela kematian Saidina Usman dengan berikrar akan berperang sehingga ke titisan darah yang terakhir. Ikrar ini dinamakan ‘Bai’ah Ar-Ridwan’ atau ‘Bai’ah As-Syajahar’ kerana telah berlangsung di bawah sephohon pokok. Sebenarnya Saidina Usman tidak dibunuh dan beliau telah dibebaskan.

10. Pihak Quraisy menghantar pula **Suhail bin Amru** untuk berunding dengan Rasulullah.
11. Perjanjian damai Hudaibiah dimeterai antara Rasulullah dengan musyrikin Quraisy yang diwakili oleh Suhail bin Amru.

### PERSIAPAN RASULULLAH MENERJAKAN UMRAH

Bagi menjayakan misi ziarah ke Mekah, Rasulullah s.a.w. bersama para sahabat telah melakukan pelbagai persiapan. Antaranya ialah:

1. Memakai pakaian ihram di Zulhulaifah.
2. Membawa binatang ternakan.
3. Melantik pengawal keselamatan yang terdiri daripada penunggang kuda.
4. Berusaha mengelak peperangan dengan memilih penyelesaian secara diplomasi.
5. Rasulullah sentiasa bermesyuarat dengan para sahabat dalam membuat sesuatu keputusan ketika dalam perjalanan.
6. Umat Islam sentiasa bertalbiah di sepanjang perjalanan.
7. Mengelak laluan utama dengan mengambil laluan yang berliku-liku di celah-celah bukit.
8. Melantik Bistr bin Sufyan daripada kabilah Khuzaah sebagai perisik untuk meninjau reaksi musyrikin Quraisy terhadap kedatangan rombongan Rasulullah s.a.w.

### SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA PERJANJIAN HUDAIBIAH

1. Keputusan Rasulullah s.a.w. untuk mengerjakan umrah bersama-sama para sahabat.
2. Ketaatan dan kepatuhan para sahabat kepada kepimpinan Rasulullah s.a.w.

3. Kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. mengatur strategi menghadapi kaum musyrikin Quraisy.
4. Sikap toleransi Rasulullah dan para sahabat.
5. Sikap umat Islam yang cinta akan keamanan dan berusaha mengelakkan peperangan.

Berdasarkan sebab-sebab tersebut, terserlah kepada kita sikap sabar dan tabah Rasulullah dan para sahabat yang bersusah payah demi perjuangan agama Islam. Kita hendaklah mencontohi mereka terutamanya ketika menuntut ilmu. Di samping itu kita perlu bersikap rasional, tidak mengikut emosi secara melulu dan bijak membuat keputusan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Walaupun baginda amat rindu akan Baitullah, namun sebagai menghormati perjanjian yang dimeterai, baginda telah menangguhkan hasratnya menziarahi Baitullah kepada tahun berikutnya.

#### **ISI KANDUNGAN PERJANJIAN HUDAIBIAH (PMR 2005)**

1. Gencatan senjata selama 10 tahun. Kedua-dua pihak tidak boleh mencuri, menceroboh, mengkhianati dan mungkir janji.
2. Orang Islam tidak dibenarkan mengerjakan umrah pada tahun tersebut. Mereka dibenarkan mengerjakan umrah pada tahun berikutnya dan boleh membawa pedang yang tersarung serta berada di Mekah tidak melebihi 3 hari.
3. Kedua-dua pihak dibenarkan membuat perjanjian dengan pihak lain yang disukainya. Mana-mana kabilah boleh memilih sama ada hendak mengikat perjanjian dengan musyrikin Quraisy atau umat Islam. Contohnya kabilah Bani Khuzaah telah memilih untuk mengikat perjanjian dengan umat Islam, manakala Bani Bakr mengikat perjanjian dengan musyrikin Quraisy.
4. Orang Mekah yang datang ke Madinah tanpa kebenaran wali mereka walaupun telah memeluk Islam, hendaklah dihantar semula kepada pihak musyrikin Mekah. Sebaliknya orang

Madinah yang datang ke Mekah tidak akan dipulangkan semula kepada pihak Islam Madinah.

#### **HIKMAH PERJANJIAN HUDAIBIAH**

1. Terhindar daripada pertumpahan darah antara orang Islam dengan musyrikin Quraisy.
2. Perjanjian ini ialah faktor utama pembukaan Kota Mekah.
3. Orang Islam dan musyrikin Quraisy bebas berinteraksi antara satu sama lain.
4. Orang Islam bebas menyebarkan dakwah Islamiah.
5. Ramai kaum Quraisy telah memeluk Islam secara terang-terangan.

#### **TINDAKAN SUSULAN SELEPAS PERJANJIAN HUDAIBIAH**

1. Menghantar utusan ke negara-negara asing bagi tujuan menyeru raja-raja yang memeluk Islam.
2. Menghantar utusan kepada kabilah-kabilah sekitar Madinah yang dinamakan Sariyyah pada tahun ke-7 Hijrah.
3. Memantapkan kedudukan Negara Islam Madinah dan bersedia kembali semula ke Kota Mekah apabila mendapat peluang.

#### **GALERI ILMU**

♥ Selepas Perjanjian Hudaibiah Rasulullah s.a.w. telah mengirim surat kepada beberapa Negara dan Ketua Negara bagi menyeru mereka menerima Islam, antaranya:

☉ Najasyi – Raja Habsyah.

☉ Herculis – Raja Rome

☉ Kisra – Raja Parsi

♥ Rasulullah telah menulis surat dan membuat mohor khas iaitu sebetuk cincin perak berukir “**MUHAMMAD RASULULLAH**”

♥ Baginda menghantar 6 orang utusan yang boleh bertutur dalam bahasa negeri-negeri yang dikunjungnya.


#### **TAMADUN**

Dalam peristiwa Hudaibiah, peperangan antara umat Islam dan musyrikin Quraisy dapat dielakkan kerana Rasulullah dan para sahabat mengamalkan syura, mengutamakan penyelesaian secara diplomasi, dan mematuhi perjanjian. Oleh itu, umat Islam hendaklah

menghayati dan mengamalkan syura, mementingkan diplomasi serta mematuhi etika perjanjian dalam kehidupan seharian. Hanya dengan cara ini sahaja umat Islam akan dihormati dan mampu menghadapi cabaran dunia globalisasi.

#### PENILAIAN

1. Nyatakan **tiga** sebab dimeterai Perjanjian Hudaibiah. (6m)
2. Nyatakan maksud '*Bai'ah Ar-Ridwan*'. (2m)
3. Terangkan **tiga** isi kandungan Perjanjian Hudaibiah. (6m)
4. Senaraikan **dua** kesan Perjanjian Hudaibiah kepada umat Islam. (4m)
5. Nyatakan **tiga** tindakan susulan yang dilakukan oleh Rasulullah selepas Perjanjian Hudaibiah dimeterai. (6m)



## PEMBUKAAN KOTA MEKAH

### LATAR BELAKANG PEMBUKAAN KOTA MEKAH

Antara isi Perjanjian Hudaibiah ialah kabilah Arab bebas memberi kesetiaan sama ada kepada Negara Islam di bawah pimpinan Rasulullah atau musyrikin Quraisy di Mekah. Bani Bakr yang memberi kesetiaan kepada musyrikin Quraisy telah memohon bantuan mereka untuk memerangi Bani Khuzaah yang memberi kesetiaan kepada Rasulullah di Madinah. Pada suatu malam, Bani Bakr dengan bantuan musyrikin Quraisy telah menyerang perkampungan Bani Khuzaah dan membunuh 20 orang penduduk Khuzaah. Apabila berita peristiwa berdarah itu diketahui oleh Rasulullah, baginda amat marah atas pembunuhan dan pencabulan perjanjian yang dilakukan oleh kafir Quraisy tersebut. Rasulullah mengambil keputusan untuk menyusun strategi bagi menghadapi serangan musyrikin Mekah.

### PERISTIWA PEMBUKAAN KOTA MEKAH

1. Pembukaan Kota Mekah berlaku pada bulan Ramadan tahun ke-8 Hijrah .
2. Rasulullah menyusun strategi secara sulit bertujuan mengelakkan daripada berlaku pertumpahan darah.
3. Oleh itu, peristiwa ini dinamakan 'Fathu Makkah' yang bermaksud Pembukaan Kota Mekah.

Baginda bersabda pada hari yang bersejarah itu: " Hari ini hari belas kasihan (rahmah), hari ini Allah akan memuliakan Kaabah."

### STRATEGI RASULULLAH SEMASA PEMBUKAAN KOTA MEKAH

#### 1. Mengemukakan 3 tuntutan terhadap musyrikin Quraisy.

Baginda telah mengutus utusan Madinah mengemukakan tiga pilihan kepada musyrikin Quraisy, iaitu:

- Membayar **diat** (pampasan atau ganti rugi) kepada waris Bani Khuzaah yang terbunuh.
- Mengutuk perbuatan Bani Bakr membunuh orang Bani Khuzaah.
- Berperang dengan tentera Islam.

#### 2. Mendirikan khemah

Setelah menerima keputusan musyrikin Quraisy memilih berperang, Rasulullah mengarahkan 10 000 tentera Islam bersiap sedia dan berangkat ke Mekah. Dalam perjalanan, Rasulullah mengarahkan tentera Islam berhenti di Murru Az Zahran dan mendirikan khemah bagi tujuan bermalam di situ.

#### 3. Menyalakan Unggun Api

Pada waktu malam, Rasulullah memerintahkan tentera Islam menyalakan ungun api yang besar di khemah masing-masing. Perkara ini dilakukan sebagai strategi perang saraf untuk menimbulkan rasa gerun pihak musuh yang berada di Mekah. Abu Sufian bin Harb keluar untuk meninjau tentera Islam setelah melihat kehebatan mereka dari jauh. Di pertengahan jalan beliau berjumpa dengan Al-Abbas yang baru memeluk Islam. Al-Abbas membawa Abu Sufian bertemu Rasulullah. Abu Sufian dengan rela hati memeluk Islam di hadapan Rasulullah s.a.w.

#### 4. Tawaran Keselamatan

Pada pagi Hari Jumaat, 10 haribulan Ramadan tahun 8 hijrah, Rasulullah memasuki Kota



Mekah dengan penuh rasa tawaduk. Baginda menundukkan kepala sebagai menyatakan rasa syukur atas kemenangan yang dikurniakan oleh Allah.

Sebagai satu penghormatan kepada Abu Sufian -pemimpin Quraisy yang baru memeluk Islam, Rasulullah mengisytiharkan kepada penduduk Mekah bahawa “Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufian akan selamat, sesiapa yang memasuki Masjidil Haram akan selamat, dan sesiapa yang memasuki rumahnya sendiri akan selamat”. Pengisytiharan tersebut menggemparkan orang Quraisy dan menyebabkan mereka semakin hilang semangat untuk menentang Rasulullah s.a.w.

## **TINDAKAN RASULULLAH SELEPAS PEMBUKAAN KOTA MEKAH**

**1. Memusnahkan berhala di sekeliling Kaabah**  
Sebaik sahaja memasuki Kota Mekah, Rasulullah menuju ke Kaabah dan memusnahkan 360 buah berhala yang terdapat di sekitar Kaabah. Rasulullah menolak berhala dengan tongkat sehingga terjatuh dan hancur. Setelah itu Rasulullah mengarahkan beberapa orang sahabat meneruskan pemusnahan tersebut.

**2. Solat sunat di Makam Ibrahim.**  
Setelah Rasulullah melakukan tawaf di Kaabah, baginda menunaikan solat sunat sebanyak 8 rekaat di makam Ibrahim.

**3. Laungan azan Bilal bin Rabah**  
Rasulullah mengarahkan Bilal bin Rabah supaya melaungkan azan di atas bumbung kaabah. Laungan azan tersebut adalah azan pertama di bumi Mekah. Penduduk Mekah keluar beramai-ramai menuju ke kaabah dan mendengar ucapan Rasulullah s.a.w.

**4. Memberi ucapan pertama kepada penduduk Mekah.**  
Semasa Rasulullah memegang jenang pintu kaabah, baginda menyampaikan ucapan pertama kepada penduduk Mekah. Antara isi ucapan tersebut ialah:  
Maksudnya:” *Wahai orang Quraisy, sesungguhnya Allah mencabut dari kamu kesombongan jahiliah dan sikap mengagungkan keturunan. Semua orang berasal dari Adam, dan Adam berasal daripada tanah.*”  
Setelah itu Rasulullah membaca ayat 13 surah al-Hujurat yang penghujungnya bermaksud: “*Sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu ialah orang yang bertakwa.*”

## **5. Memberi pengampunan kepada musuh**

Rasulullah telah mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai kepada musyrikin Mekah yang pernah memusuhi baginda. Rasulullah menyatakan:

“ *Apakah yang kamu sangka aku lakukan terhadap kamu?*” Mereka menjawab:”*Kami bersangka baik terhadap tuan. Tuan orang mulia dan putera orang mulia.*” Lalu Rasulullah bersabda: “*Pergilah tuan-tuan pulang, saya bebaskan tuan-tuan semua.*”

## **FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH**

○ *Strategi Rasulullah.*  
Rasulullah mengatur strategi dengan bijak dan cekap sehingga melumpuhkan kekuatan kaum Quraisy.

○ *Semangat jihad umat Islam.*  
Semangat jihad umat Islam yang tinggi untuk membebaskan Kota Mekah daripada kekuasaan musyrikin.

○ *Penduduk Mekah tertarik dengan Islam.*  
Setelah melihat kekuatan dan perpaduan umat Islam Madinah al-Munawwarah, ramai kerabat mereka di Mekah yang memeluk Islam.

○ *Perpaduan umat Islam.*  
Persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam yang kukuh menjadikan mereka dapat menjalankan strategi Rasulullah dengan baik.

○ *Pembesar Quraisy memeluk Islam.*  
Ramai pembesar dan panglima Quraisy memeluk Islam yang menyebabkan kekuatan musyrikin Quraisy semakin lemah. Antara mereka ialah Abu Sufian, Al-Abbas, Khalid bin Al-Walid dan amru bin Al-“As.

○ *Tentera musyrikin bertambah lemah.*  
Ramai pembesar dan panglima tentera Quraisy terkorban dalam peperangan dengan umat Islam. Antara mereka ialah Abu Jahal dan Utbah bin Rabi’ah yang terbunuh dalam peperangan Badar.

## **KESAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH**

1. Tanah haram Mekah menjadi kawasan larangan kepada orang bukan Islam.

2. Dakwah Islam berkembang pesat sehingga tersebar luar di luar Semenanjung Tanah Arab.
3. Masyarakat Mekah hidup aman damai dan bekerjasama.
4. Penduduk Mekah memeluk Islam beramai-ramai.

### GALERI ILMU

Panglima tentera Islam yang membantu Rasulullah semasa pembukaan Kota Mekah ialah:

- ☉ Saidina Ali bin Abu Talib.
- ☉ Saidina Saad bin Ubadah
- ☉ Saidina Az-Zubair bin Al-Awwam
- ☉ Saidina Khalid bin Al-Walid


### TAMADUN

Kemenangan dan kejayaan umat Islam bukan hanya terletak kepada kekuatan fizikal. Perancangan strategi untuk tujuan mencapai visi dan misi, ketaatan dan kesediaan berkorban demi kepentingan umat dan Negara Islam serta perpaduan menjadi faktor pendorong kepada kemajuan sesebuah negara maju yang berdaya saing.

### PENILAIAN

1. Jelaskan peristiwa yang mencetuskan Pembukaan Kota Mekah. (4m)
2. Nyatakan **tiga** strategi Rasulullah untuk memasuki Kota Mekah. (6m)
3. Terangkan **tiga** langkah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. selepas pembukaan Kota Mekah. (6m)
4. Jelaskan **tiga** faktor kejayaan Rasulullah s.a.w. membuka Kota Mekah. (6m)
5. Terangkan **dua** kesan positif Pembukaan Kota Mekah terhadap perkembangan Islam. (4m)

# ADAB DAN AKHLAK ISLAMIAH



## UNIT 1: ADAB MENERIMA DAN MELAYAN TETAMU

### MAKSUD TETAMU

Tetamu ialah orang yang berkunjung atau menziarahi orang lain sama ada dijemput atau tidak dijemput.

### KONSEP MELAYAN TETAMU

Menerima dan melayan tetamu merupakan sikap dan amalan yang amat digalakkan dalam Islam. Kemuliaan dan keimanan seseorang dapat dilihat melalui cara menerima dan melayan tetamu.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaklah memuliakan tetamu dengan memberi layanan kepadanya.”* Sahabat bertanya: *“Apakah layanan itu wahai Rasulullah?”* Rasulullah menjawab: *“Layanan istimewa selama sehari semalam, dan tempoh layanan sebagai tetamu hendaklah dalam masa 3 hari, layanan yang diberikan selepas tempoh itu dikira sebagai satu sedekah.”*

### ADAB TERHADAP TETAMU

- ☉ Memberikan layanan yang baik.
  - Menyambut tetamu di muka pintu atau halaman rumah
  - Menjawab salam dan berjabat tangan
  - Mempersilakan tetamu masuk ke dalam rumah dengan mesra
  - Menyediakan tempat duduk yang selesa dan bersih

- ☉ Bersifat ikhlas dan berlapang dada.
  - Berlapang dada dan gembira dengan kedatangan mereka.
  - Tidak merasa kedatangan mereka mengganggu aktiviti harian atau kehidupan kita.
- ☉ Menunjukkan muka yang manis.
  - Sentiasa tersenyum melayan tetamu
  - Berbual bersama mereka dan bertanyakan khabar berita diri dan keluarga mereka.
  - Menjaga tutur kata supaya tidak menyinggung perasaan mereka.
- ☉ Menyediakan jamuan mengikut kemampuan.
  - Menyediakan makanan yang terbaik mengikut kemampuan
  - Menjemput tetamu makan dan makan bersama tetamu.
  - Menghulurkan makanan kepada tetamu.
  - Jangan mengemas hidangan sebelum tetamu selesai makan.
- ☉ Menyediakan kemudahan yang baik kepada ahli keluarga tetamu
  - Memberikan layanan yang baik kepada keluarga tetamu.
  - Menunjukkan tandas dan bilik air yang bersih apabila diperlukan.
  - Menyediakan bilik yang selesa sekiranya tetamu ingin bermalam.

#### **LAMAN NURANI**

Pesanan Rasulullah s.a.w.

- ♥ Makanlah bersama-sama tetamu kerana tetamu malu makan bersendirian.
- ♥ Iringilah tetamu pulang hingga ke pintu.

#### **BATAS-BATAS PERGAULAN BERSAMA-SAMA TETAMU**

1. Memakai pakaian yang bersih, kemas, dan menutup aurat.
2. Menjaga suasana rumah supaya tidak mengganggu ketenteraman tetamu.
3. Elakkan daripada melakukan sesuatu yang menjatuhkan maruah tetamu seperti melunjurkan kaki ke arahnya.
4. Memaklumkan kepada tetamu sekiranya ingin meninggalkan rumah kerana ada tugas luar.

#### **KELEBIHAN MELAYAN TETAMU**

1. Mendapat ganjaran pahala dan keampunan Allah.
2. Murah rezeki, mendapat rahmat dan berkat daripada Allah.
3. Bertambah kasih sayang antara tetamu dengan tuan rumah yang dikunjungi.
4. Mengeratkan silaturrahim dan memupuk perpaduan.
5. Membantu perkembangan institusi pelancongan.
6. Menarik perhatian orang bukan Islam terhadap Islam.

#### **IMPLIKASI TIDAK BERADAB DENGAN TETAMU**

1. Tetamu berasa dirinya dihina dan tidak dihormati.
2. Menimbulkan pergaduhan dan perpecahan.
3. Menghilangkan rasa kasih sayang dalam kalangan anggota masyarakat.
4. Menjauhkan orang bukan Islam daripada mendekati dan memahami Islam.
5. Menjadikan industri pelancongan tidak mendapat sambutan.
6. Menjatuhkan imej diri, masyarakat, dan negara.

#### **ADAB SEBAGAI TETAMU**

1. Berkunjunglah mengikut masa yang sesuai. Elakkan daripada berkunjung pada waktu makan atau ketika tuan rumah sedang berehat.
2. Berilah salam terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah.
3. Masuk ke dalam rumah setelah dijemput dan duduk di tempat yang disediakan dengan sopan.
4. Elakkan daripada memandang liar ke arah peralatan di dalam rumah.
5. Makan makanan yang disediakan dengan sopan apabila dijemput.
6. Ucapkan terima kasih terhadap layanan yang diberikan.
7. Ucapkan salam sebelum pulang.
8. Sekiranya ingin bermalam, jangan melebihi 3 hari kerana akan menyusahkan tuan rumah.
9. Jangan membawa orang lain bersama sebelum mendapat kebenaran tuan rumah.

#### **TAMADUN**


Sekiranya memberi layanan baik dan mesra terhadap tetamu menjadi budaya dalam kehidupan umat Islam hari ini, sektor pelancongan akan menjadi lebih pesat. Pelancong-pelancong luar akan berasa selesa dan aman berada di Negara yang rakyatnya mempunyai budi yang luhur dan hati yang jujur.

#### **PENGHAYATAN**

1. Menyambut dan melayan tetamu dengan mesra dan ikhlas.
2. Sentiasa prihatin terhadap kebersihan rumah dan ruang tamu.
3. Menjaga sopan santun ketika berkunjung ke rumah orang lain.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan hukum menyambut dan melayan tetamu. (2m)
2. Jelaskan empat adab melayan tetamu yang ditetapkan oleh Islam. (4m)
3. Terangkan tiga kesan baik melayan tetamu. (6m)
4. Terangkan tiga adab yang sepatutnya dijaga ketika bertamu. (6m)
5. Huraikan tiga implikasi tidak melayan tetamu mengikut adab Islam. (6m)



## **UNIT 2: ADAB MENJALANKAN TUGAS**

(PMR 2007)

### **KONSEP BEKERJA DALAM ISLAM**

Bekerja ialah tuntutan dan tanggungjawab manusia di muka bumi. Setiap orang wajib melaksanakan tugas mengikut keupayaan dan kepakaran yang dianugerahkan oleh Allah.

#### **TUJUAN BEKERJA**

- Menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.
- Mencari rezeki yang halal untuk menyara keluarga.
- Dapat hidup dengan selesa.
- Meningkatkan hasil pendapatan negara.

#### **GALERI ILMU 1**

Tahukah anda bahawa:

- Peniaga yang jujur akan bersama dengan para nabi pada hari akhirat.
- Orang yang memungut tin kosong dan menjualnya untuk mendapat sesuap

makanan lebih baik daripada orang yang meminta-minta belas kasihan orang lain tanpa berusaha.

### **ADAB KETIKA MENJALANKAN TUGAS**

(PMR 2007)

1. Memulakan setiap pekerjaan dan aktiviti dengan membaca basmalah.
2. Menyelesaikan tugas pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan.
3. Sentiasa berpakaian menutup aurat, kemas, bersih, dan sesuai dengan pekerjaan yang dilakukan.
4. Mengamalkan sikap toleransi dan bekerjasama.
5. Mematuhi arahan ketua.

### **SIKAP NEGATIF KETIKA BERTUGAS**

1. Menyiapkan tugas tidak mengikut masa yang telah ditetapkan.
2. Mementingkan diri sendiri dan tidak bertimbang rasa.
3. Tidak bekerjasama dengan rakan setugas.
4. Malas berusaha dan mencuri tulang.
5. Bekerja hanya untuk mendapat pujian dan sanjungan.
6. Lebih mementingkan keuntungan daripada kepentingan orang ramai.
7. Hasad dengki terhadap kejayaan orang lain.
8. Tidak menghargai usaha orang lain.
9. Tidak mementingkan kualiti perkhidmatan.
10. Membocorkan rahsia majikan.

### **CIRI PETUGAS YANG BAIK**

1. Menganggap pekerjaan itu sebagai suatu ibadat.
2. Melaksanakan kerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh.
3. Bertanggungjawab, jujur, dan amanah ketika bekerja.
4. Istiqamah dalam pekerjaan.
5. Tidak meninggalkan ibadat wajib.

### **KELEBIHAN MENGAMALKAN ADAB- ADAB BERTUGAS**

1. Kerja dan tugas yang dilakukan mendapat keberkatan.
2. Pendapatan yang diperolehi menjadi rezeki yang halal.
3. Hasil kerja yang dilakukan mendapat faedah yang berpanjangan.

4. Hubungan silaturrahim antara rakan setugas menjadi lebih rapat.

#### **AKIBAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KETIKA BERTUGAS (PMR 2007)**

1. Kerja yang diamanahkan tidak dilaksanakan dengan sempurna.
2. Tidak dapat mencapai matlamat sesuatu program.
3. Hasil pengeluaran tidak berkualiti.
4. Hilang kepercayaan orang lain terhadap organisasi.
5. Menghalang kemajuan sesebuah negara.

#### **GALERI ILMU 2**

Imam Hassan Al-Basri ditanya tentang rahsia zuhudnya, lalu beliau menjawab.

- Aku tahu bahawa rezekiku tidak akan diambil oleh orang lain maka hatiku menjadi tenang.
- Aku tahu bahawa pekerjaanku tidak akan dilakukan oleh orang lain maka aku melakukannya sendiri.
- Aku tahu bahawa Allah sentiasa melihatku maka aku takut Dia (Allah) melihatku melakukan maksiat.
- Aku tahu bahawa mati menungguku maka aku bersedia dengan bekalan untuk bertemu Allah.

#### **TAMADUN**

Pembangunan yang pesat dan reka cipta yang hebat adalah disebabkan oleh pekerja yang kreatif dan inovatif dalam mengamalkan budaya kerja yang tinggi. Dengan terbentuknya budaya ini, pusat pengajian tinggi yang dinamakan Darul Hikmah, perpustakaan yang lengkap, hospital, dan pelbagai kemudahan lain dalam tamadun Bani Abasiyyah dapat diteruskan hingga kini dalam wawasan membina tamadun yang seimbang dan cemerlang.


#### **PENGHAYATAN**

1. Dedikasi dalam pekerjaan dan bersedia menawarkan khidmat secara suka rela.
2. Sentiasa mementingkan hasil kerja yang selaras dengan misi dan visi.
3. Menjalankan tugas secara kreatif dan inovatif.

#### **PENILAIAN**

1. Nyatakan tiga kepentingan bekerja dalam Islam. (6m)
2. Jelaskan empat adab menjalankan tugas dalam Islam. (4m)

3. Terangkan lima sikap negatif yang perlu dielakkan semasa bertugas. (5m)
4. Terangkan tiga kelebihan beramal dengan adab-adab bertugas. (6m)
5. Jelaskan tiga akibat tidak bertanggungjawab ketika bertugas. (6m)



## **UNIT 3: ADAB BERCAKAP DALAM MAJLIS**

### **MAKSUD MAJLIS**

1. Dari segi bahasa: Tempat berhimpun
2. Dari segi istilah syarak: Sebarang pertemuan atau perjumpaan yang dihadiri ramai orang kerana sesuatu tujuan tertentu.

### **JENIS-JENIS MAJLIS:**

1. Majlis As-Soleh (Majlis yang baik)

Ciri-cirinya:

- Majlis yang mengingatkan pesertanya kepada Allah dan menepati kehendak syarak.
- Contohnya: *majlis ilmu, majlis zikir, majlis mesyuarat, dan majlis perkahwinan yang tidak mengandungi perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.*

2. Majlis As-Suk (Majlis yang buruk)

Majlis yang mempunyai ciri-ciri yang melalaikan daripada mengingati Allah dan berlaku perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak.

Contohnya: *Konsert muzik rock, pesta-pesta liar, dan majlis tari menari di kelab-kelab malam atau disko.*

### **ADAB BERCAKAP DALAM MAJLIS**

1. Bercakap lemah lembut dengan memandang muka pendengar.
2. Mengucapkan percakapan yang berkesan dan mudah difahami.
3. Merendahkan suara dan bersikap merendah diri.
4. Bercakap benar dalam semua keadaan.
5. Menyesuaikan percakapan dengan majlis yang dihadiri.

6. Mengucapkan percakapan yang baik dan berfaedah.
7. Menuturkan percakapan yang dapat mengingatkan Allah.
8. Memohon maaf sekiranya terkasar bahasa.
9. Bertutur menggunakan perkataan yang sopan.
10. Memberi peluang orang lain bercakap dan menghormati pendapat mereka.

#### LAMAN NURANI

- *Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:*  
“Sesungguhnya Allah benci orang yang buruk perangai dan lidahnya.”
- *Nabi bersabda lagi yang bermaksud:*  
“Tidak lurus keimanan seseorang sehingga lurus hatinya, dan tidak lurus hatinya sehingga lurus lidahnya.”

#### FAEDAH BERADAB SEMASA BERCAKAP

1. Menjauhi prasangka buruk dan salah faham.
2. Memudahkan tercapainya sesuatu matlamat di samping dapat memberikan kesan positif kepada pendengar.
3. Menimbulkan kemesraan dan mengukuhkan persaudaraan serta perpaduan.
4. Menyampaikan maklumat dengan jelas dan tersusun.
5. Mewujudkan suasana yang harmoni.
6. Mendapat keredaan Allah dan terpelihara daripada gangguan syaitan.

#### KELEBIHAN ORANG YANG BERCAKAP BENAR

1. Mendapat kepercayaan masyarakat.
2. Jauh daripada sifat nifaq (munafik).
3. Mendapat keampunan dan keredaan Allah.
4. Kehidupan tenang dan tenteram.
5. Dapat mengatasi tipu daya syaitan.
6. Terhindar daripada dosa melakukan pembohongan.
7. Jiwa dan minda disinari nur Allah.
8. Dapat bersama-sama Rasulullah di dalam syurga.

#### AKIBAT TIDAK MENJAGA ADAB KETIKA BERCAKAP

1. Tidak mendapat kepercayaan masyarakat.
2. Mendapat dosa dan dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya.
3. Mencetuskan perbalahan, pertikaman lidah, dan perpecahan.
4. Keras hati dan jiwa tidak tenang.
5. Sukar menyelesaikan masalah.
6. Berperilaku buruk dan disisihkan oleh masyarakat.

#### CARA-CARA MENYAMPAIKAN UCAPAN YANG BERKESAN


1. Mengatasi kegugupan.
2. Mengetahui tahap pemikiran pendengar.
3. Mengumpul maklumat.
4. Mengatur bahan ucapan.
5. Merancang pengenalan dan penutup ucapan.
6. Membuat latihan berucap.
7. Menyampaikan ucapan dengan penuh yakin.

#### PENGHAYATAN

1. Menunjukkan contoh tauladan yang baik apabila bercakap.
2. Bersopan ketika bercakap dalam majlis.
3. Bercakap benar dan tidak melampaui batas.

#### PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian majlis dan jenis-jenisnya. (4m)
2. Senaraikan lima adab bercakap dalam majlis. (5m)
3. Terangkan tiga faedah mengamalkan adab bercakap dalam majlis. (6m)
4. Bercakap benar mempunyai banyak kebaikan.  
Jelaskan tiga kebaikan yang diperolehi apabila seseorang itu bercakap benar. (6m)
5. Terangkan tiga akibat jika tidak menjaga adab ketika bercakap. (6m)



#### ADAB TERHADAP IBU BAPA (PMR 2007)

#### SEBAB WAJIB BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

1. Amalan ini tuntutan agama.

2. Mereka bertanggungjawab mencari nafkah dan mendidik anak dari kecil sehingga dewasa.
3. Untuk kita membalas jasa baik mereka.
4. Supaya anak-anak kita nanti akan berbakti kepada kita.
5. Menjamin keutuhan sistem kekeluargaan.

#### **GALERI ILMU**

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Amalan yang paling disukai Allah ialah menunaikan solat pada waktunya, kemudian berbuat baik kepada ibu bapa, seterusnya berjihad pada jalan Allah.

#### **TANGGUNGJAWAB ANAK TERHADAP IBU BAPA**

1. Taat perintah mereka selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak.
2. Merendah diri dan menghormati mereka.
3. Berbakti kepada mereka bila-bila masa, terutama apabila mereka sudah tua.
4. Berdoa dan memohon ampun untuk mereka.
5. berbuat baik kepada rakan-rakan mereka.

#### **ADAB TERHADAP IBU BAPA**

##### **Dari Segi Percakapan**

1. Bercakap dengan hormat dan sopan santun.
2. Merendahkan suara di hadapan mereka.
3. Menumpukan perhatian ketika mereka bercakap.
4. Menunjukkan muka yang manis ketika berkomunikasi dengan mereka.
5. Menggunakan bahasa yang baik ketika bercakap dengan mereka.

##### **Dari Segi Pergaulan**

1. Berdiri untuk memberi hormat kepada mereka.
2. Memberi hormat ketika bertemu dengan mereka.
3. Mencium tangan mereka sebelum ke sekolah dan sebelum tidur.
4. Jangan mendahului mereka ketika menjamah makanan.
5. Jangan melunjurkan kaki ke arah mereka ketika duduk.

#### **CARA BERBAKTI KEPADA IBU BAPA**

##### ***Semasa Mereka Hidup***

1. Menjaga mereka semasa tua dan sakit.
2. Memberikan nafkah kepada mereka.
3. Menziarahi mereka jika tinggal berasingan.
4. Mendoakan kesejahteraan mereka.

#### ***Setelah Mereka Meninggal Dunia***

(PMR 2007)

1. Mendoakan keampunan untuk mereka
2. Membayar hutang mereka sekiranya ada.
3. Melaksanakan wasiat mereka.
4. Berbuat baik kepada sahabat-sahabat mereka.

#### **GALERI ILMU**

##### **Renungan maksud hadis ini:**

Ketika kami (para sahabat) duduk bersama-sama Rasulullah, tiba-tiba datang seorang lelaki daripada Bani Salamah bertanya kepada Rasulullah: “Wahai Rasulullah! Adakah aku masih berkewajipan berbuat baik terhadap ibu bapaku selepas mereka meninggal dunia?” Jawab Rasulullah: “Ya, Kamu masih berkewajipan berdoa dan memohon keampunan untuk mereka, menunaikan janji mereka, memuliakan rakan-rakan mereka, serta menghubungkan silaturrahim dengan sahabat mereka”.

#### **KESAN BAIK BERBAKTI KEPADA IBU BAPA**

1. Mendapat keberkatan hidup.
2. Disayangi oleh keluarga.
3. Mendapat ganjaran pahala.
4. Ikatan kekeluargaan bertambah kukuh.
5. Mendapat balasan syurga di akhirat.

#### **AKIBAT DERHAKA KEPADA IBU BAPA**

1. Kehidupan tidak diberkati oleh Allah.
2. Dikenakan **azab neraka** di akhirat.
3. Mengancam keharmonian masyarakat.
4. Runtuhnya institusi kekeluargaan.

#### **Doa untuk ibu bapa**

صغیرا ربیبائی کما ورحمہما ولوالدی اغفر لی رب

#### **TAMADUN**

Anak yang taat kepada ibu bapa akan mewujudkan keluarga yang bahagia. Kestabilan dan kebahagiaan dalam keluarga pula adalah pemangkin utama ke arah mewujudkan masyarakat penyayang. Seterusnya masyarakat


penyayang akan menghasilkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial dalam negara. Ketaatan anak kepada ibu bapa akan menghasilkan keberkatan hidup dalam keluarga, masyarakat, dan negara.

### **PENGHAYATAN**

1. Patuh dan taat kepada ibu bapa.
2. Berdoa untuk kesejahteraan ibu bapa selepas solat.
3. Berbakti kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya.

### **PENILAIAN**

1. Senaraikan tiga sebab anak perlu berbakti kepada ibu bapa. (6m)
2. Terangkan cara-cara berbakti kepada ibu bapa:
  - i. Semasa mereka hidup
  - ii. Setelah mereka meninggal dunia. (8m)
3. Huraikan tiga akibat anak yang derhaka terhadap ibu bapa. (6m)
4. Bagaimanakah anda dapat menunjukkan kasih sayang kepada kedua-dua ibu bapa? (4m)



## **ADAB BERPIDATO**

### **MAKSUD PIDATO**

Ucapan yang disampaikan oleh seseorang di khalayak ramai.

### **GALERI ILMU**

Sabda Nabi yang bermaksud:  
Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat.

### **FORMAT PIDATO**

#### **1. Mukaddimah:**

- Dimulakan dengan ucapan salam.
- Diikuti dengan memuji Allah.
- Berselawat kepada Nabi.
- Memberi penghormatan kepada orang tertentu dengan menyebut nama atau jawatan seperti “Yang dihormati pengerusi majlis, yang berusaha tuan pengetua, dan rakan-rakan sekalian”.

#### **2. Isi:**

Bahagian ini merupakan pidato yang sebenarnya terdiri daripada idea utama dan idea sampingan. Idea hendaklah disusun dengan baik dan disokong dengan data dan contoh.

### **3. Penutup:**

Bahagian terakhir pidato. Pada bahagian ini, hendaklah dibuat kesimpulan dan rumusan, seterusnya diakhiri dengan ucapan terima kasih dan ucapan salam.

### **ADAB BERPIDATO**

1. Berpakaian kemas bersesuaian dengan kehendak Islam.
2. Menyampaikan pidato secara berhikmah.
3. Isi kandungan sesuai dengan tajuk.
4. Ucapan tidak menyentuh perkara sensitif.
5. Menggunakan bahasa yang sesuai dan sopan.
6. Ucapan yang tidak menyentuh peribadi seseorang.

### **CIRI-CIRI PIDATO YANG BAIK**

1. Menggunakan bahasa yang sopan, nada suara dan gaya yang sesuai.
2. Ucapan tidak terlalu lama sehingga membosankan dan tidak terlalu ringkas sehingga tidak mencapai maksud.
3. Bersandarkan kepada hujah-hujah Al-Quran dan hadis serta dimantapkan dengan hujah akal.
4. Disampaikan dengan penuh keyakinan, fasih dan lancar.

### **CIRI-CIRI PIDATO YANG TIDAK BAIK**

1. Menggunakan bahasa yang kasar dan kesat.
2. Ucapan terlalu lama atau terlalu ringkas.
3. Disampaikan secara emosi.
4. Ucapan yang gagap dan tersekat-sekat.

### **LAMAN NURANI 1**

Sabda Nabi yang bermaksud:  
Kami (para nabi) diperintahkan untuk mengeluarkan kata-kata yang bersesuaian dengan pemikiran pendengar.

### **LAMAN NURANI 2**

Rasulullah s.a.w. apabila berkhotbah merah matanya, tinggi suaranya, dan kelihatan bersangatan marahnya seolah-olah baginda memberi arahan kepada tentera.



## **CARA MENJADI PEMIDATO YANG BAIK** **Mesti ada....**

### **1. Pengetahuan:**

Pemidato mestilah berpengetahuan luas tentang isi ucapan.

### **2. Kemahiran berpidato:**

Mampu menarik perhatian pendengar kepada ucapannya.

### **3. Keyakinan:**

Yakin kepada diri sendiri dan isi ucapan berkait rapat dengan persediaan.

### **4. Peribadi yang baik:**

Cara berpakaian, berjalan, dan bergaul dalam majlis.

## **KESAN PIDATO YANG BAIK**

### *Kepada Individu*

1. Boleh mengubah sikap pendengar.
2. Mudah menerima teguran.

### *Kepada Masyarakat*

1. Menyatupadukan masyarakat.
2. Memberi motivasi ke arah perpaduan.

## **AKIBAT TIDAK BERADAB SEMASA BERPIDATO**

1. Tidak memberikan sebarang kesan positif.
2. Menjatuhkan maruah seseorang.
3. Masyarakat berpecah belah dan bersengketa.

## **TAMADUN**

Pada zaman millennium ini, dakwah yang berjaya perlu kepada penguasaan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi. Dengan menggunakan ICT, dakwah itu dapat disalurkan dan disebar ke seluruh dunia.


## **PENGHAYATAN**

1. Berani mengeluarkan pendapat yang benar.
2. Nasihat-menasihati ke arah perkara-perkara kebaikan.
3. Menanam keyakinan dalam diri untuk berhadapan dengan orang ramai.

## **PENILAIAN**

1. Apakah maksud pidato? (2m)
2. Jelaskan secara ringkas tiga format pidato. (6m)

3. Senaraikan tiga sebab perlu beradab ketika berpidato. (6m)
4. Terangkan lima adab ketika berpidato. (5m)
5. Jelaskan tiga akibat tidak beradab semasa berpidato. (6m)
6. Pidato yang baik akan menghasilkan kesan positif.  
Huraikan tiga ciri pidato yang baik. (6m)



NOTA INI DIRUMIKAN DARIPADA  
BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM  
TINGKATAN TIGA

HAKCIPTA TERPELIHARA  
PN. NORHAMISAH BINTI MD. HASSAN

BACALAH DENGAN HATIMU.....